JUZU' KE-22

SURAH SABA'

SURAH KE

34

SURAH SABA'

Surah Kaum Saba'

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

54

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 9)

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ٱلَّذِى لَهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ
وَلَهُ ٱلْحَمْدُ فِى ٱلْءَاخِرَةِ ۚ وَهُوَ ٱلْحَكِيمُ ٱلْخَبِيرُ ﴿١﴾
يَعْلَمُ مَا يَلِجُ فِى ٱلْأَرْضِ وَمَا يَخْرُجُ مِنْهَا وَمَا يَنزِلُ مِنَ
ٱلسَّمَآءِ وَمَا يَعْرُجُ فِيهَا ۚ وَهُوَ ٱلرَّحِيمُ ٱلْغَفُورُ ﴿٢﴾
وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَا تَأْتِينَا ٱلسَّاعَةُ ۖ قُلْ بَلَىٰ وَرَبِّى
لَتَأْتِيَنَّكُمْ عَٰلِمِ ٱلْغَيْبِ ۖ لَا يَعْزُبُ عَنْهُ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ
فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَلَا فِى ٱلْأَرْضِ وَلَآ أَصْغَرُ مِن
ذَٰلِكَ وَلَآ أَكْبَرُ إِلَّا فِى كِتَٰبٍ مُّبِينٍ ﴿٣﴾
لِّيَجْزِىَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ ۚ
أُو۟لَٰٓئِكَ لَهُم مَّغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ ﴿٤﴾
وَٱلَّذِينَ سَعَوْ فِىٓ ءَايَٰتِنَا مُعَٰجِزِينَ أُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمْ
عَذَابٌ مِّن رِّجْزٍ أَلِيمٌ ﴿٥﴾
وَيَرَى ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْعِلْمَ ٱلَّذِىٓ أُنزِلَ إِلَيْكَ مِن
رَّبِّكَ هُوَ ٱلْحَقَّ وَيَهْدِىٓ إِلَىٰ صِرَٰطِ ٱلْعَزِيزِ
ٱلْحَمِيدِ ﴿٦﴾
وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ هَلْ نَدُلُّكُمْ عَلَىٰ رَجُلٍ يُنَبِّئُكُمْ
إِذَا مُزِّقْتُمْ كُلَّ مُمَزَّقٍ إِنَّكُمْ لَفِى خَلْقٍ جَدِيدٍ ﴿٧﴾
أَفْتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا أَم بِهِۦ جِنَّةٌۢ ۗ بَلِ ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ
بِٱلْءَاخِرَةِ فِى ٱلْعَذَابِ وَٱلضَّلَٰلِ ٱلْبَعِيدِ ﴿٨﴾
أَفَلَمْ يَرَوْا۟ إِلَىٰ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُم مِّنَ ٱلسَّمَآءِ
وَٱلْأَرْضِ ۚ إِن نَّشَأْ نَخْسِفْ بِهِمُ ٱلْأَرْضَ أَوْ نُسْقِطْ
عَلَيْهِمْ كِسَفًا مِّنَ ٱلسَّمَآءِ ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَةً
لِّكُلِّ عَبْدٍ مُّنِيبٍ ﴿٩﴾

"Segala kepujian terpulang kepada Allah yang memiliki segala apa yang ada di langit dan segala apa yang ada di bumi. Dan kepada-Nya terpulang segala kepujian di Akhirat. Dan Dialah yang Maha Bijaksana dan Maha Pakar (1). Dia mengetahui segala apa yang masuk ke bumi dan segala apa yang keluar darinya, dan segala apa yang turun dari langit dan segala apa yang naik kepadanya. Dan Dialah Yang Maha Pengasih dan Maha Pengampun (2). Dan orang-orang kafir telah berkata: Hari Qiamat itu tidak akan datang kepada kita. Katakanlah (wahai Muhammad!): Bahkan ia tetap datang, demi Tuhanku yang mengetahui segala perkara yang ghaib, Hari Qiamat itu pasti akan datang kepada kamu, tidak tersembunyi dari pengetahuan-Nya seberat zarrah yang ada di langit dan di bumi, dan tiada suatu yang lebih kecil atau lebih besar darinya melainkan semuanya tertulis di dalam kitab yang amat terang (3). Supaya Allah memberi balasan kepada orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang salih. Mereka sekalian akan mendapat keampunan dan rezeki yang mulia (4). Dan (sebaliknya) orang-orang yang berusaha menentang ayat-ayat Kami dan mencabar (Kami) mereka akan mendapat keseksaan dari jenis 'azab yang amat pedih (5). Dan orang-orang yang dikurniakan ilmu pengetahuan itu memang mengetahui bahawa Al-Qur'an yang diturunkan kepadamu itu adalah benar dan ia memberi hidayat ke jalan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Terpuji (6). Dan orang-orang kafir telah berkata (mengejek): Mahukah kami tunjukkan kepada kamu seorang lelaki (Muhammad) yang memberitakan kepada kamu bahawa apabila (badan) kamu telah dihancurleburkan kamu akan dihidupkan kembali dalam bentuk kejadian yang baru? (7) Apakah dia mengadakan pendustaan terhadap Allah atau dia terkena penyakit gila? Bahkan sebenarnya orang-orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat itu berada di dalam keseksaan dan kesesatan yang amat jauh (8). Apakah mereka tidak melihat kejadian-kejadian (yang terpampang) di hadapan dan di belakang mereka dari langit dan bumi? Jika Kami kehendaki nescaya Kami benamkan mereka ke dalam bumi atau Kami gugurkan serpihan-serpihan dari langit, sesungguhnya kejadian-kejadian sedemikian menjadi bukti bagi setiap hamba yang kembali kepada Allah."(9)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Maudhu'-maudhu' Surah Makkiyah ini ialah maudhu'-maudhu' yang mengenai 'aqidah yang pokok iaitu mentauhidkan Allah, beriman kepada wahyu dan percaya kepada kebangkitan semula di samping membetulkan setengah-setengah nilai asasi yang berkaitan dengan maudhu'-maudhu' 'aqidah yang pokok itu, juga menjelaskan bahawa hanya iman dan amal yang salih sahaja bukannya harta dan anak-anak yang menjadi asas hukuman dan balasan di sisi Allah, serta menyatakan bahawa di sana tiada satu kekuatan yang dapat melindungkan seseorang dari keseksaan Allah dan tiada satu syafa'at pun yang berguna kecuali dengan keizinan Allah.

Penekanan yang terbesar di dalam surah ini ialah di atas persoalan kebangkitan semula, persoalan balasan, juga persoalan hakikat ilmu Allah yang meliputi segala-galanya. Kedua-dua persoalan inilah yang disentuh berulang-ulang kali di dalam surah ini dengan berbagai-bagai cara dan uslub. Persoalan-persoalan itu membayangi seluruh suasana surah dari awal hingga akhir.

Mengenai persoalan kebangkitan semula surah ini menerangkan:

وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ لَا تَأۡتِينَا ٱلسَّاعَةُۖ قُلۡ بَلَىٰ وَرَبِّي لَتَأۡتِيَنَّكُمۡ عَٰلِمِ ٱلۡغَيۡبِۖ لَا يَعۡزُبُ عَنۡهُ مِثۡقَالُ ذَرَّةٖ فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَلَا فِي ٱلۡأَرۡضِ وَلَآ أَصۡغَرُ مِن ذَٰلِكَ وَلَآ أَكۡبَرُ إِلَّا فِي كِتَٰبٖ مُّبِينٖ ٣

"Dan orang-orang kafir telah berkata: Hari Qiamat itu tidak akan datang kepada kita. Katakanlah (wahai Muhammad!): Bahkan ia tetap datang, demi Tuhanku yang mengetahui segala perkara yang ghaib, Hari Qiamat itu pasti akan datang kepada kamu, tidak tersembunyi dari pengetahuan-Nya walau seberat zarrah yang ada di langit dan di bumi, dan tiada suatu yang lebih kecil atau lebih besar darinya melainkan semuanya tertulis di dalam kitab yang amat terang."(3)

Mengenai persoalan balasan pula surah ini menerangkan:

لِّيَجۡزِيَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِۚ أُوْلَٰٓئِكَ لَهُم مَّغۡفِرَةٞ وَرِزۡقٞ كَرِيمٞ ٤ وَٱلَّذِينَ سَعَوۡ فِيٓ ءَايَٰتِنَا مُعَٰجِزِينَ أُوْلَٰٓئِكَ لَهُمۡ عَذَابٞ مِّن رِّجۡزٍ أَلِيمٞ ٥

"Supaya Allah memberi balasan kepada orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang salih. Mereka sekalian akan mendapat keampunan dan rezeki yang mulia (4). Dan (sebaliknya) orang-orang yang berusaha menentang ayat-ayat Kami dan mencabar (Kami) mereka akan mendapat keseksaan dari jenis 'azab yang amat pedih."(5)

Dan di satu tempat lain yang berhampiran dengan ayat ini surah ini menerangkan:

وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ هَلۡ نَدُلُّكُمۡ عَلَىٰ رَجُلٖ يُنَبِّئُكُمۡ إِذَا مُزِّقۡتُمۡ كُلَّ مُمَزَّقٍ إِنَّكُمۡ لَفِي خَلۡقٖ جَدِيدٍ ٧ أَفۡتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا أَم بِهِۦ جِنَّةُۢۗ بَلِ ٱلَّذِينَ لَا يُؤۡمِنُونَ بِٱلۡأٓخِرَةِ فِي ٱلۡعَذَابِ وَٱلضَّلَٰلِ ٱلۡبَعِيدِ ٨

"Dan orang-orang kafir telah berkata (mengejek): Mahukah kami tunjukkan kepada kamu seorang lelaki (Muhammad) yang memberitakan kepada kamu bahawa apabila (badan) kamu telah dihancurleburkan kamu akan dihidupkan kembali dalam bentuk kejadian yang baru? (7) Apakah dia mengadakan pendustaan terhadap Allah atau dia terkena penyakit gila? Bahkan sebenarnya orang-orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat itu berada di dalam keseksaan dan kesesatan yang amat jauh."(8)

Surah ini menayangkan berbagai-bagai pemandangan Qiamat yang mengandungi kecaman-kecaman terhadap orang-orang yang mendustakan-nya dan gambaran-gambaran 'azab yang dibohong-kan mereka atau yang diragui mereka seperti:

وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ لَن نُّؤۡمِنَ بِهَٰذَا ٱلۡقُرۡءَانِ وَلَا بِٱلَّذِي بَيۡنَ يَدَيۡهِۗ وَلَوۡ تَرَىٰٓ إِذِ ٱلظَّٰلِمُونَ مَوۡقُوفُونَ عِندَ رَبِّهِمۡ يَرۡجِعُ بَعۡضُهُمۡ إِلَىٰ بَعۡضٍ ٱلۡقَوۡلَ يَقُولُ ٱلَّذِينَ ٱسۡتُضۡعِفُواْ لِلَّذِينَ ٱسۡتَكۡبَرُواْ لَوۡلَآ أَنتُمۡ لَكُنَّا مُؤۡمِنِينَ ٣١

قَالَ ٱلَّذِينَ ٱسۡتَكۡبَرُواْ لِلَّذِينَ ٱسۡتُضۡعِفُوٓاْ أَنَحۡنُ صَدَدۡنَٰكُمۡ عَنِ ٱلۡهُدَىٰ بَعۡدَ إِذۡ جَآءَكُمۖ بَلۡ كُنتُم مُّجۡرِمِينَ ٣٢

وَقَالَ ٱلَّذِينَ ٱسۡتُضۡعِفُواْ لِلَّذِينَ ٱسۡتَكۡبَرُواْ بَلۡ مَكۡرُ ٱلَّيۡلِ وَٱلنَّهَارِ إِذۡ تَأۡمُرُونَنَآ أَن نَّكۡفُرَ بِٱللَّهِ وَنَجۡعَلَ لَهُۥٓ أَندَادٗاۚ وَأَسَرُّواْ ٱلنَّدَامَةَ لَمَّا رَأَوُاْ ٱلۡعَذَابَۚ وَجَعَلۡنَا ٱلۡأَغۡلَٰلَ فِيٓ أَعۡنَاقِ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْۖ هَلۡ يُجۡزَوۡنَ

إِلَّا مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٣٣﴾

"Dan (alangkah dahsyatnya) sekiranya engkau melihat ketika orang-orang yang zalim itu dibawa berdiri di hadapan Tuhan mereka (untuk dihisab), lalu mereka memulangkan tuduhan terhadap satu sama lain. Pengikut-pengikut yang lemah berkata kepada ketua-ketua yang sombong: Kalaulah tidak kerana kamu, tentulah kami telah menjadi orang-orang yang beriman (31). Ketua-ketua yang sombong pula berkata kepada pengikut-pengikut yang lemah: Adakah kami yang menghalangkan kamu dari hidayat setelah ia datang kepada kamu? Bahkan sebenarnya kamulah sendiri yang menjadi kafir (32). Dan berkata pula pengikut-pengikut yang lemah kepada ketua-ketua yang sombong: Tidak, bahkan sebenarnya tipu daya (kamu) malam dan siang (itulah yang menghalangkan kami dari beriman) ketika itu kamu menyuruh supaya kami mengingkari Allah dan mengadakan sekutu-sekutu bagi-Nya, mereka (masing-masing) memendamkan perasaan menyesal apabila mereka melihat 'azab seksa dan Kami pasangkan belenggu-belenggu pada leher orang-orang yang kafir itu: Mereka tidak dibalas melainkan kerana dosa-dosa yang telah dilakukan mereka."(33)

Pemandangan-pemandangan seperti ini berulang-ulang di sana sini di dalam surah ini dan akhirnya ditamatkan dengan pemandangan yang sama:

وَلَوْ تَرَىٰٓ إِذْ فَزِعُوا۟ فَلَا فَوْتَ وَأُخِذُوا۟ مِن مَّكَانٍ قَرِيبٍ ﴿٥١﴾

وَقَالُوٓا۟ ءَامَنَّا بِهِۦ وَأَنَّىٰ لَهُمُ ٱلتَّنَاوُشُ مِن مَّكَانٍۭ بَعِيدٍ ﴿٥٢﴾

"Dan (alangkah dahsyat) sekiranya engkau melihat (orang-orang kafir) itu ketika mereka berada dalam ketakutan (pada hari kebangkitan) dan mereka tidak ada jalan untuk melepaskan diri dan mereka ditangkap dari tempat yang dekat (51). Dan lalu mereka berkata: Kami beriman dengan (Muhammad), (tetapi) masakan mereka dapat mencapai keimanan itu dari tempat yang jauh (di Akhirat)."(52)

وَحِيلَ بَيْنَهُمْ وَبَيْنَ مَا يَشْتَهُونَ كَمَا فُعِلَ بِأَشْيَاعِهِم مِّن قَبْلُ ۚ إِنَّهُمْ كَانُوا۟ فِى شَكٍّ مُّرِيبٍۭ ﴿٥٤﴾

"Dan halangan telah diadakan di antara mereka dengan keimanan yang diingini mereka sebagaimana telah dilakukan kepada orang-orang yang serupa dengan mereka sebelum ini. Sesungguhnya mereka dahulu berada di dalam keraguan yang amat mendalam."(54)

Dan mengenai persoalan ilmu Allah yang syumul itu telah diterangkan di permulaan surah:

يَعْلَمُ مَا يَلِجُ فِى ٱلْأَرْضِ وَمَا يَخْرُجُ مِنْهَا وَمَا يَنزِلُ مِنَ ٱلسَّمَآءِ وَمَا يَعْرُجُ فِيهَا ۚ

"Dia mengetahui segala apa yang masuk ke bumi dan segala apa yang keluar darinya, dan segala apa yang turun dari langit dan segala apa yang naik kepadanya."(2)

Kemudian hakikat itu disebut pula sebagai ulasan kepada pendustaan terhadap Qiamat:

قُلْ بَلَىٰ وَرَبِّى لَتَأْتِيَنَّكُمْ عَٰلِمِ ٱلْغَيْبِ ۖ لَا يَعْزُبُ عَنْهُ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَلَا فِى ٱلْأَرْضِ وَلَآ أَصْغَرُ مِن ذَٰلِكَ وَلَآ أَكْبَرُ إِلَّا فِى كِتَٰبٍ مُّبِينٍ ﴿٣﴾

"Katakanlah (wahai Muhammad!): Bahkan ia tetap datang, demi Tuhanku yang mengetahui segala perkara yang ghaib, Hari Qiamat itu pasti akan datang kepada kamu, tidak tersembunyi dari pengetahuan-Nya walau seberat zarrah yang ada di langit dan di bumi, dan tiada suatu yang lebih kecil atau lebih besar darinya melainkan semuanya tertulis di dalam kitab yang amat terang."(3)

Kemudian hakikat itu disebut sekali lagi berhampiran dengan penghabisan surah ini:

قُلْ إِنَّ رَبِّى يَقْذِفُ بِٱلْحَقِّ عَلَّٰمُ ٱلْغُيُوبِ ﴿٤٨﴾

"Katakanlah: Sesungguhnya Tuhanku telah mewahyukan kebenaran dan Dia Maha Mengetahui segala perkara yang ghaib."(48)

Mengenai maudhu' tauhid pula, surah ini memulakan dengan ayat berikut:

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ٱلَّذِى لَهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ وَلَهُ ٱلْحَمْدُ فِى ٱلْءَاخِرَةِ ۚ وَهُوَ ٱلْحَكِيمُ ٱلْخَبِيرُ ﴿١﴾

"Segala kepujian terpulang kepada Allah yang memiliki segala apa yang ada di langit dan segala apa yang ada di bumi. Dan kepada-Nya terpulang segala kepujian di Akhirat. Dan Dialah yang Maha Bijaksana dan Maha Pakar."(1)

Kemudian surah ini mencabar mereka tentang sekutu-sekutu yang didakwa mereka selain dari Allah:

قُلِ ٱدْعُوا۟ ٱلَّذِينَ زَعَمْتُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ ۖ لَا يَمْلِكُونَ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَلَا فِى ٱلْأَرْضِ وَمَا لَهُمْ فِيهِمَا مِن شِرْكٍ وَمَا لَهُۥ مِنْهُم مِّن ظَهِيرٍ ﴿٢٢﴾

"Katakanlah (wahai Muhammad!): Serukanlah sembahan-sembahan yang kamu dakwa sebagai tuhan selain dari Allah. Mereka tidak memiliki seberat atom pun di langit dan tidak juga di bumi dan tidak mempunyai sebarang perkongsian (dengan Allah) dalam penciptaan langit dan bumi itu dan Allah tidak mendapat sebarang pertolongan dari mereka."(22)

Kemudian surah ini menyebut perbuatan mereka menyembah malaikat dan jin di dalam salah satu pemandangan Qiamat:

وَيَوْمَ يَحْشُرُهُمْ جَمِيعًا ثُمَّ يَقُولُ لِلْمَلَٰٓئِكَةِ أَهَٰٓؤُلَآءِ إِيَّاكُمْ كَانُوا۟ يَعْبُدُونَ ﴿٤٠﴾

قَالُوا۟ سُبْحَـٰنَكَ أَنتَ وَلِيُّنَا مِن دُونِهِم ۖ بَلْ كَانُوا۟ يَعْبُدُونَ ٱلْجِنَّ ۖ أَكْثَرُهُم بِهِم مُّؤْمِنُونَ ﴿٤١﴾

"Dan (kenangilah) Hari Qiamat yang Dia kumpulkan seluruh mereka kemudian Allah bertanya kepada malaikat-malaikat: Apakah orang-orang ini yang menyembah kamu dahulu? (40) Malaikat-malaikat menjawab: Maha Sucilah Engkau! Hanya Engkaulah Pelindung kami dan kami berlepas diri dari mereka, malah sebenarnya mereka menyembah jin. Kebanyakan mereka beriman kepadanya."(41)

Kemudian surah ini menafikan anggapan mereka bahawa malaikat akan memberi syafa'at kepada mereka di sisi Allah:

وَلَا تَنفَعُ ٱلشَّفَـٰعَةُ عِندَهُۥٓ إِلَّا لِمَنْ أَذِنَ لَهُۥ ۚ حَتَّىٰٓ إِذَا فُزِّعَ عَن قُلُوبِهِمْ قَالُوا۟ مَاذَا قَالَ رَبُّكُمْ ۖ قَالُوا۟ ٱلْحَقَّ ۖ وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْكَبِيرُ ﴿٢٣﴾

"Dan tidak berguna syafa'at di sisi Allah melainkan bagi orang yang telah diizinkan Allah. (Mereka semua menunggu dengan hati yang takut) sehingga apabila ketakutan itu telah dihilangkan dari hati mereka, barulah mereka bertanya apakah yang telah dititahkan Tuhan kamu? Jawab mereka: Kebenaran. Dan Dia Maha Tinggi dan Maha Besar."(23)

Berhubung dengan perbuatan mereka menyembah syaitan-syaitan, surah ini membawa kisah Sulaiman yang menunjukkan bagaimana makhluk jin itu telah ditundukkan kepada Sulaiman dan bagaimana lemahnya jin-jin itu hingga tidak mengetahui kematian Nabi Sulaiman:

فَلَمَّا قَضَيْنَا عَلَيْهِ ٱلْمَوْتَ مَا دَلَّهُمْ عَلَىٰ مَوْتِهِۦٓ إِلَّا دَآبَّةُ ٱلْأَرْضِ تَأْكُلُ مِنسَأَتَهُۥ ۖ فَلَمَّا خَرَّ تَبَيَّنَتِ ٱلْجِنُّ أَن لَّوْ كَانُوا۟ يَعْلَمُونَ ٱلْغَيْبَ مَا لَبِثُوا۟ فِى ٱلْعَذَابِ ٱلْمُهِينِ ﴿١٤﴾

"Apabila Kami telah menetapkan kematiannya (Sulaiman) tidak ada yang menunjukkan kematiannya itu kepada mereka (jin-jin) kecuali binatang anai-anai yang memakan tongkatnya. Oleh itu apabila dia (Sulaiman) jatuh ternyatalah kepada jin-jin itu sekiranya mereka mengetahui perkara ghaib tentulah mereka tidak tinggal (sebegitu lama) di dalam 'azab (kerja berat) yang menghinakan itu."(14)

Mengenai maudhu' wahyu dan kerasulan, surah ini menyebut ayat:

وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَن نُّؤْمِنَ بِهَـٰذَا ٱلْقُرْءَانِ وَلَا بِٱلَّذِى بَيْنَ يَدَيْهِ ۗ

"Dan orang-orang kafir berkata: Kami tidak akan beriman kepada Al-Qur'an ini dan tidak pula kepada kitab yang terdahulu darinya."(31)

dan ayat:

وَإِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ ءَايَـٰتُنَا بَيِّنَـٰتٍ قَالُوا۟ مَا هَـٰذَآ إِلَّا رَجُلٌ يُرِيدُ أَن يَصُدَّكُمْ عَمَّا كَانَ يَعْبُدُ ءَابَآؤُكُمْ وَقَالُوا۟ مَا هَـٰذَآ إِلَّآ إِفْكٌ مُّفْتَرًى ۚ وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لِلْحَقِّ لَمَّا جَآءَهُمْ إِنْ هَـٰذَآ إِلَّا سِحْرٌ مُّبِينٌ ﴿٤٣﴾

"Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Kami yang amat nyata, mereka berkata: Orang ini (Muhammad) tidak lain melainkan hanya seorang lelaki yang mahu menghalangkan kamu dari tuhan-tuhan yang disembahkan datuk nenek kamu, dan mereka berkata lagi: (Al-Qur'an) ini tidak lain melainkan hanya kata-kata dusta yang direka-rekakan sahaja. Dan berkatalah orang-orang yang kafir terhadap kebenaran yang datang kepada mereka: Al-Qur'an ini tidak lain melainkan hanya satu sihir yang terang."(43)

Kemudian surah ini memberi jawapan kepada mereka dengan menjelaskan hakikat wahyu dan hakikat kerasulan (Muhammad) dalam ayat:

وَيَرَى ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْعِلْمَ ٱلَّذِىٓ أُنزِلَ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ هُوَ ٱلْحَقَّ وَيَهْدِىٓ إِلَىٰ صِرَٰطِ ٱلْعَزِيزِ ٱلْحَمِيدِ ﴿٦﴾

"Dan orang-orang yang dikurniakan ilmu pengetahuan itu memang mengetahui bahawa Al-Qur'an yang diturunkan kepadamu itu adalah benar dan ia memberi hidayat ke jalan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Terpuji."(6)

وَمَآ أَرْسَلْنَـٰكَ إِلَّا كَآفَّةً لِّلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلَـٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٢٨﴾

"Dan Kami tidak mengutuskan engkau melainkan untuk umat manusia seluruhnya sebagai penyampai berita gembira dan penyampai amaran, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui."(28)

Mengenai maudhu' nilai-nilai surah ini menyebut:

وَمَآ أَرْسَلْنَا فِى قَرْيَةٍ مِّن نَّذِيرٍ إِلَّا قَالَ مُتْرَفُوهَآ إِنَّا بِمَآ أُرْسِلْتُم بِهِۦ كَـٰفِرُونَ ﴿٣٤﴾ وَقَالُوا۟ نَحْنُ أَكْثَرُ أَمْوَٰلًا وَأَوْلَـٰدًا وَمَا نَحْنُ بِمُعَذَّبِينَ ﴿٣٥﴾

قُلْ إِنَّ رَبِّى يَبْسُطُ ٱلرِّزْقَ لِمَن يَشَآءُ وَيَقْدِرُ وَلَـٰكِنَّ

أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٦﴾
وَمَآ أَمْوَٰلُكُمْ وَلَآ أَوْلَٰدُكُم بِٱلَّتِى تُقَرِّبُكُمْ عِندَنَا زُلْفَىٰٓ
إِلَّا مَنْ ءَامَنَ وَعَمِلَ صَٰلِحًا فَأُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمْ جَزَآءُ
ٱلضِّعْفِ بِمَا عَمِلُوا۟ وَهُمْ فِى ٱلْغُرُفَٰتِ ءَامِنُونَ ﴿٣٧﴾
وَٱلَّذِينَ يَسْعَوْنَ فِىٓ ءَايَٰتِنَا مُعَٰجِزِينَ أُو۟لَٰٓئِكَ فِى
ٱلْعَذَابِ مُحْضَرُونَ ﴿٣٨﴾

"Dan Kami tidak utuskan Rasul yang memberi amaran kepada sesebuah negeri melainkan golongan mewahlah yang berkata: Sesungguhnya Kami tidak percaya kepada agama yang kamu diutuskan membawanya (34). Dan mereka berkata lagi: Kami mempunyai harta kekayaan dan anak-anak yang paling banyak dan kami tidak akan diseksakan (35). (Wahai Muhammad!) Katakanlah: Sesungguhnya Tuhankulah yang melapang dan menyempitkan rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (36). Dan tidaklah harta kekayaan kamu dan tidak juga anak pinak kamu yang dapat mendampingkan kamu lebih dekat kepada kami kecuali mereka yang beriman dan mengerjakan amalan yang salih, maka merekalah yang akan memperolehi balasan yang berganda-ganda dengan sebab amalan yang dilakukan mereka dan mereka kelak akan ditempatkan di dalam mahligai-mahligai yang tinggi (di Syurga) dengan aman sentosa (37). Dan orang-orang yang berusaha menentang dan mencabar ayat-ayat Kami mereka akan dibawa ke dalam 'azab seksa."(38)

Surah ini membawa berbagai-bagai perbandingan dari kejadian-kejadian yang berlaku di dalam sejarah iaitu kisah keluarga Daud yang bersyukur kepada ni'mat Allah, kisah kaum Saba' yang angkuh dan tidak bersyukur dan akibat-akibat yang berlaku kepada kedua-dua golongan itu sebagai bukti betapa benarnya janji Allah.

* * * * * *

Persoalan-persoalan ini yang dibicarakan oleh Surah-surah Makkiyah dengan berbagai gambaran. Ia dibentangkan di dalam setiap surah di ruang alam buana yang disertai dengan berbagai-bagai penerangan yang menarik dan baru kepada hati kita pada setiap kali pembentangannya. Demikianlah juga di dalam surah ini persoalan-persoalan itu dibentangkan dalam ruang yang sama, iaitu di ruang kejadian langit dan bumi yang luas, alam ghaib yang majhul, padang Mahsyar yang amat besar, pendalaman jiwa manusia yang tersembunyi, lembaran-lembaran sejarah yang diketahui umum dan lembaran-lembaran sejarah yang diketahui dan tidak diketahui. Di dalam setiap pemandangan sejarah itu terdapat sesuatu yang amat menarik dan aneh dan masing-masing melahirkan kesan yang menginsafkan hati manusia dan menggerakkannya dari kelalaian dan kebekuan.

Sejak permulaan ayat lagi surah ini menyingkapkan alam buana yang amat luas yang mengandungi berbagai-bagai bukti kekuasaan Allah dan menerangkan ilmu Allah yang meliputi segala sesuatu:

يَعْلَمُ مَا يَلِجُ فِى ٱلْأَرْضِ وَمَا يَخْرُجُ مِنْهَا وَمَا يَنزِلُ مِنَ
ٱلسَّمَآءِ وَمَا يَعْرُجُ فِيهَا ۚ وَهُوَ ٱلرَّحِيمُ ٱلْغَفُورُ ﴿٢﴾
وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَا تَأْتِينَا ٱلسَّاعَةُ ۖ قُلْ بَلَىٰ وَرَبِّى
لَتَأْتِيَنَّكُمْ عَٰلِمِ ٱلْغَيْبِ ۖ لَا يَعْزُبُ عَنْهُ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ
فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَلَا فِى ٱلْأَرْضِ وَلَآ أَصْغَرُ مِن
ذَٰلِكَ وَلَآ أَكْبَرُ إِلَّا فِى كِتَٰبٍ مُّبِينٍ ﴿٣﴾

"Dia mengetahui segala apa yang masuk ke bumi dan segala apa yang keluar darinya, dan segala apa yang turun dari langit dan segala apa yang naik kepadanya (2). Dan orang-orang kafir telah berkata: Hari Qiamat itu tidak akan datang kepada kita. Katakanlah (wahai Muhammad!): Bahkan ia tetap datang, demi Tuhanku yang mengetahui segala perkara yang ghaib, Hari Qiamat itu pasti akan datang kepada kamu, tidak tersembunyi dari pengetahuan-Nya walau seberat zarrah yang ada di langit dan di bumi, dan tiada suatu yang lebih kecil atau lebih besar darinya melainkan semuanya tertulis di dalam kitab yang amat terang."(3)

Surah ini mengancam orang-orang yang mendustakan hari Akhirat dengan bencana-bencana alam yang besar:

أَفَلَمْ يَرَوْا۟ إِلَىٰ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُم مِّنَ ٱلسَّمَآءِ
وَٱلْأَرْضِ ۚ إِن نَّشَأْ نَخْسِفْ بِهِمُ ٱلْأَرْضَ أَوْ نُسْقِطْ
عَلَيْهِمْ كِسَفًا مِّنَ ٱلسَّمَآءِ ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَةً
لِّكُلِّ عَبْدٍ مُّنِيبٍ ﴿٩﴾

"Apakah mereka tidak melihat kejadian-kejadian (yang terpampang) di hadapan dan di belakang mereka dari langit dan bumi? Jika Kami kehendaki nescaya Kami benamkan mereka ke dalam bumi atau Kami gugurkan serpihan-serpihan dari langit, sesungguhnya kejadian-kejadian sedemikian menjadi bukti bagi setiap hamba yang kembali kepada Allah."(9)

Surah ini meletakkan orang-orang yang menyembah selain Allah dari malaikat atau jin itu di hadapan kenyataan alam ghaib yang amat ditakuti di alam al-Mala'ul-A'la:

وَلَا تَنفَعُ ٱلشَّفَٰعَةُ عِندَهُۥٓ إِلَّا لِمَنْ أَذِنَ لَهُۥ ۚ حَتَّىٰٓ إِذَا
فُزِّعَ عَن قُلُوبِهِمْ قَالُوا۟ مَاذَا قَالَ رَبُّكُمْ ۖ قَالُوا۟ ٱلْحَقَّ

وَهُوَ ٱلْعَلِيُّ ٱلْكَبِيرُ ﴿٢٣﴾

"Dan tidak berguna syafa'at di sisi Allah melainkan bagi orang yang telah diizinkan Allah. (Mereka semua menunggu dengan hati yang takut) sehingga apabila ketakutan itu telah dihilangkan dari hati mereka, barulah mereka bertanya apakah yang telah dititahkan oleh Tuhan kamu? Jawab mereka: Kebenaran. Dan Dia Maha Tinggi dan Maha Besar."(23)

Atau surah ini membawa-mereka bersekemuka dengan para malaikat di padang Mahsyar yang tidak memberi sebarang kesempatan berdolak-dalik dan bantah-membantah:

وَيَوْمَ يَحْشُرُهُمْ جَمِيعًا ثُمَّ يَقُولُ لِلْمَلَـٰٓئِكَةِ أَهَـٰٓؤُلَآءِ إِيَّاكُمْ كَانُوا۟ يَعْبُدُونَ ﴿٤٠﴾ قَالُوا۟ سُبْحَـٰنَكَ أَنتَ وَلِيُّنَا مِن دُونِهِم ۖ بَلْ كَانُوا۟ يَعْبُدُونَ ٱلْجِنَّ ۖ أَكْثَرُهُم بِهِم مُّؤْمِنُونَ ﴿٤١﴾

"Dan (kenangilah) hari Qiamat, di mana Dia kumpulkan seluruh mereka kemudian Allah bertanya kepada malaikat-malaikat: Apakah orang-orang ini menyembah kamu dahulu? (40) Malaikat-malaikat menjawab: Maha Sucilah Engkau! Hanya Engkaulah Pelindung kami dan kami berlepas diri dari mereka, malah sebenarnya mereka menyembah jin. Kebanyakkan mereka beriman kepadanya."(41)

Surah ini meletakkan para pendusta Rasulullah s.a.w. yang menuduh beliau sebagai berbohong terhadap Allah atau terkena penyakit gila itu di hadapan fitrah mereka (yang suci) dan di hadapan logik hati nurani mereka sendiri yang terpisah jauh dari segala kekeliruan dan pengaruh bikinan:

قُلْ إِنَّمَآ أَعِظُكُم بِوَٰحِدَةٍ ۖ أَن تَقُومُوا۟ لِلَّهِ مَثْنَىٰ وَفُرَٰدَىٰ ثُمَّ تَتَفَكَّرُوا۟ ۚ مَا بِصَاحِبِكُم مِّن جِنَّةٍ ۚ إِنْ هُوَ إِلَّا نَذِيرٌ لَّكُم بَيْنَ يَدَىْ عَذَابٍ شَدِيدٍ ﴿٤٦﴾

"(Wahai Muhammad!) Katakanlah: Sesungguhnya Aku hanya mahu memberi satu nasihat sahaja kepada kamu, iaitu hendaklah kamu bersungguh-sungguh mencari kebenaran semata-mata kerana Allah dengan berdua-duaan dan dengan seorang diri kemudian hendaklah kamu berfikir (dengan teliti supaya kamu tahu), bahawa sahabat kamu (Muhammad) itu tidak mempunyai sebarang penyakit gila. Dia itu tidak lain melainkan, hanya seorang rasul yang memberi amaran kepada kamu menjelang kedatangan 'azab yang amat berat."(46)

Demikianlah surah ini membawa hati manusia menjelajah di dalam berbagai-bagai lapangan dan menghadapkannya dengan berbagai-bagai penerangan-penerangan yang menarik yang menginsaf dan menggerakkan hati hingga ia mengakhiri dengan salah satu pemandangan Qiamat yang dahsyat sebagaimana telah kami terangkan sebelum ini.

* * * * * *

Surah ini membentangkan maudhu'-maudhu' pembicaraannya di dalam berbagai-bagai lapangan dan penerangan-penerangan yang menarik dalam penjelajahan-penjelajahan yang pendek, bersambung-sambung dan berkait-mengait yang dapat dibahagikan kepada lima pusingan untuk memudahkan kita mengulas dan menghuraikannya, kerana sebenarnya di sana tidak ada pemisah-pemisah yang membataskan pembicaraan-pembicaraan itu secara halus. Inilah ciri surah ini yang membezakannya dari surah-surah yang lain.

Surah ini dimulakan dengan memuji Allah yang memiliki segala isi langit dan bumi dan di sanjung tinggi di alam Akhirat, Yang Maha Bijaksana dan Maha Pakar, juga menerangkan ilmu-Nya yang syumul dan amat halus yang mengetahui segala apa yang masuk ke bumi dan segala apa yang keluar darinya, segala apa yang turun dari langit dan segala apa yang naik kepadanya, juga mengisahkan keingkaran orang-orang kafir terhadap kedatangan Qiamat, dan jawapan Allah kepada mereka tentang kepastian kedatangan Qiamat itu, dan tentang kehalusan ilmu Allah yang tidak terluput darinya walaupun seberat zarrah di langit dan di bumi atau lebih kecil atau lebih besar dari zarrah itu lagi. Ini supaya balasan terhadap orang-orang yang beriman dan balasan terhadap orang-orang yang berusaha menentang ayat Allah dan mencabarnya terlaksana melalui ilmu Allah yang maha halus, seterusnya surah ini menerangkan pendapat orang-orang yang dikurniakan ilmu pengetahuan yang haqiqi yang menyaksikan bahawa Al-Qur'an yang diturunkan kepada Nabi-Nya itu adalah benar, juga menceritakan tentang kehairanan orang-orang kafir terhadap persoalan kebangkitan semula dan memberi jawapan kepada mereka bahawa mereka akan berada di dalam 'azab keseksaan dan kesesatan yang amat jauh serta mengancam mereka dengan bencana ditelan bumi atau ditimpa serpihan-serpihan dari langit.

Demikianlah tamatnya pusingan yang pertama.

Pusingan yang kedua menceritakan sebahagian dari kisah keluarga Nabi Daud a.s. yang bersyukur kepada ni'mat Allah yang telah menundukkan berbagai-bagai kuasa tabi'i kepada Daud dan Sulaiman. Mereka tidak sombong dan angkuh. Di antara kuasa-kuasa yang ditundukkan kepada mereka berdua ialah makhluk jin yang disembah oleh setengah-setengah orang Musyrikin. Mereka meminta fatwa-fatwa kepada makhluk jin mengenai perkara-perkara yang ghaib sedangkan jin itu sendiri tidak mengetahui perkara yang ghaib sehingga mereka terus bekerja keras melaksanakan kerja-kerja yang berat walaupun Sulaiman telah wafat, sedangkan mereka tidak mengetahuinya. Sebagai tandingan kepada kisah

kesyukuran ini, ayat berikut mengemukakan pula kisah kesombongan dan keangkuhan iaitu kisah kaum Saba' yang tidak bersyukur kepada ni'mat-ni'mat Allah:

فَجَعَلْنَاهُمْ أَحَادِيثَ وَمَزَّقْنَاهُمْ كُلَّ مُمَزَّقٍ ۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَاتٍ لِّكُلِّ صَبَّارٍ شَكُورٍ ﴿١٩﴾

"Lalu kami jadikan (peristiwa kebinasaan) mereka buah mulut orang ramai dan kami pecahbelahkan mereka bertaburan (di merata negeri), sesungguhnya kisah mereka itu menjadi pengajaran-pengajaran kepada setiap orang yang banyak bersabar dan bersyukur."(19)

Ini disebabkan kerana mereka mengikut syaitan, sedangkan syaitan tidak dapat menguasai mereka sekiranya mereka tidak menyerahkan teraju kepimpinan kepadanya dengan sukarela.

Pusingan yang ketiga dimulakan dengan mencabar orang-orang Musyrikin yang mendakwa wujudnya tuhan-tuhan yang lain dari Allah, sedangkan tuhan-tuhan itu tidak:

لَا يَمْلِكُونَ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ فِي السَّمَاوَاتِ وَلَا فِي الْأَرْضِ وَمَا لَهُمْ فِيهِمَا مِن شِرْكٍ وَمَا لَهُ مِنْهُم مِّن ظَهِيرٍ ﴿٢٢﴾

"Mereka tidak memiliki seberat zarrah pun di langit dan tidak juga di bumi dan tidak mempunyai sebarang perkongsian (dengan Allah) dalam penciptaan langit dan bumi itu dan Allah tidak mendapat sebarang pertolongan dari mereka."(22)

Dan mereka juga tidak berkuasa memberi syafa'at untuk mereka di sisi Allah walaupun mereka malaikat kerana malaikat-malaikat itu sendiri menerima perintah Allah dengan khusyu' dan gementar dan mereka tidak dapat bercakap sehingga perasaan takut dan gementar itu hilang dari mereka. Al-Qur'an menyuruh Nabi s.a.w. bertanya kepada mereka siapakah yang memberi rezeki kepada mereka dari langit dan bumi, sedangkan Allah itulah yang memiliki langit dan bumi dan Dialah yang memberi rezeki kepada mereka tanpa sebarang sekutu. Kemudian Nabi s.a.w. menyerahkan urusannya dan urusan mereka kepada Allah, kerana Allahlah yang akan memutuskan perkara-perkara yang dipertikaikan mereka. Pusingan ini diakhiri dengan cabaran seperti pada awalnya supaya mereka menunjukkan kepada beliau sekutu-sekutu Allah yang didakwakan mereka:

كَلَّا ۚ بَلْ هُوَ اللَّهُ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٢٧﴾

"Tidak sekali-kali begitu, sebenarnya Dialah Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(27)

Pusingan yang keempat dan yang kelima sama-sama membicarakan persoalan wahyu dan kerasulan dan sikap orang-orang kafir terhadapnya, juga menerangkan sikap golongan mewah terhadap setiap da'wah. Mereka berbangga dengan harta kegiatan dan anak pinak mereka dan kedua-dua pusingan itu menjelaskan bahawa nilai-nilai yang sebenar yang menjadi asas hisab dan balasan ialah nilai keimanan dan amalan ying salih bukannya nilai-nilai harta kekayaan dan anak pinak. Kemudian kedua-dua pusingan ini menayangkan nasib kesudahan orang-orang yang beriman dan para pendusta di dalam berbagai-bagai pemandangan pada hari Qiamat, di mana ketua-ketua yang diikut berlepas tangan dari pengikut-pengikutnya sebagaimana malaikat berlepas tangan dari orang-orang Musyrikin yang sesat yang telah menyembah mereka. Di celah-celah pemandangan-pemandangan Qiamat itu, Al-Qur'an menyeru mereka supaya pulang kepada fitrah mereka yang murni untuk mencari petunjuk darinya dalam suasana yang bersih dari hawa nafsu dan dari kekecohan mereka di sekitar diri Rasulullah s.a.w. yang didustakan mereka dengan terburu-buru dan tanpa dalil itu, sedangkan beliau tidak meminta bayaran dan upahan terhadap hidayat (yang disampaikannya), dan beliau juga bukannya seorang pembohong dan bukan pula seorang gila. Kedua-dua pusingan ini juga mengakhiri dengan salah satu dari pemandangan Qiamat. Kemudian surah ini berakhir dengan nada-nada kenyataan yang pendek tetapi kuat:

قُلْ إِنَّ رَبِّي يَقْذِفُ بِالْحَقِّ عَلَّامُ الْغُيُوبِ ﴿٤٨﴾
قُلْ جَاءَ الْحَقُّ وَمَا يُبْدِئُ الْبَاطِلُ وَمَا يُعِيدُ ﴿٤٩﴾
قُلْ إِن ضَلَلْتُ فَإِنَّمَا أَضِلُّ عَلَىٰ نَفْسِي ۖ وَإِنِ اهْتَدَيْتُ فَبِمَا يُوحِي إِلَيَّ رَبِّي ۚ إِنَّهُ سَمِيعٌ قَرِيبٌ ﴿٥٠﴾

"Katakanlah: Sesungguhnya Tuhanku telah mewahyukan kebenaran dan Dia Maha Mengetahui segala perkara yang ghaib (48). Katakanlah kebenaran itu telah datang dan kebatilan tidak akan bertapak dan tidak akan berulang (49). Katakanlah: Sekiranya aku sesat, maka akibat kesesatan akan menimpa diriku sendiri, dan sekiranya aku mendapat hidayat, maka itu adalah dengan bimbingan yang diwahyukan Tuhanku kepadaku. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Dekat."(50)

Kemudian surah ini ditamatkan dengan salah satu pemandangan Qiamat yang pendek ceritanya tetapi kuat kesannya.

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 2)

Sekarang marilah kita menghuraikan surah ini dengan terperinci setelah dibentangkan intisarinya:

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَلَهُ الْحَمْدُ فِي الْآخِرَةِ ۚ وَهُوَ الْحَكِيمُ الْخَبِيرُ ﴿١﴾
يَعْلَمُ مَا يَلِجُ فِي الْأَرْضِ وَمَا يَخْرُجُ مِنْهَا وَمَا يَنزِلُ مِنَ

ٱلسَّمَآءِ وَمَا يَعْرُجُ فِيهَا ۚ وَهُوَ ٱلرَّحِيمُ ٱلْغَفُورُ ﴿٢﴾

"Segala kepujian terpulang kepada Allah yang memiliki segala apa yang ada di langit dan segala apa yang ada di bumi. Dan kepada-Nya terpulang segala kepujian di Akhirat. Dan Dialah Yang Maha Bijaksana dan Maha Pakar (1). Dia mengetahui segala apa yang masuk ke bumi dan segala apa yang keluar darinya, dan segala apa yang turun dari langit dan segala apa yang naik kepadanya. Dan Dialah Yang Maha Pengasih dan Maha Pengampun."(2)

Surah yang membicarakan 'aqidah syirik kaum Musyrikin terhadap Allah, pendustaan mereka terhadap Rasul-Nya, keraguan mereka terhadap hari Akhirat dan tanggapan mereka terhadap kebangkitan selepas mati sebagai mustahil itu, telah memulakan dengan memuji Allah dan Allah itu tetap terpuji walaupun tiada seorang manusia yang memuji-Nya. Allah tetap dipuji oleh seluruh alam buana yang sentiasa bertasbih kepada-Nya. Allah itu tetap dipuji oleh seluruh makhluk yang lain walaupun makhluk manusia tidak ikut memuji-Nya bersama makhluk-makhluk itu.

Konsep Seluruh Kepujian Terpulang Kepada Allah

Sifat terpuji itu disertakan pula, dengan sifat memiliki segala isi langit dan segala isi bumi. Tiada siapa pun yang berkongsi milik langit dan bumi dengan Allah. Dialah sahaja yang memiliki segala-galanya yang ada di langit dan di bumi. Inilah persoalan pertama 'aqidah tauhid.

وَلَهُ ٱلْحَمْدُ فِى ٱلْـَٔاخِرَةِ ۚ

"Dan kepada-Nya juga terpulang segala kepujian di Akhirat."(1)

Itulah kepujian zati yang terlepas dari kepujian hamba-hamba-Nya yang tidak percaya kepada-Nya di dunia atau mempersekutukan-Nya dengan yang lain. Kepujian itu tetap ternyata di alam Akhirat dan di sana seluruh kepujian dan, sanjungan hanya terkhusus kepada Allah.

"Dan Dialah yang Maha Bijaksana dan Maha Pakar."(1)

Allah Yang Maha Bijaksana yang membuat segala sesuatu dengan bijaksana, mengendalikan urusan dunia dan Akhirat dengan bijaksana dan mentadbirkan urusan seluruh alam buana dengan bijaksana. Dialah Yang Maha Pakar yang mengetahui segala sesuatu, segala urusan dan segala pentadbiran dengan ilmu-Nya yang sempurna, syumul dan amat mendalam.

Ilmu Allah Syumul

Kemudian Al-Qur'an membentangkan satu lembaran dari lembaran-lembaran ilmu Allah di ruang langit dan bumi:

يَعْلَمُ مَا يَلِجُ فِى ٱلْأَرْضِ وَمَا يَخْرُجُ مِنْهَا وَمَا يَنزِلُ مِنَ ٱلسَّمَآءِ وَمَا يَعْرُجُ فِيهَا ۚ وَهُوَ ٱلرَّحِيمُ ٱلْغَفُورُ ﴿٢﴾

"Dia mengetahui segala apa yang masuk ke bumi dan segala apa yang keluar darinya, dan segala apa yang turun dari langit dan segala apa yang naik kepadanya. Dan Dialah Yang Maha Pengasih dan Maha Pengampun."(2)

Di hadapan lembaran yang mengandungi kata-kata yang pendek ini manusia berdiri di hadapan satu perhimpunan kejadian yang amat banyak dan menakjubkan, iaitu perhimpunan benda-benda, pergerakan-pergerakan, saiz-saiz, bentuk-bentuk, rupa-rupa, makna-makna dan keadaan-keadaan yang tidak terkhayal banyaknya.

Sekiranya seluruh penduduk bumi ini menumpukan seluruh hidup mereka untuk menghitungkan apa yang berlaku dalam masa satu sa'at dari kejadian-kejadian yang disebut oleh Al-Qur'an itu sudah tentu mereka tidak terdaya mengira dan membancinya dengan penuh keyakinan.

Dalam satu sa'at berapa banyak benda-benda yang masuk ke bumi? Berapa banyak pula yang keluar dari bumi? Berapa banyak benda-benda yang turun dari langit? Berapa banyak pula yang naik ke langit?

Berapa banyak benda-benda yang menyelinap ke dalam bumi? Berapa banyak bijian yang bersembunyi di dalam bumi di merata pelusuknya? Berapa banyak ulat dan serangga yang merangkak masuk ke dalam bumi di seluruh kawasannya yang luas itu? Berapa banyak titik air, berapa banyak zarrah gas, berapa banyak pancaran elektrik yang tersorok di dalam bumi di seluruh kawasannya yang luas saujana itu? Berapa banyak benda-benda yang lain lagi yang masuk ke dalam bumi di bawah penglihatan Allah yang sentiasa jaga dan tidak tidur itu?

Berapa banyak benda-benda yang keluar dari bumi? Berapa banyak tumbuh-tumbuhan yang muncul dari bumi? Berapa banyak mata air yang memancut keluar?

Berapa banyak gunung berapi yang meledak? Berapa banyak gas yang mengewap naik? Berapa banyak benda yang tersembunyi dalam bumi telah terdedah? Berapa banyak serangga yang keluar dari lubang-lubangnya yang tersembunyi? Berapa banyak benda-benda lain sama ada yang dapat dilihat atau yang tidak dapat dilihat, yang diketahui atau tidak diketahui manusia yang amat banyak itu? Berapa banyak benda-benda yang turun dari langit? Berapa banyak titik air hujan? Berapa banyak tahi bintang yang meluncur? Berapa banyak pancaran sinar yang membakar? Berapa banyak pancaran sinar yang menyuluh? Berapa banyak qadha' dan qadar yang diputuskan Allah? Berapa banyak rahmat yang meliputi alam buana dan berapa banyak rahmat yang khusus untuk hamba-hamba Allah yang tertentu?

Berapa banyak rezeki yang dilapang dan disempitkan Allah kepada para hamba-Nya? Berapa banyak benda-benda dan perkara-perkara lain lagi yang tidak mampu dikira selain Allah?

Berapa banyak benda-benda yang naik ke langit? Berapa banyak hembusan nafas yang keluar dari tumbuh-tumbuhan atau haiwan atau manusia atau makhluk-makhluk lain yang tidak diketahui manusia? Berapa banyak do'a yang diangkatkan kepada Allah dengan suara yang terang atau dengan bisikan yang hanya dapat didengar oleh Allah sahaja? Berapa banyak roh makhluk-makhluk sama ada yang kita tahu atau tidak tahu telah dimatikan? Berapa banyak malaikat yang naik membawa urusan roh dari ciptaan Allah? Berapa banyak roh yang berterbangan di alam langit yang tidak diketahui melainkan hanya Allah sahaja? Berapa banyak titik wap yang naik dari laut dan berapa banyak zarrah gas yang mengwap dari badan? Berapa banyak lagi benda-benda lain yang tidak diketahui manusia?

Berapa banyak dalam satu sa'at? Sampai ke mana perginya ilmu manusia dan kiraan mereka dalam satu sa'at itu walaupun mereka menghabiskan seluruh umur mereka yang panjang di dalam mengirakannya? Hanya ilmu Allah sahaja yang maha meliputi, maha luas dan maha mendalam yang mengetahui segala-galanya itu di setiap tempat dan di setiap zaman. Seluruh hati dengan segala niat dan fikirannya, dengan segala gerak dan diamnya adalah berada di bawah pandangan Allah. Namun demikian Allah tetap melindunginya dan memberi keampunan kepadanya.

وَهُوَ الرَّحِيمُ الْغَفُورُ ﴿٢﴾

"Dialah Yang Maha Pengasih dan Maha Pengampun."(2)

Sesungguhnya sepotong ayat Al-Qur'an seperti ayat ini dengan sendirinya menyarankan bahawa Al-Qur'an ini bukannya perkataan manusia, kerana pemikiran universal yang meliputi selurus alam buana ini tidak mungkin terlintas di dalam hati manusia. Kefahaman universal seperti ini tidak mungkin dirangsangkan oleh tabi'at kefahaman manusia. Liputan ilmu Allah yang global dengan sepotong ayat sahaja itu memperlihatkan bahawa ayat itu adalah digubah oleh Allah yang menciptakan alam buana ini, dan ia tidak serupa dengan ungkapan ayat yang dibuat manusia.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 3 - 5)

Setelah menjelaskan hakikat itu dengan gambaran yang begitu indah dan luas, maka Al-Qur'an menceritakan pula tentang keingkaran orang-orang kafir terhadap kedatangan Qiamat, sedangkan mereka lemah dan tidak mengetahui apa yang akan datang kepada mereka pada hari esok. Hanya Allah sahaja yang mengetahui perkara-perkara yang ghaib, tiada sesuatu pun sama ada di langit atau di bumi yang terluput dari ilmu-Nya. Hari Qiamat itu pasti datang supaya setiap orang yang membuat kebaikan dan kejahatan di bumi ini menerima balasan yang setimpal:

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَا تَأْتِينَا السَّاعَةُ ۖ قُلْ بَلَىٰ وَرَبِّي لَتَأْتِيَنَّكُمْ عَالِمِ الْغَيْبِ ۖ لَا يَعْزُبُ عَنْهُ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ فِي السَّمَاوَاتِ وَلَا فِي الْأَرْضِ وَلَا أَصْغَرُ مِنْ ذَٰلِكَ وَلَا أَكْبَرُ إِلَّا فِي كِتَابٍ مُبِينٍ ﴿٣﴾ لِيَجْزِيَ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ ۚ أُولَٰئِكَ لَهُمْ مَغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ ﴿٤﴾ وَالَّذِينَ سَعَوْا فِي آيَاتِنَا مُعَاجِزِينَ أُولَٰئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ مِنْ رِجْزٍ أَلِيمٌ ﴿٥﴾

"Dan orang-orang kafir telah berkata: Hari Qiamat itu tidak akan datang kepada kita. Katakanlah (wahai Muhammad!): Bahkan ia tetap datang, demi Tuhanku yang mengetahui segala perkara yang ghaib, Hari Qiamat itu pasti akan datang kepada kamu, tidak tersembunyi dari pengetahuan-Nya walau seberat zarrah yang ada di langit dan di bumi, dan tiada suatu yang lebih kecil atau lebih besar darinya melainkan semuanya tertulis di dalam kitab yang amat terang (3). Supaya Allah memberi balasan kepada orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang salih. Mereka sekalian akan mendapat keampunan dan rezeki yang mulia (4). Dan (sebaliknya) orang-orang yang berusaha menentang ayat-ayat Kami dan mencabar (Kami) mereka akan mendapat keseksaan dari jenis 'azab yang amat pedih."(5)

Mengapa Orang-orang Kafir Mengingkarkan Hari Qiamat

Keingkaran orang-orang kafir terhadap hari Akhirat itu adalah berpunca kerana mereka tidak dapat memahami hikmat dan perencanaan Allah yang tidak mahu membiarkan manusia hidup percuma dan sia-sia iaitu yang baik membuat kebaikan tanpa menerima balasannya dan yang jahat membuat kejahatan tanpa menerima balasannya. Allah S.W.T. telah menjelaskan menerusi para rasul-Nya bahawa Dia menyimpan seluruh balasan atau setengahnya pada hari Akhirat. Oleh sebab itu setiap orang yang memahami hikmat Allah terhadap makhluk-Nya akan menginsafi bahawa Akhirat itu merupakan sebuah alam yang perlu untuk melaksanakan janji Allah dan menepati penjelasan-Nya. Tetapi orang-orang kafir adalah terdinding dari hikmat ini. Justeru itu mereka menegaskan:

"Hari Qiamat itu tidak akan datang kepada kita"(3)

lalu Allah memberi jawapan yang tegas kepada mereka:

قُلْ بَلَىٰ وَرَبِّي لَتَأْتِيَنَّكُمْ عَالِمِ الْغَيْبِ ۖ

"Katakanlah (wahai Muhammad!): Bahkan ia tetap datang demi Tuhanku!"(3)

Amatlah benar apa yang diterangkan Allah S.W.T. dan amatlah benar apa yang dijelaskan Rasulullah s.a.w. Mereka tidak mengetahui urusan-urusan ghaib, tetapi mereka mencabar Allah dan membuat penegasan di dalam perkara-perkara yang tidak diketahui mereka, sedangkan Allah yang menegaskan kedatangan hari Qiamat itu adalah Maha Mengetahui segala perkara yang ghaib, dan firman-Nya mengenai Qiamat itu adalah firman yang benar berlandaskan ilmu-Nya yang yakin.

Kemudian ayat yang berikut menayangkan ilmu Allah dalam satu gambaran alam seperti yang ditayangkan di permulaan surah, dan gambaran ini pula merupakan satu lagi bukti bahawa Al-Qur'an ini bukannya dari ciptaan manusia kerana imaginasi manusia biasanya tidak mengkhayalkan gambaran-gambaran seperti ini:

لَا يَعْزُبُ عَنْهُ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ فِي السَّمَاوَاتِ وَلَا فِي الْأَرْضِ وَلَا أَصْغَرُ مِنْ ذَٰلِكَ وَلَا أَكْبَرُ إِلَّا فِي كِتَابٍ مُبِينٍ ﴿٣﴾

"Tidak tersembunyi dari pengetahuan-Nya walau seberat zarrah yang ada di langit dan di bumi, dan tiada suatu yang lebih kecil atau lebih besar darinya melainkan semuanya tertulis di dalam kitab yang amat terang."(3)

Sekali lagi kami tegaskan bahawa kefahaman dan persepsi yang seperti ini bukannya kefahaman dan persepsi manusia. Ia tidak pernah dijumpai di dalam mana-mana perkataan manusia sama ada di dalam sajak-sajak atau di dalam prosa. Apabila manusia mahu mengungkapkan tentang kesyumulan ilmu pengetahuan dan kehalusannya yang meliputi segala-galanya tidak terlintas di dalam hatinya hendak menggambarkannya dengan gambaran universal yang amat menarik ini:

لَا يَعْزُبُ عَنْهُ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ فِي السَّمَاوَاتِ وَلَا فِي الْأَرْضِ وَلَا أَصْغَرُ مِنْ ذَٰلِكَ وَلَا أَكْبَرُ

"Tidak tersembunyi dari pengetahuan-Nya walau seberat zarrah yang ada di langit dan di bumi dan tiada sesuatu yang lebih kecil atau lebih besar darinya......."(3)

Saya tidak pernah tahu di dalam pengungkapan-pengungkapan manusia terdapat arah aliran kepada kefahaman yang seperti ini apabila ia hendak menerangkan tentang ilmu yang amat halus dan meliputi segala-galanya. Hanya Allah S.W.T. sahaja yang dapat memerikan hal diri-Nya dan menyifatkan ilmu-Nya dengan sifat-sifat yang tidak terlintas di dalam hati manusia. Penjelasan Al-Qur'an ini meningkatkan kefahaman kaum Muslimin terhadap Allah yang disembah mereka dan mereka dapat mengenal sifat-sifat Allah dalam batas kemampuan manusia yang terhad dalam segala keadaan.

Pentafsiran yang paling dekat kepada maksud firman Allah:

إِلَّا فِي كِتَابٍ مُبِينٍ ﴿٣﴾

"Melainkan semuanya tertulis di dalam kitab yang amat terang"(3)

ialah ilmu Allah yang merakamkan segala sesuatu dan tidak terluput darinya walaupun seberat atom sama ada di langit atau di bumi dan tiada sesuatu yang lebih kecil atau lebih besar darinya.

Marilah kita berhenti sejenak pada kata-kata **"seberat atom"** dan kata-kata **"lebih kecil darinya"**. Jisim atom adalah terkenal sehingga ke zaman kebelakangan ini sebagai jisim yang terkecil, tetapi sekarang sesudah atom itu dapat dileburkan oleh manusia, mereka dapat mengetahui pula bahawa di sana ada sesuatu yang lebih kecil lagi dari atom itu iaitu bahagian-bahagian atom (seperti proton dan neutron) iaitu bahagian-bahagian atom yang tidak pernah difikir manusia pada masa itu. Maha Sucilah Allah yang telah mengajar hamba-hamba-Nya apa yang dikehendaki-Nya tentang rahsia sifat-sifat-Nya dan rahsia-rahsia makhluk ciptaan-Nya.

Kedatangan Qiamat itu merupakan satu kepastian dan segala sesuatu sama ada kecil atau besar tidak terluput dari ilmu Allah:

لِيَجْزِيَ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ ۚ أُولَٰئِكَ لَهُمْ مَغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ ﴿٤﴾ وَالَّذِينَ سَعَوْا فِي آيَاتِنَا مُعَاجِزِينَ أُولَٰئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ مِنْ رِجْزٍ أَلِيمٌ ﴿٥﴾

"Supaya Allah memberi balasan kepada orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang salih. Mereka sekalian akan mendapat keampunan dan rezeki yang mulia (4). Dan (sebaliknya) orang-orang yang berusaha menentang ayat-ayat Kami dan mencabar (Kami) mereka akan mendapat keseksaan dari jenis 'azab yang amat pedih."(5)

Di sana terdapat hikmat, matlamat, pentadbiran dan perencanaan Ilahi dalam penciptaan Qiamat untuk mewujudkan balasan yang setimpal kepada orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang salih dan kepada orang-orang yang menentang ayat-ayat Allah dan mencabar-Nya.

Adapun orang-orang yang beriman dan membuktikan keimanan mereka dengan amalan-amalan yang salih mereka akan memperolehi **"keampunan"** terhadap kesalahan-kesalahan yang

dilakukan mereka dan **"rezeki yang mulia"**. Kata-kata **"rezeki"** banyak disebut di dalam surah ini dan memang amat sesuai apabila Al-Qur'an mengungkapkan ni'mat-ni'mat di Akhirat itu dengan kata-kata rezeki yang mulia kerana ni'mat Akhirat juga merupakan salah satu dari rezeki-rezeki yang dikurniakan Allah dalam segala keadaan.

Adapun orang-orang yang berusaha mengorbankan daya tenaga mereka untuk menentang ayat-ayat Allah, mereka akan mendapat balasan keseksaan dari jenis 'azab yang amat pedih. Ini adalah balasan terhadap usaha, cabaran dan penat jerih mereka di jalan kejahatan.

Dengan hakikat-hakikat ini terlaksanalah hikmat dan tadbir Allah dan tercapailah hikmat diadakan hari Qiamat yang didustakan mereka sebagai hari yang tidak akan datang, sedangkan hari itu tetap akan datang.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 6)

Sesuai dengan penegasan mereka bahawa Qiamat itu tidak akan datang, sedangkan Qiamat itu suatu perkara ghaib yang hanya diketahui oleh Allah sahaja, dan sesuai dengan penegasan Allah yang mengetahui segala yang ghaib, seterusnya sesuai dengan tabligh Rasulullah s.a.w. yang telah diperintah oleh Allah supaya menyampaikan penerangan-penerangan mengenai hari Qiamat, maka ayat berikut menjelaskan bahawa orang-orang yang dikurniakan ilmu pengetahuan itu adalah menginsafi dan mengakui bahawa segala penerangan dari Allah adalah benar dan memberi hidayat kepada manusia ke jalan Allah:

وَيَرَى ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْعِلْمَ ٱلَّذِىٓ أُنزِلَ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ هُوَ ٱلْحَقَّ وَيَهْدِىٓ إِلَىٰ صِرَٰطِ ٱلْعَزِيزِ ٱلْحَمِيدِ ﴿٦﴾

"Dan orang-orang yang dikurniakan ilmu pengetahuan itu memang mengetahui bahawa Al-Qur'an yang diturunkan kepadamu itu adalah benar dan ia memberi hidayat ke jalan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Terpuji."(6)

Siapakah Golongan Yang Dikurniakan Ilmu?

Menurut riwayat yang dimaksudkan dengan orang-orang yang dikurniakan ilmu pengetahuan itu ialah kaum Ahlil-Kitab yang mengetahui dari kitab suci mereka bahawa Al-Qur'an adalah sebuah kitab yang benar yang membawa ke jalan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Terpuji.

Tetapi ruang maksud ayat ini adalah lebih luas dari itu lagi, iaitu orang-orang yang dikurniakan ilmu pengetahuan di mana-mana zaman dan tempat dan dari mana-mana generasi dan bangsa akan mempunyai pandangan yang seperti ini jika ilmu pengetahuan mereka itu betul, lurus dan wajar diberi nama "ilmu", kerana Al-Qur'an ini adalah sebuah kitab yang terbuka kepada seluruh generasi manusia dan kebenaran yang terkandung di dalamnya mendedahkan dirinya sendiri kepada setiap orang yang mempunyai ilmu yang betul. Al-Qur'an mendedahkan kebenaran yang tersembunyi di seluruh alam buana ini dan Al-Qur'anlah merupakan jurucakap yang paling benar kepada alam buana dan kepada kebenaran yang terkandung di dalamnya.

وَيَهْدِىٓ إِلَىٰ صِرَٰطِ ٱلْعَزِيزِ ٱلْحَمِيدِ ﴿٦﴾

"Dan ia memberi hidayat ke jalan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Terpuji."(6)

Jalan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Terpuji itulah peraturan yang dikehendaki-Nya untuk alam buana ini dan itulah peraturan yang dipilih-Nya untuk manusia mengaturkan langkah-langkah yang sejajar dengan langkah-langkah alam buana yang menjadi gelanggang hidupnya. Jalan Allah itulah undang-undang yang menguasai seluruh perjalanan alam buana termasuk kehidupan manusia, yang mana asal-usul kejadiannya, peraturan dan pergerakannya tidak terpisah dari alam buana dengan segala isi dan penghuninya.

Jalan Al-Qur'an

Al-Qur'an memberi hidayat ke jalan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Terpuji dengan menanamkan kefahaman yang benar ke dalam hati orang-orang yang beriman tentang hakikat alam buana, hubungan-hubungan dan nilai-nilainya, juga tentang kedudukan dan peranan manusia di alam ini, tentang kerjasama bahagian-bahagian alam di sekeliling manusia untuk melaksanakan kehendak dan hikmat Ilahi pada makhluk-Nya dan tentang keselarasan pergerakan dan persamaan matlamat alam buana dan manusia menuju kepada Allah yang menciptakan alam ini.

Al-Qur'an memberi hidayat ke jalan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Terpuji dengan membetulkan cara pemikiran manusia dan menegakkannya di atas asas-asas yang betul dan selaras dengan nada-nada alam yang merangsangkan fitrah manusia, iaitu cara pemikiran yang membawa manusia dapat memahami tabi'at alam buana ini, ciri-ciri dan undang-undangnya serta dapat menggunakannya dan bermesra dengannya tanpa sebarang permusuhan dan pertentangan.

Al-Qur'an memberi hidayat ke jalan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Terpuji dengan mengemukakan cara pendidikannya yang dapat menyediakan seseorang untuk menyesuaikan dirinya dengan masyarakat manusia dan menyediakan masyarakat manusia untuk menyesuaikan dirinya dengan seluruh makhluk-makhluk yang lain yang wujud di alam buana, dan seterusnya menyediakan seluruh makhluk untuk menyesuaikan diri masing-masing dengan alam buana yang menjadi gelanggang hidup mereka dengan penuh keselesaan.

Al-Qur'an memberi hidayat ke jalan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Terpuji dengan mengemukakan peraturan-peraturan dan undang-undang yang sesuai dengan fitrah manusia, suasana-suasana dan keadaan-keadaan hidup semulajadinya, selaras dengan undang-undang am yang mengendalikan saki-baki makhluk-makhluk bernyawa yang lain, juga seluruh makhluk yang tidak bernyawa. Justeru itu manusia tidak terkeluar dari makhluk-makhluk itu dengan peraturan dan undang-undangnya kerana manusia adalah satu umat dari umat-umat makhluk yang hidup dalam lingkungan alam buana yang besar ini.

Kitab Al-Qur'an merupakan pemandu ke jalan Allah ini, iaitu pemandu yang diciptakan oleh Pencipta yang menciptakan manusia dan jalan ini sendiri, iaitu Pencipta yang amat arif tentang hakikat manusia dan hakikat jalan ini. Anda dikira seorang yang bernasib baik ketika hendak menempuh sesuatu jalan apabila anda mendapat buku panduan yang disusun oleh jurutera jalan itu sendiri. Bagaimana pula dengan buku panduan yang disusun oleh Allah yang menciptakan jalan itu dan menciptakan manusia yang menjalani jalan itu?

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 7 - 8)

Apakah Kebangkitan Semula Selepas Mati Itu Mustahil?

Selepas sentuhan yang menyedarkan hati ini, ayat berikut kembali perkataan orang-orang kafir tentang kebangkitan selepas mati dan kehairanan mereka yang amat besar terhadap masalah itu. Mereka memandang kebangkitan selepas mati itu sebagai suatu perkara yang aneh, tiada siapa yang mahu memperkatakannya kecuali orang yang dirasukkan jin yang meracau dengan perkataan-perkataan yang ganjil dan pelik atau orang yang suka mengada-adakan pembohongan dan mengata-ngatakan sesuatu yang tidak mungkin berlaku.

وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ هَلْ نَدُلُّكُمْ عَلَىٰ رَجُلٍ يُنَبِّئُكُمْ إِذَا مُزِّقْتُمْ كُلَّ مُمَزَّقٍ إِنَّكُمْ لَفِى خَلْقٍ جَدِيدٍ ﴿٧﴾ أَفْتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا أَم بِهِۦ جِنَّةٌۢ ۗ بَلِ ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِٱلْءَاخِرَةِ فِى ٱلْعَذَابِ وَٱلضَّلَٰلِ ٱلْبَعِيدِ ﴿٨﴾

"Dan orang-orang kafir telah berkata (mengejek): Mahukah kami tunjukkan kepada kamu seorang lelaki (Muhammad) yang memberitakan kepada kamu bahawa apabila (badan) kamu telah dihancurleburkan kamu akan dihidupkan kembali dalam bentuk kejadian yang baru? (7) Apakah dia mengadakan pendustaan terhadap Allah atau dia terkena penyakit gila? Bahkan sebenarnya orang-orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat itu berada di dalam keseksaan dan kesesatan yang amat jauh."(8)

Sampai ke tahap ini mereka merasa hairan dan pelik terhadap masalah kebangkitan selepas mati. Mereka membangkitkan kehairanan orang ramai terhadap orang yang mengemukakan masalah itu dengan kata-kata ejekan yang tajam:

هَلْ نَدُلُّكُمْ عَلَىٰ رَجُلٍ يُنَبِّئُكُمْ إِذَا مُزِّقْتُمْ كُلَّ مُمَزَّقٍ إِنَّكُمْ لَفِى خَلْقٍ جَدِيدٍ ﴿٧﴾

"Mahukah kami tunjukkan kepada kamu seorang lelaki (Muhammad) yang memberitakan kepada kamu bahawa apabila (badan) kamu telah dihancurleburkan, kamu akan dihidupkan kembali dalam bentuk kejadian yang baru?"(7)

Yakni sukakah kamu jika kami tunjukkan seorang lelaki yang pelik dan ganjil yang mengeluarkan pendapat yang tidak dapat diterima dan mustahil sehingga ia sanggup mengatakan bahawa selepas kamu mati dan badan kamu hancur reput dan lebur selebur-leburnya, kelak kamu akan dihidupkan kembali dan balik semula ke alam al-wujud?

Mereka terus melahirkan kehairanan dan ejekan mereka:

أَفْتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا أَم بِهِۦ جِنَّةٌۢ ۗ

"Apakah dia mengadakan pendustaan terhadap Allah atau dia terkena penyakit gila?"(8)

Yakni menurut anggapan mereka tidak ada orang yang sanggup mengeluarkan perkataan yang seperti ini melainkan seorang pendusta yang mereka-rekakan pembohongan terhadap Allah atau seorang yang dirasukkan jin yang meracau dan mengeluarkan perkataan-perkataan yang aneh.

Mengapa semuanya ini? Kerana beliau mengatakan kepada mereka bahawa kamu kelak akan dihidupkan kembali. Apakah yang dihairankan mereka sedangkan mereka telah pun diciptakan Allah pada kali yang pertama? Mereka tidak melihat keajaiban penciptaan mereka pada kali yang pertama itu. Andainya mereka melihat dan merenunginya dengan teliti dan insaf tentulah mereka tidak akan hairankan penciptaan mereka pada kali yang kedua. Tetapi mereka hanyut dalam kesesatan dan tidak mendapat hidayat kerana itu Al-Qur'an mengulaskan ejekan dan kehairanan mereka dengan ulasan yang amat tajam dan menggerunkan:

بَلِ ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِٱلْءَاخِرَةِ فِى ٱلْعَذَابِ وَٱلضَّلَٰلِ ٱلْبَعِيدِ ﴿٨﴾

"Bahkan sebenarnya orang-orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat itu berada di dalam keseksaan dan kesesatan yang amat jauh."(8)

Yang dimaksudkan dengan keseksaan di sini mungkin ialah keseksaan 'azab di Akhirat. Mereka digambarkan seolah-olah sedang berada di dalam

keseksaan itu kerana mereka pasti terjerumus di dalam keseksaan itu sebagaimana mereka terjerumus di dalam kesesatan yang amat jauh yang tidak ada harapan lagi untuk mendapat hidayat. Mungkin juga keseksaan itu dimaksudkan dengan pengertian yang lain iaitu dengan pengertian bahawa orang-orang yang tidak percaya kepada hari Akhirat adalah sentiasa hidup di dalam keseksaan sebagaimana mereka sentiasa hidup di dalam kesesatan. Ini adalah satu hakikat yang amat mendalam, kerana orang yang hidup tanpa kepercayaan kepada hari Akhirat itu adalah hidup di dalam keseksaan jiwa. Dia tidak mempunyai apa-apa harapan untuk mendapat kesaksamaan, keadilan, balasan, ganjaran dan pampasan dari kesusahan-kesusahan yang ditemui di dalam hidupnya, sedangkan dalam hidup ini penuh dengan ujian dan kesusahan yang tidak sanggup dihadapi manusia kecuali ada di dalam hatinya harapan yang baik di Akhirat, iaitu harapan mendapat pahala kepada yang membuat kebaikan dan menerima hukuman 'azab kepada yang membuat kejahatan, juga kecuali dia ingin mencari keredhaan Allah di alam Akhirat, di mana segala amalannya tidak hilang sama ada kecil atau besar, walaupun amalan-amalan mereka itu hanya seberat biji sawi yang tersembunyi di dalam batu atau tersembunyi di langit atau di bumi, nescaya ia dibalas Allah. Orang yang tidak mempunyai jendela (alam Akhirat) yang terang dan selesa ini tidak syak lagi akan hidup di dalam keseksaan batin, di samping hidup di dalam kesesatan. Dia hidup di dalam keseksaan dan kesesatan di muka bumi sebelum dia menerima 'azab keseksaan pada hari Akhirat sebagai balasan di atas keseksaan yang dihayatinya di alam dunia.

Kepercayaan kepada hari Akhirat merupakan satu rahmat dan ni'mat yang dikurniakan Allah kepada para hamba-Nya yang wajar menerima rahmat dan ni'mat itu iaitu para hamba-Nya yang ikhlas kekuatannya, yang sentiasa mencari kebenaran dan cintakan hidayat. Bagai saya inilah pengertian yang dimaksudkan oleh ayat tadi. Ia meletakkan orang-orang yang tidak percaya kepada hari Akhirat itu terumbang-ambing di antara 'azab keseksaan batin dengan kesesatan yang amat jauh.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 9)

Kemudian ayat berikut menyedarkan orang-orang yang mendustakan hari Akhirat itu dengan satu pemandangan bencana alam yang menimpa mereka - jika Allah kehendaki - sedangkan mereka terus berada di dalam kesesatan yang amat jauh, iaitu pemandangan mereka ditelan bumi atau ditimpa serpihan-serpihan dari langit:

أَفَلَمْ يَرَوْا إِلَىٰ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُم مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ ۚ إِن نَّشَأْ نَخْسِفْ بِهِمُ الْأَرْضَ أَوْ نُسْقِطْ عَلَيْهِمْ كِسَفًا مِّنَ السَّمَاءِ ۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَةً لِّكُلِّ عَبْدٍ مُّنِيبٍ ﴿٩﴾

"Apakah mereka tidak melihat kejadian-kejadian (yang terpampang) di hadapan dan di belakang mereka dari langit dan bumi? Jika Kami kehendaki nescaya Kami benamkan mereka ke dalam bumi atau Kami gugurkan serpihan-serpihan dari langit. Sesungguhnya kejadian-kejadian sedemikian menjadi bukti bagi setiap hamba yang kembali kepada Allah."(9)

Itulah satu pemandangan bencana alam yang dahsyat yang dapat ditanggap mereka dari peristiwa-peristiwa yang disaksikan mereka setiap masa, kerana peristiwa manusia ditelan bumi itu memang berlaku dan disaksikan orang ramai dan diterangkan dalam cerita-cerita dan kisah-kisah. Peristiwa jatuhnya serpihan-serpihan dari langit juga berlaku ketika gugurnya tahi bintang dan ketika berlakunya kejadian-kejadian petir. Mereka memang pernah melihat atau mendengar peristiwa-peristiwa yang seperti ini. Sentuhan ini menyedarkan manusia-manusia yang lalai yang tidak percaya kepada kedatangan hari Qiamat itu, sedangkan 'azab keseksaan Allah amat dekat kepada mereka jika Allah hendak mengazabkan mereka di dunia ini sebelum datangnya hari Qiamat. 'Azab itu boleh menimpa mereka (bila-bila masa sahaja) di bumi ini. Langit yang berada di hadapan dan di belakang mereka sedang mengepung mereka dan tidak jauh dari mereka seperti jauhnya hari Qiamat yang tersembunyi di dalam ilmu Allah. Tiada orang yang merasa aman dari 'azab Allah melainkan hanya golongan orang-orang yang fasiq sahaja.

Peristiwa-peristiwa bencana alam yang disaksikan mereka dari langit dan bumi dan gempa bumi atau gugurnya kepingan-kepingan langit yang diduga mungkin berlaku pada bila-bila masa itu merupakan bukti kekuasaan Allah yang menyedarkan hati yang ingin kembali kepada Allah:

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَةً لِّكُلِّ عَبْدٍ مُّنِيبٍ ﴿٩﴾

"Sesungguhnya kejadian-kejadian yang sedemikian menjadi bukti bagi setiap hamba yang kembali kepada Allah"(9)

yang tidak terjerumus ke dalam kesesatan yang amat jauh.

(Kumpulan ayat-ayat 10 - 21)

وَلَقَدْ آتَيْنَا دَاوُودَ مِنَّا فَضْلًا ۖ يَا جِبَالُ أَوِّبِي مَعَهُ وَالطَّيْرَ ۖ وَأَلَنَّا لَهُ الْحَدِيدَ ﴿١٠﴾

أَنِ اعْمَلْ سَابِغَاتٍ وَقَدِّرْ فِي السَّرْدِ ۖ وَاعْمَلُوا صَالِحًا ۖ إِنِّي بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿١١﴾

وَلِسُلَيْمَٰنَ ٱلرِّيحَ غُدُوُّهَا شَهْرٌ وَرَوَاحُهَا شَهْرٌ ۖ وَأَسَلْنَا لَهُۥ عَيْنَ ٱلْقِطْرِ ۖ وَمِنَ ٱلْجِنِّ مَن يَعْمَلُ بَيْنَ يَدَيْهِ بِإِذْنِ رَبِّهِۦ ۖ وَمَن يَزِغْ مِنْهُمْ عَنْ أَمْرِنَا نُذِقْهُ مِنْ عَذَابِ ٱلسَّعِيرِ ﴿١٢﴾

يَعْمَلُونَ لَهُۥ مَا يَشَآءُ مِن مَّحَٰرِيبَ وَتَمَٰثِيلَ وَجِفَانٍ كَٱلْجَوَابِ وَقُدُورٍ رَّاسِيَٰتٍ ۚ ٱعْمَلُوٓا۟ ءَالَ دَاوُۥدَ شُكْرًا ۚ وَقَلِيلٌ مِّنْ عِبَادِىَ ٱلشَّكُورُ ﴿١٣﴾

فَلَمَّا قَضَيْنَا عَلَيْهِ ٱلْمَوْتَ مَا دَلَّهُمْ عَلَىٰ مَوْتِهِۦٓ إِلَّا دَآبَّةُ ٱلْأَرْضِ تَأْكُلُ مِنسَأَتَهُۥ ۖ فَلَمَّا خَرَّ تَبَيَّنَتِ ٱلْجِنُّ أَن لَّوْ كَانُوا۟ يَعْلَمُونَ ٱلْغَيْبَ مَا لَبِثُوا۟ فِى ٱلْعَذَابِ ٱلْمُهِينِ ﴿١٤﴾

لَقَدْ كَانَ لِسَبَإٍ فِى مَسْكَنِهِمْ ءَايَةٌ ۖ جَنَّتَانِ عَن يَمِينٍ وَشِمَالٍ ۖ كُلُوا۟ مِن رِّزْقِ رَبِّكُمْ وَٱشْكُرُوا۟ لَهُۥ ۚ بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ ﴿١٥﴾

فَأَعْرَضُوا۟ فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ سَيْلَ ٱلْعَرِمِ وَبَدَّلْنَٰهُم بِجَنَّتَيْهِمْ جَنَّتَيْنِ ذَوَاتَىْ أُكُلٍ خَمْطٍ وَأَثْلٍ وَشَىْءٍ مِّن سِدْرٍ قَلِيلٍ ﴿١٦﴾

ذَٰلِكَ جَزَيْنَٰهُم بِمَا كَفَرُوا۟ ۖ وَهَلْ نُجَٰزِىٓ إِلَّا ٱلْكَفُورَ ﴿١٧﴾

وَجَعَلْنَا بَيْنَهُمْ وَبَيْنَ ٱلْقُرَى ٱلَّتِى بَٰرَكْنَا فِيهَا قُرًى ظَٰهِرَةً وَقَدَّرْنَا فِيهَا ٱلسَّيْرَ ۖ سِيرُوا۟ فِيهَا لَيَالِىَ وَأَيَّامًا ءَامِنِينَ ﴿١٨﴾

فَقَالُوا۟ رَبَّنَا بَٰعِدْ بَيْنَ أَسْفَارِنَا وَظَلَمُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ فَجَعَلْنَٰهُمْ أَحَادِيثَ وَمَزَّقْنَٰهُمْ كُلَّ مُمَزَّقٍ ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّكُلِّ صَبَّارٍ شَكُورٍ ﴿١٩﴾

وَلَقَدْ صَدَّقَ عَلَيْهِمْ إِبْلِيسُ ظَنَّهُۥ فَٱتَّبَعُوهُ إِلَّا فَرِيقًا مِّنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٢٠﴾

وَمَا كَانَ لَهُۥ عَلَيْهِم مِّن سُلْطَٰنٍ إِلَّا لِنَعْلَمَ مَن يُؤْمِنُ بِٱلْءَاخِرَةِ مِمَّنْ هُوَ مِنْهَا فِى شَكٍّ ۗ وَرَبُّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ حَفِيظٌ ﴿٢١﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan limpah kurnia Kami kepada Daud. (Kami berfirman): Wahai gunung-ganang dan burung-burung! Ulangilah ucapan tasbih bersama Daud, dan Kami juga telah melembutkan besi untuknya (10). (Kami berfirman): Buatlah baju-baju besi yang labuh dan ukurlah jalinannya dengan rapi. (Wahai Daud dan keluargamu!) Kerjakanlah amalan-amalan yang salih. Sesungguhnya Aku amat melihat segala apa yang dilakukan kamu (11). Dan dikurniakan penggunaan angin kepada Sulaiman, perjalanan pergi dengan tiupannya mengambil masa sebulan dan perjalanan balik dengan tiupan mengambil masa sebulan juga. Dan Kami alirkan baginya matair tembaga, dan (Kami tundukkan) kepadanya sebahagian jin (sebagai buruh) yang bekerja di hadapannya dengan izin Tuhannya. Dan barang siapa (di antara jin itu) yang menyeleweng dari perintah Kami nescaya Kami akan rasakannya 'azab Neraka yang bernyala-nyala (12). Jin-jin itu membuat untuknya (Sulaiman) apa sahaja yang dikehendakinya dari bangunan-bangunan (rumah ibadat), patung-patung, pinggan-pinggan besar seperti kolam-kolam dan periuk-periuk yang ditegakkan di atas tungkunya. Wahai keluarga Daud! Beramallah kamu untuk bersyukur, dan amat sedikit terdapat di antara hamba-hamba-Ku orang yang banyak bersyukur (13). Apabila Kami telah menetapkan kematiannya (Sulaiman) tidak ada yang menunjukkan kematiannya itu kepada mereka (jin-jin) kecuali binatang anai-anai yang memakan tongkatnya. Oleh itu apabila dia (Sulaiman) jatuh ternyatalah kepada jin-jin itu sekiranya mereka mengetahui perkara ghaib tentulah mereka tidak tinggal (sebegitu lama) di dalam 'azab (kerja berat) yang menghinakan itu (14). Sesungguhnya bagi penduduk-penduduk Saba' itu satu bukti kekuasaan Allah di tempat kediaman mereka iaitu dua kebun (yang luas dan subur) di sebelah kanan dan di sebelah kiri (perkampungan mereka, lalu Kami berfirman): Makanlah dari rezeki Tuhan kamu dan bersyukurlah kepada-Nya (negeri kamu) adalah negeri yang makmur dan (Tuhan kamu) adalah Tuhan Yang Maha Pengampun (15). Tetapi mereka berpaling (dari keta'atan dan kesyukuran), lalu Kami lepaskan banjir batu batan (yang membinasakan mereka) dan Kami tukarkan dua kebun mereka (yang subur) itu dengan dua kebun yang ditumbuhi pokok-pokok Khamt dan pokok-pokok Athl serta sedikit pokok-pokok bidara (16). Demikianlah Kami membalas mereka dengan sebab kekufuran mereka dan kami tidak menimpakan balasan 'azab melainkan terhadap orang yang amat kufur (17). Dan kami jadikan di antara (negeri) mereka dengan negeri-negeri yang Kami berkati itu beberapa negeri berdekatan yang kelihatan jelas dan Kami tentukan jarak perjalanan yang selesa di antaranya (Kami berfirman): Berjalanlah kamu di negeri-negeri itu malam dan siang dengan aman sentosa (18). Kemudian mereka berkata:

Wahai Tuhan kami! Jauhkan jarak perjalanan-perjalanan kami, dan mereka telah menzalimi diri sendiri lalu Kami jadikan (peristiwa kebinasaan) mereka buah mulut orang ramai dan Kami pecahbelahkan mereka bertaburan (di merata negeri), sesungguhnya kisah mereka itu menjadi pengajaran-pengajaran kepada setiap orang yang banyak bersabar dan bersyukur (19). Dan sesungguhnya tepatlah sangkaan Iblis terhadap mereka, lalu mereka menurutnya kecuali segolongan dari orang-orang yang beriman (20). Dan sebenarnya Iblis tidak mempunyai sebarang kuasa di atas mereka melainkan supaya Kami mengetahui (di alam kenyataan) siapa yang beriman kepada hari Akhirat dan siapa yang ragu-ragu terhadapnya, dan Tuhanmu sentiasa mengawasi segala sesuatu."(21)

Pusingan ini mengandungi gambaran-gambaran kesyukuran dan kesombongan, juga gambaran-gambaran bagaimana Allah menundukkan kepada hamba-hamba-Nya yang dikehendaki-Nya kuasa-kuasa alam dan makhluk jin yang tidak biasa ditundukkan kepada manusia kerana kudrat dan kehendak Allah tidak terikat dengan adat kebiasaan manusia. Dari gambaran-gambaran itu terdedahlah beberapa hakikat mengenai syaitan yang disembah oleh setengah-setengah kaum Musyrikin atau yang dipinta ilmu ghaib pada mereka, sedangkan mereka tidak mengetahuinya, juga hakikat sebab godaan syaitan yang mempengaruhi manusia iaitu syaitan sebenarnya tidak mempunyai sebarang kuasa di atas manusia kecuali manusia sendiri menyerahkan dirinya kepada syaitan, juga hakikat tadbir Allah yang mendedahkan akibat-akibat amalan manusia yang tersembunyi supaya mereka menerima balasannya pada hari Akhirat. Pusingan ini ditamatkan dengan cerita hari Akhirat sebagaimana ditamatkan dengannya pada pusingan yang pertama.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 10 - 11)

Mu'jizat Nabi Daud a.s.

وَلَقَدْ آتَيْنَا دَاوُودَ مِنَّا فَضْلًا ۖ يَا جِبَالُ أَوِّبِي مَعَهُ وَالطَّيْرَ ۖ وَأَلَنَّا لَهُ الْحَدِيدَ ﴿١٠﴾ أَنِ اعْمَلْ سَابِغَاتٍ وَقَدِّرْ فِي السَّرْدِ ۖ وَاعْمَلُوا صَالِحًا ۖ إِنِّي بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿١١﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan limpah kurnia Kami kepada Daud. (Kami berfirman): Wahai gunung-ganang dan burung-burung! Ulangilah ucapan tasbih bersama Daud, dan Kami juga telah melembutkan besi untuknya (10). (Kami berfirman): Buatlah baju-baju besi yang labuh dan ukurlah jalinannya dengan rapi. (Wahai Daud dan keluargamu!) Kerjakanlah amalan-amalan yang salih. Sesungguhnya Aku amat melihat segala apa yang dilakukan kamu."(11)

Daud ialah seorang hamba yang ta'at dan kembali kepada Allah sebagaimana telah disebut pada akhir pusingan yang pertama:

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَةً لِّكُلِّ عَبْدٍ مُّنِيبٍ ﴿٩﴾

"Sesungguhnya kejadian-kejadian sedemikian menjadi bukti bagi setiap hamba yang kembali kepada Allah."(9)

Ayat ini mengulaskan kisah Daud dan menyebutkan ni'mat-ni'mat yang dikurniakan Allah kepadanya:

يَا جِبَالُ أَوِّبِي مَعَهُ وَالطَّيْرَ

"Wahai gunung-ganang dan burung-burung."(10)

Menurut riwayat-riwayat, Nabi Allah Daud a.s. telah dikurniakan suara yang amat merdu dan luar biasa. Dengan suara itulah beliau membaca mazamirnya iaitu kumpulan-kumpulan nasyid tasbih dan do'a yang sebahagiannya termuat di dalam kitab perjanjian lama. Hanya Allah jua yang mengetahui kesahihannya. Tersebut di dalam sahih bahawa Rasulullah s.a.w. telah mendengar suara Abu Musa al-Asy'ari r.a. sedang membaca di waktu malam. Beliau berhenti kerana mendengar bacaannya itu kemudian Rasulullah s.a.w. bersabda:

لقد أوتي هذا مزماراً من زمامير آل داود

"Sesungguhnya dia ini (Abu Musa) telah dikurniakan seruling (suara merdu) dari seruling-seruling keluarga Daud."

Ayat ini menggambarkan limpah kurnia Allah yang tinggi ke atas Nabi Daud a.s. hingga tersingkap segala hijab di antaranya dengan makhluk-makhluk yang lain dan berpadulah hakikatnya dengan hakikat makhluk-makhluk itu dalam ucapan tasbih memuji Allah. Ucapan-ucapan tasbih beliau telah diikuti oleh gunung-ganang dan burung-burung kerana di sana tidak ada lagi hijab di antara beliau dengan makhluk-makhluk itu apabila semuanya berhubung serentak dan secara langsung dengan Allah S.W.T. Segala perbezaan jenis kejadian juga turut terhapus dan semuanya kembali kepada hakikat ladunni yang satu dan semuanya berpadu bertasbih kepada Allah dan bertemu dalam sebuah lagu. Itulah darjat kejernihan, keluhuran dan tajarrud yang tidak dapat dicapai oleh seseorang melainkan dengan limpah kurnia Allah yang menghapuskan hijab entiti fizikal dan memulangkannya kepada entiti ladunni, di sanalah bertemunya seluruh alam buana dengan segala isi dan penghuninya tanpa hijab dan pagar.

Apabila suara Nabi Daud berkumandang membaca mazamirnya dan memuji Allah, maka gunung-ganang dan burung-burung turut mengumandangkan bacaannya. Seluruh alam entiti buana yang sama bersahut-sahutan melagukan bacaan yang bergema itu dan bertawajjuh kepada Allah Yang Tunggal. Itulah detik-detik masa yang amat menarik yang tidak dapat dikecapi melainkan oleh orang yang biasa mengalaminya walaupun sesa'at di dalam hidupnya.

"Dan kami juga telah melembutkan besi untuknya."(10)

Ini satu lagi limpah kurnia Allah kepada beliau. Dari ungkapan ayat ini ternampak jelas bahawa

kelembutan besi di tangan Daud itu merupakan satu perkata luar biasa bukannya perkara biasa kepada manusia. Kelembutan besi itu bukannya kerana ia dipanaskan sehingga menjadi lembut, dan boleh ditokol, malah itulah mu'jizat Daud yang dapat melembutkan besi tanpa menggunakan cara pelembutan biasa, walaupun keterangan ini merupakan semata-mata petunjuk untuk melembutkan besi dengan cara memanaskan besi, namun ia juga dikirakan sebagai salah satu kurnia Allah yang wajar disebut, tetapi kami tetap terpengaruh dengan suasana penerangan ayat ini dan bayangan-bayangannya yang menerangkan mu'jizat-mu'jizat yang luar biasa.

أَنِ ٱعْمَلْ سَٰبِغَٰتٍ وَقَدِّرْ فِى ٱلسَّرْدِ ۖ

"(Kami berfirman): Buatlah baju-bau besi yang labuh dan ukurlah jalinannya dengan rapi."(11)

Menurut riwayat baju-baju besi sebelum Nabi Daud a.s. adalah dibuat dalam bentuk kepingan-kepingan besi sahaja yang menyebabkan tubuh pemakainya menjadi keras dan berat. Lalu Allah mengilhamkan Nabi Daud a.s. supaya membuat baju itu dari jalinan-jalinan besi yang lembut yang mudah dibentuk dan digerakkan mengikut pergerakan tubuh badan. Allah menyuruh beliau menyempitkan jalinan besi-besi itu supaya kukuh dan kuat tidak dapat ditembusi tikaman lembing. Itulah maksud:

وَقَدِّرْ فِى ٱلسَّرْدِ ۖ

"Ukurlah jalinannya dengan rapi"(11)

semuanya ini melalui ilham dan taklimat dari Allah. Kemudian Daud dan keluarganya diperintah:

وَٱعْمَلُوا۟ صَٰلِحًا ۖ إِنِّى بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿١١﴾

"(Wahai keluarga Daud!) Kerjakanlah amalan-amalan yang salih), sesungguhnya Aku amat melihat segala apa yang dilakukan kamu."(11)

Yakni Allah bukan sahaja melihat baju-baju besi, malah melihat segala apa yang dilakukan kamu. Oleh itu hendaklah kamu bermuraqabah dengan Allah yang melihat segala apa yang dilakukan kamu dan membalasnya dengan balasan yang setimpal. Tiada suatu pun yang terluput dari ilmu-Nya dan segala-galanya adalah dilihat oleh Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 12 - 14)

Itulah ni'mat-ni'mat yang dikurniakan Allah kepada Nabi Daud a.s. Adapun Nabi Sulaiman a.s. maka beliau telah dikurniakan ni'mat-ni'mat yang lain pula:

Mu'jizat Nabi Sulaiman a.s.

وَلِسُلَيْمَٰنَ ٱلرِّيحَ غُدُوُّهَا شَهْرٌ وَرَوَاحُهَا شَهْرٌ ۖ

وَأَسَلْنَا لَهُۥ عَيْنَ ٱلْقِطْرِ ۖ وَمِنَ ٱلْجِنِّ مَن يَعْمَلُ بَيْنَ يَدَيْهِ بِإِذْنِ رَبِّهِۦ ۖ وَمَن يَزِغْ مِنْهُمْ عَنْ أَمْرِنَا نُذِقْهُ مِنْ عَذَابِ ٱلسَّعِيرِ ﴿١٢﴾

يَعْمَلُونَ لَهُۥ مَا يَشَآءُ مِن مَّحَٰرِيبَ وَتَمَٰثِيلَ وَجِفَانٍ كَٱلْجَوَابِ وَقُدُورٍ رَّاسِيَٰتٍ ۚ ٱعْمَلُوٓا۟ ءَالَ دَاوُۥدَ شُكْرًا ۚ وَقَلِيلٌ مِّنْ عِبَادِىَ ٱلشَّكُورُ ﴿١٣﴾

"Dan dikurniakan penggunaan angin kepada Sulaiman, perjalanan pergi dengan tiupannya mengambil masa sebulan dan perjalanan balik dengan tiupan mengambil masa sebulan juga. Dan Kami alirkan baginya matair tembaga, dan (Kami tundukkan) kepadanya sebahagian jin (sebagai buruh) yang bekerja di hadapannya dengan izin Tuhannya. Dan barang siapa (di antara jin itu) yang menyeleweng dari perintah Kami nescaya Kami akan rasakannya 'azab Neraka yang bernyala-nyala (12). Jin-jin itu membuat untuknya (Sulaiman) apa sahaja yang dikehendakinya dari bangunan-bangunan (rumah ibadat), patung-patung, pinggan-pinggan besar seperti kolam-kolam dan periuk-periuk yang ditegakkan di atas tungkunya. Wahai keluarga Daud! Beramallah kamu untuk bersyukur, dan amat sedikit terdapat di antara hamba-hamba-Ku orang yang banyak bersyukur."(13)

Berbagai-bagai riwayat mengisahkan tentang bagaimana angin itu ditundukkan untuk penggunaan Nabi Sulaiman a.s., dan di dalam riwayat-riwayat itu nampak jelas bayang-bayang dongeng Israel walaupun kitab-kitab Yahudi yang asal sendiri tidak menyebut apa-apa tentang cerita-cerita itu. Menjauhkan diri dari riwayat-riwayat yang seperti itu adalah lebih baik, dan berpada dengan nas Al-Qur'an sahaja adalah lebih selamat, iaitu berhenti setakat keterangannya yang zahir sahaja tanpa melewatinya. Apa yang dapat difaham dari nas Al-Qur'an itu ialah Allah S.W.T. telah menundukkan angin kepada Nabi Sulaiman dan menjadikan perjalanan pemergian ke negeri yang tertentu dengan tiupan angin itu (tersebut dalam Surah al-Anbia negeri itu ialah Baitul-Muqaddis) mengambil masa sebulan dan baliknya pula mengambil masa sebulan juga kerana sesuatu kepentingan yang dapat dicapai oleh Nabi Sulaiman a.s. dari pemergian dan kepulangannya dengan tiupan angin yang diperintah oleh Allah itu. Kita tidak dapat menerangkan lebih jauh dari ini supaya kita tidak terjerumus di dalam dongeng-dongeng yang tidak berasas.

وَأَسَلْنَا لَهُۥ عَيْنَ ٱلْقِطْرِ ۖ

"Dan Kami alirkan baginya mata air tembaga."(12)

Cara penerangan ayat ini juga menunjukkan bahawa pengaliran leburan atau cecair tembaga itu merupakan satu perkara mu'jizat yang luar biasa sama

seperti mu'jizat pelembutan besi yang dikurniakan kepada Nabi Daud a.s. Boleh jadi pengaliran itu berlaku dengan cara Allah mengalirkan mata cecair tembaga gunung berapi dari dalam bumi atau Allah memberi ilham kepadanya meleburkan tembaga menjadi cair dan mengalir sehingga boleh ditokol dan dituang. Ini adalah satu limpah kurnia Allah yang amat besar.

وَمِنَ ٱلۡجِنِّ مَن يَعۡمَلُ بَيۡنَ يَدَيۡهِ بِإِذۡنِ رَبِّهِۦۖ

"Dan (Kami tundukkan) kepadanya sebahagian jin (sebagai buruh) yang bekerja di hadapannya dengan izin Tuhannya."(12)

Allah juga telah menundukkan kepada beliau sekumpulan jin yang bekerja di bawah perintahnya dengan izin Allah. Pengertian kalimah jin ialah segala sesuatu yang tersembunyi, yang tidak dapat dilihat oleh manusia. Di sana ada makhluk yang dinamakan Allah jin. Kita tidak mengetahui tentang makhluk ini melainkan sekadar apa yang telah diterangkan Allah mengenai keadaan mereka. Di dalam ayat ini Al-Qur'an menyebut bahawa Allah telah menundukkan sebahagian dari makhluk jin itu kepada Nabi Sulaiman a.s. Sesiapa di antara mereka yang derhaka kepada beliau akan mendapat 'azab Allah:

وَمَن يَزِغۡ مِنۡهُمۡ عَنۡ أَمۡرِنَا نُذِقۡهُ مِنۡ عَذَابِ ٱلسَّعِيرِ ﴿١٢﴾

"Dan barang siapa di antara jin itu yang menyeleweng dari perintah Kami nescaya Kami akan rasakannya 'azab Neraka yang bernyala-nyala."(12)

Ulasan ini, iaitu sebelum habis penceritaan mengenai penundukan itu mungkin dibuat dengan tujuan untuk menerangkan bahawa makhluk jin itu adalah tunduk kepada Allah, sedangkan setengah-setengah kaum Musyrikin menyembah mereka selain Allah pada hal jin-jin itu sama seperti mereka, iaitu sama-sama terdedah kepada 'azab Allah apabila mereka menyeleweng dari perintah Allah.

Jin-jin itu telah dijadikan pekerja-pekerja Nabi Sulaiman a.s.:

يَعۡمَلُونَ لَهُۥ مَا يَشَآءُ مِن مَّحَٰرِيبَ وَتَمَٰثِيلَ وَجِفَانٖ كَٱلۡجَوَابِ وَقُدُورٖ رَّاسِيَٰتٍۚ ٱعۡمَلُوٓاْ ءَالَ دَاوُۥدَ شُكۡرٗاۚ وَقَلِيلٞ مِّنۡ عِبَادِيَ ٱلشَّكُورُ ﴿١٣﴾

"Jin-jin itu membuat untuknya (Sulaiman) apa sahaja yang dikehendakinya dari bangunan-bangunan (rumah ibadat), patung-patung, pinggan-pinggan besar seperti kolam-kolam dan periuk-periuk yang ditegakkan di atas tungkunya. Wahai keluarga Daud! Beramallah kamu untuk bersyukur, dan amat sedikit terdapat di antara hamba-hamba-Ku orang yang banyak bersyukur."(13)

Yang dimaksudkan dengan *"bangunan"* (محاريب) ialah tempat-tempat ibadat. Yang dimaksudkan dengan *"patung-patung"* (تماثيل) ialah gambar-gambar dari tembaga, kayu dan sebagainya. Yang dimaksudkan *"seperti kolam-kolam"* ialah jin-jin itu telah membuat pinggan-pinggan yang besar untuk hidangan makanan seolah-olah seperti kolam. Mereka juga telah membuat periuk-periuk yang besar untuk memasak yang ditegakkan di atas tungku-tungkunya. Semuanya adalah contoh-contoh kerja jin yang ditundukkan kepada Nabi Sulaiman supaya membuat apa-apa yang dikehendakinya dengan izin Allah. Semuanya merupakan kerja-kerja luar biasa yang tidak dapat difikir selain dari ianya suatu mu'jizat dari ciptaan Allah. Inilah satu-satunya pentafsiran yang jelas.

Kemudian penceritaan ini ditamatkan dengan perintah yang ditujukan kepada keluarga Daud:

ٱعۡمَلُوٓاْ ءَالَ دَاوُۥدَ شُكۡرٗاۚ

"Wahai keluarga Daud! Beramallah kamu untuk bersyukur."(13)

Yakni kami telah tundukkan semuanya itu kepada Nabi Daud dan Nabi Sulaiman a.s. Oleh itu wahai keluarga Daud! Beramallah untuk menyatakan kesyukuran kamu kepada Allah bukannya untuk bermegah-megah dengan ni'mat-ni'mat yang dikurniakan Allah itu, dan amalan yang salih itu merupakan pernyataan kesyukuran yang besar kepada Allah.

وَقَلِيلٞ مِّنۡ عِبَادِيَ ٱلشَّكُورُ ﴿١٣﴾

"Dan amat sedikit terdapat di antara hamba-hamba-Ku orang yang banyak bersyukur."(13)

Ini adalah satu ulasan yang menjelaskan hakikat dan memberi bimbingan yang selalu dibuat oleh Al-Qur'an ketika mengemukakan kisah-kisah tertentu. Ulasan ini bertujuan mendedahkan kebesaran limpah kurnia dan ni'mat-ni'mat Allah hingga tidak terdaya disyukuri manusia, juga untuk mendedahkan kecuaian manusia mensyukuri ni'mat dan limpah kurnia Allah. Tetapi walau bagaimana sekalipun mereka bersyukur, namun mereka tidak juga dapat memenuhinya. Bagaimana pula jika dari awal lagi mereka lalai dan cuai dari bersyukur kepadanya?

Apakah yang terdaya dilakukan oleh manusia yang mempunyai daya tenaga yang terbatas itu untuk mensyukuri ni'mat-ni'mat Allah yang tidak terbatas itu?

وَإِن تَعُدُّواْ نِعۡمَتَ ٱللَّهِ لَا تُحۡصُوهَآۗ

"Dan jika kamu menghitungkan ni'mat Allah nescaya kamu tidak, terdaya menghitungkannya."

(Surah Ibrahim: 34)

Ni'mat-ni'mat Allah itu menyelubungi manusia dari atas kepala hingga ke bawah kakinya, dari kanan hingga ke kirinya, malah ni'mat itu tersirat dalam diri mereka dan terpancar darinya, kerana diri manusia merupakan salah satu dari ni'mat-ni'mat Allah yang amat besar.

Pada suatu masa kami berbual-bual dan bertukar-tukar fikiran. Kami memperkatakan apa sahaja yang

terlintas di dalam hati kami, tiba-tiba datang kucing kami "Susu" mengelilingi kami seolah-olah mencari sesuatu atau meminta sesuatu dari kami, tetapi ia tidak dapat bercakap dan kami tidak dapat memahaminya hingga kami mendapat ilham dari Allah bahawa ia mahukan air dan memang benar ia mahukan air. Ia sangat dahaga tetapi ia tidak berupaya untuk bercakap dan memberi isyarat. Di sa'at ini kami dapat memahami sekelumit dari ni'mat bercakap, ni'mat menerang dengan lidah dan ni'mat kefahaman yang dikurniakan Allah kepada kita manusia dan pada sa'at itu hati kami dipenuhi rasa kesyukuran. Bagaimana pula hendak mensyukuri ni'mat-ni'mat Allah yang lain yang melimpah-ruah.

Pada suatu masa yang lain kami telah dinafikan sekian lama dari ni'mat melihat matahari,[1] hanya sorotan cahayanya yang tidak lebih dari sebesar duit syiling kadang-kadang menembusi kepada kami. Setiap orang dari kami berdiri di hadapan sorotan cahaya ini sambil mengusapkannya ke atas mukanya, dua tangannya, dadanya, belakangnya, perutnya dan dua tapak kakinya seberapa yang dapat, kemudian tempatnya diambil oleh saudaranya yang lain pula untuk meni'mati sorotan cahaya itu sama seperti yang dini'matinya tadi. Selepas itu saya tidak lupa hari pertama kami dapat melihat matahari itu sendiri. Saya tidak lupa kegembiraan dan kegirangan yang terbayang jelas di wajah setiap orang dari kami, malah terbayang di seluruh anggota kami sambil melepaskan ucapan yang panjang: Allah! Ini dia matahari. Rupanya matahari Tuhan kita masih memancar terang, Alhamdulillah.

Berapa banyak kita hamburkan cahaya yang menyegarkan itu setiap hari ketika kita bermandi di dalam nur matahari dan kehangatannya dan ketika kita merenangi dan menyelam di dalam ni'mat Allah? Berapa banyak kita bersyukur terhadap ni'mat cahaya yang mewah tanpa bayaran dan penat lelah itu?

Apabila kita terus memikirkan ni'mat-ni'mat Allah dengan sedemikian, maka kita akan habiskan seluruh umur dan tenaga kita tanpa sampai ke mana-mana. Oleh itu cukuplah bagi kita dengan isyarat ayat Al-Qur'an supaya setiap hati memikirkan ni'mat-ni'mat Allah dan mengikuti kesan-kesannya untuk mensyukurinya sebanyak yang ditaufiqkan Allah, kerana bersyukur merupakan salah satu ni'mat Allah yang dikurniakan Allah kepada yang wajar menerimanya, iaitu orang yang bertawajjuh kepada-Nya dengan penuh keikhlasan.

Kemudian marilah kita terus mengikuti ayat-ayat seterusnya mengenai kisah Nabi Sulaiman a.s. dalam babaknya yang terakhir, iaitu babak kewafatan Nabi Sulaiman a.s. sedangkan jin-jin terus bekerja melaksanakan kerja-kerja yang ditugaskan oleh beliau tanpa mengetahui kewafatannya sehingga ditunjukkan oleh binatang anai-anai yang memakan tongkat beliau dan menyebabkan beliau jatuh:

فَلَمَّا قَضَيْنَا عَلَيْهِ ٱلْمَوْتَ مَا دَلَّهُمْ عَلَىٰ مَوْتِهِۦٓ إِلَّا دَآبَّةُ ٱلْأَرْضِ تَأْكُلُ مِنسَأَتَهُۥ ۖ فَلَمَّا خَرَّ تَبَيَّنَتِ ٱلْجِنُّ أَن لَّوْ كَانُوا۟ يَعْلَمُونَ ٱلْغَيْبَ مَا لَبِثُوا۟ فِى ٱلْعَذَابِ ٱلْمُهِينِ ﴿١٤﴾

"Apabila Kami telah menetapkan kematiannya (Sulaiman) tidak ada yang menunjukkan kematiannya itu kepada mereka (jin-jin) kecuali binatang anai-anai yang memakan tongkatnya. Oleh itu apabila dia (Sulaiman) jatuh ternyatalah kepada jin-jin itu sekiranya mereka mengetahui perkara ghaib tentulah mereka tidak tinggal (sebegitu lama) di dalam 'azab (kerja berat) yang menghinakan itu."(14)

Menurut riwayat-riwayat, beliau sedang bertongkat ketika ajalnya sampai dan para jin sedang sibuk pergi dan datang membuat pekerjaan-pekerjaan yang amat berat yang ditugaskan oleh beliau. Mereka tidak sedar beliau telah wafat, sehingga datang binatang anai-anai, iaitu serangga yang memakan kayu-kayu, bumbung-bumbung rumah, pintu-pintu dan tiang-tiangnya dengan begitu lahap. Di Sa'iid Mesir terdapat kampung-kampung yang mendirikan rumah-rumahnya tanpa menggunakan sebatang kayu pun kerana takut kepada serangga yang memakan kayu habis-habisan itu. Apabila tongkat Sulaiman yang dimakan anai-anai itu reput ia terus patah dan beliau pun jatuh. Ketika inilah sahaja para jin itu baru mengetahui bahawa Nabi Sulaiman a.s. itu telah wafat:

فَلَمَّا خَرَّ تَبَيَّنَتِ ٱلْجِنُّ أَن لَّوْ كَانُوا۟ يَعْلَمُونَ ٱلْغَيْبَ مَا لَبِثُوا۟ فِى ٱلْعَذَابِ ٱلْمُهِينِ ﴿١٤﴾

"Oleh itu apabila dia (Sulaiman) terjatuh ternyatalah kepada jin-jin itu sekiranya mereka mengetahui perkara ghaib tentulah mereka tidak tinggal (sebegitu lama) di dalam 'azab (kerja berat) yang menghinakan itu."(14)

Makhluk jin yang disembahkan oleh setengah-setengah manusia itu sebenarnya pernah menjadi kaum buruh kepada seorang hamba Allah. Mereka sebenarnya tidak mengetahui perkara ghaib yang dekat, sedangkan setengah-setengah manusia meminta dari mereka rahsia-rahsia ghaib yang jauh.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 15 - 19)

Di dalam kisah keluarga Daud, Al-Qur'an membentang lembaran mengenai keimanan kepada Allah dan kesyukuran kepada-Nya terhadap limpah kurnia-Nya, dan di lembaran sebelahnya ia

---

[1] *Mungkin pengarang tafsir ini maksudkan dengan peristiwa itu ialah peristiwa beliau dan rakan-rakannya di tahan dalam penjara kerajaan Mesir – Penterjemah.*

membentangkan kisah kaum Saba'. Di dalam surah An-Naml telah disebutkan cerita-cerita yang berlaku di antara Nabi Sulaiman a.s. dengan ratu kerajaan Saba' (Puteri Balqis) dan di gini pula disebut sekali lagi cerita kaum Saba' selepas kisah Nabi Sulaiman a.s. Ini menunjukkan bahawa peristiwa-peristiwa yang disebut di dalam ayat ini adalah terjadi selepas kisah yang telah berlaku di antara ratu itu dengan Nabi Sulaiman a.s.

Andaian ini berdasarkan alasan kerana kisah di dalam ayat ini menceritakan perihal kesombongan kaum Saba' terhadap ni'mat Allah dan terhapusnya ni'mat itu dari mereka serta keadaan mereka yang porak peranda dan bertaburan di sana sini, sedangkan mereka di zaman Ratu Balqis yang diceritakan dalam Surah an-Naml itu merupakan sebuah kerajaan yang besar, mewah dan makmur sebagaimana telah diceritakan oleh burung Hud-hud kepada Nabi Sulaiman a.s.

إِنِّي وَجَدتُّ ٱمۡرَأَةٗ تَمۡلِكُهُمۡ وَأُوتِيَتۡ مِن كُلِّ شَيۡءٖ وَلَهَا عَرۡشٌ عَظِيمٞ ٢٣ وَجَدتُّهَا وَقَوۡمَهَا يَسۡجُدُونَ لِلشَّمۡسِ مِن دُونِ ٱللَّهِ

"Sesungguhnya saya dapati seorang perempuan yang memerintah mereka. Dan dia telah dianugerahkan segala sesuatu serta mempunyai singgahsana yang besar. Saya dapati dia dan kaumnya menyembah matahari selain Allah."

(Surah an-Naml: 23-24)

Dan berikutan dengan cerita ini ialah cerita keislaman Ratu Balqis beriman kepada Allah Tuhan semesta alam. Kisah yang diceritakan di dalam surah ini adalah berlaku selepas keislaman Ratu Balqis iaitu setelah kaum Saba' enggan bersyukur kepada Allah terhadap ni'mat-ni'mat yang dikurniakan kepada mereka.

Kisah ini dimulakan dengan cerita kesenangan dan kemewahan kehidupan mereka dan bagaimana mereka diseru supaya bersyukur kepada Allah sedaya upaya mereka:

Negeri Saba' Yang Makmur Dimusnahkan Banjir Besar

لَقَدۡ كَانَ لِسَبَإٖ فِي مَسۡكَنِهِمۡ ءَايَةٞۖ جَنَّتَانِ عَن يَمِينٖ وَشِمَالٖۖ كُلُواْ مِن رِّزۡقِ رَبِّكُمۡ وَٱشۡكُرُواْ لَهُۥۚ بَلۡدَةٞ طَيِّبَةٞ وَرَبٌّ غَفُورٞ ١٥

"Sesungguhnya bagi penduduk-penduduk Saba' itu satu bukti kekuasaan Allah di tempat kediaman mereka iaitu dua kebun (yang luas dan subur) di sebelah kanan dan di sebelah kiri (perkampungan mereka lalu Kami berfirman): Makanlah dari rezeki Tuhan kamu dan bersyukurlah kepada-Nya (negeri kamu) adalah negeri yang makmur dan (Tuhan kamu) adalah Tuhan Yang Maha Pengampun."(15)

Saba' ialah nama satu kaum yang mendiami Selatan Yaman. Mereka tinggal di satu kawasan bumi yang subur dan sebahagiannya masih kekal sehingga hari ini. Mereka telah mendaki tangga tamadun yang tinggi sehingga mereka dapat mengendalikan air-air hujan yang lebat yang mengalir dari sebelah laut di Selatan dan di Timur. Mereka telah membina sebuah takungan air tabi'i yang diapit oleh dua buah bukit dan di muka lembah di antara dua bukit itu mereka binakan sebuah empangan yang boleh dibuka dan ditutup. Mereka dapat menyimpan air yang banyak di belakang empangan itu dan mereka dapat mengendalikannya mengikut keperluan mereka. Dari empangan ini mereka mendapat punca bekalan air yang amat besar yang terkenal dengan nama Empangan Saba'.

Kebun-kebun yang terletak di kanan dan kiri negeri itu melambangkan negeri yang subur, mewah makmur, senang-tenang dan penuh keni'matan yang indah, kerana itu kebun-kebun itu merupakan bukti yang mengingatkan kepada Allah Pengurnia Yang Maha Pemurah. Kaum Saba' telah disuruh supaya meni'mati rezeki-rezeki yang dikurniakan Allah itu dengan bersyukur:

كُلُواْ مِن رِّزۡقِ رَبِّكُمۡ وَٱشۡكُرُواْ لَهُۥۚ بَلۡدَةٞ طَيِّبَةٞ وَرَبٌّ غَفُورٞ ١٥

"Makanlah rezeki dari Tuhan kamu dan bersyukurlah kepada-Nya, (negeri kamu) adalah negeri yang baik dan makmur dan (Tuhan kamu) adalah Tuhan Yang Maha Pengampun."(15)

Mereka diperingatkan dengan ni'mat negeri mereka yang mewah makmur terutama ni'mat keampunan Allah yang memaafkan kecuaian mereka dari bersyukur dan kesalahan-kesalahan yang dilakukan mereka.

بَلۡدَةٞ طَيِّبَةٞ وَرَبٌّ غَفُورٞ ١٥

"(Negeri kamu) adalah negeri yang makmur dan (Tuhan kamu) adalah Tuhan Yang Maha Pengampun."(15)

Negeri mereka adalah sebuah negeri yang mendapat ni'mat kemakmuran di bumi dan mendapat keampunan di langit. Oleh itu apakah yang menghalangi mereka dari memuji dan bersyukur kepada Allah? Tetapi mereka tidak bersyukur dan tidak pula mengingati Allah:

فَأَعۡرَضُواْ فَأَرۡسَلۡنَا عَلَيۡهِمۡ سَيۡلَ ٱلۡعَرِمِ وَبَدَّلۡنَٰهُم بِجَنَّتَيۡهِمۡ جَنَّتَيۡنِ ذَوَاتَيۡ أُكُلٍ خَمۡطٖ وَأَثۡلٖ وَشَيۡءٖ مِّن سِدۡرٖ قَلِيلٖ ١٦

"Tetapi mereka berpaling (dari keta'atan dan kesyukuran), lalu Kami lepaskan banjir batu batan (yang membinasakan mereka) dan Kami tukarkan dua kebun mereka (yang subur) itu dengan dua kebun yang ditumbuhi pokok-pokok Khamt dan pokok-pokok Athl serta sedikit pokok-pokok bidara."(16)

Mereka enggan bersyukur kepada Allah dan enggan melakukan amalan-amalan yang soleh serta enggan menggunakan ni'mat-ni'mat yang dikurniakan Allah itu dengan pengendalian yang baik, lalu Allah merampaskan kembali kemewahan dan kemakmuran, hidup mereka dengan melepaskan banjir yang dahsyat yang menghanyutkan batu batan yang ada di tengah jalannya lalu memecahkan empangan mereka dan menyebabkan banjir besar yang mengaramkan negeri itu. Setelah itu tidak ada lagi air yang dapat disimpan mereka kerana semuanya menjadi kering. Kebun-kebun mereka yang luas bertukar menjadi padang belantara yang ditumbuhi pokok-pokok yang liar dan kasar:

وَبَدَّلْنَٰهُم بِجَنَّتَيْهِمْ جَنَّتَيْنِ ذَوَاتَىْ أُكُلٍ خَمْطٍ وَأَثْلٍ
وَشَىْءٍ مِّن سِدْرٍ قَلِيلٍ ﴿١٦﴾

"Dan kami tukarkan dua kebun mereka (yang subur) itu dengan dua kebun yang ditumbuhi pokok-pokok Khamt dan pokok-pokok Athl serta sedikit pokok-pokok bidara."(16)

Pokok Khamt (خمط) ialah pokok Araak (أراك) atau pokok-pokok yang berduri, pokok Athl (أثل) ialah pokok tamarisk (sejenis pokok berduri halus), dan pokok-pokok bidara itulah sahaja pokok yang terbaik yang boleh didapati mereka tetapi jumlahnya sangat sedikit.

ذَٰلِكَ جَزَيْنَٰهُم بِمَا كَفَرُوا۟ ۖ

"Demikianlah Kami membalas mereka dengan sebab kekufuran mereka." (17)

Menurut pendapat yang lebih rajih yang dimaksudkan dengan kekufuran disini ialah kekufuran ni'mat.

وَهَلْ نُجَٰزِىٓ إِلَّا ٱلْكَفُورَ ﴿١٧﴾

"Dan kami tidak menimpakan balasan 'azab melainkan terhadap orang yang amat kufur."(17)

Sehingga di waktu ini kaum Saba' masih lagi tinggal di kampung-kampung dan di rumah-rumah mereka. Walaupun Allah telah menyempitkan rezeki mereka dan menukarkan kemakmuran dan kesenangan hidup mereka dengan kesusahan, namun Allah tidak memecahbelahkan mereka hingga berselerakan, dan kegiatan hidup bertamadun di sana masih bersambung dengan negeri-negeri yang diberkati Allah, iaitu negeri Makkah di Semenanjung Tanah Arab dan Baitul-Maqdis di Syam. Negeri Yaman di waktu itu masih makmur di utara negeri Saba' dan mempunyai perhubungan dengan negeri-negeri yang diberkati Allah, dan jalan-jalan di antara kedua-dua buah negeri itu juga masih baik dan aman:

وَجَعَلْنَا بَيْنَهُمْ وَبَيْنَ ٱلْقُرَى ٱلَّتِى بَٰرَكْنَا فِيهَا قُرًى
ظَٰهِرَةً وَقَدَّرْنَا فِيهَا ٱلسَّيْرَ ۖ سِيرُوا۟ فِيهَا لَيَالِىَ وَأَيَّامًا

"Dan kami jadikan di antara (negeri) mereka dengan negeri-negeri yang Kami berkati itu beberapa negeri berdekatan yang kelihatan jelas dan Kami tentukan jarak perjalanan yang selesa di antaranya, (Kami berfirman): Berjalanlah kamu di negeri-negeri itu malam dan siang dengan aman sentosa."(18)

Menurut cerita, orang-orang musafir di waktu itu keluar dari satu negeri dan masuk ke satu negeri yang lain sebelum hari menjadi gelap. Jarak perjalanan ke negeri-negeri itu sangat dekat dan perjalanan juga aman kepada para musafir. Kerehatan dan keselesaan juga cukup kepada mereka kerana adanya rumah-rumah dan tempat-tempat perhentian yang berdekatan di tengah jalan.

Kini negeri Saba' dilanda kecelakaan hidup, tetapi mereka tidak mengambil pengajaran dari peristiwa amaran yang pertama itu. Peristiwa itu tidak menggerakkan mereka memohon kepada Allah agar Dia kembalikan semula kemakmuran hidup yang telah hilang itu, malah mereka memohon kepada Allah dengan permohonan yang bodoh:

فَقَالُوا۟ رَبَّنَا بَٰعِدْ بَيْنَ أَسْفَارِنَا

"Kemudian mereka berkata: Wahai Tuhan kami! Jauhkan jarak perjalanan-perjalanan kami."(19)

Mereka meminta perjalanan-perjalanan yang jauh yang hanya dilakukan beberapa kali sahaja di dalam setahun bukannya perjalanan-perjalanan yang dekat yang bersambung-sambung rumah kediaman kerana perjalanan-perjalanan yang seperti ini tidak memuaskan selera persafiran mereka. Ini adalah terbit dari hati mereka yang sombong yang menganiayai diri sendiri.

وَظَلَمُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ

"Dan mereka telah menzalimi diri sendiri."(19)

Lalu Allah perkenankan permohonan mereka yang sombong itu:

فَجَعَلْنَٰهُمْ أَحَادِيثَ وَمَزَّقْنَٰهُمْ كُلَّ مُمَزَّقٍ ۚ

"Lalu kami jadikan (peristiwa kebinasaan) mereka buah mulut orang ramai dan kami pecahbelahkan mereka bertaburan (di merata negeri)."(19)

Mereka telah dipecahbelahkan berselerakan di seluruh pelusuk Semenanjung Tanah Arab. Mereka menjadi buah mulut dan bahan kisah yang diceritakan di sana sini, sedangkan dahulunya mereka merupakan satu umat yang mempunyai kedudukan di dunia ini.

إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّكُلِّ صَبَّارٍ شَكُورٍ ﴿١٩﴾

"Sesungguhnya kisah mereka itu menjadi pengajaran-pengajaran kepada setiap orang yang banyak bersabar dan bersyukur."(19)

Yakni banyak bersabar di masa menghadapi kesusahan dan banyak bersyukur di masa mendapat

kesenangan. Di dalam kisah kaum Saba' terdapat banyak pengajaran kepada orang-orang yang banyak bersabar dan orang-orang yang banyak bersyukur.

Ini satu fahaman tentang ayat ini dan di sana ada satu fahaman yang lain pula iaitu mungkin yang dimaksudkan dengan firman Allah:

وَجَعَلْنَا بَيْنَهُمْ وَبَيْنَ ٱلْقُرَى ٱلَّتِى بَٰرَكْنَا فِيهَا قُرًى ظَٰهِرَةً

"Dan kami jadikan di antara negeri-negeri dengan negeri-negeri mereka yang kami berkati itu beberapa negeri yang kuat."(18)

Yakni negeri-negeri yang berkuasa. Sementara kaum Saba' pula berubah menjadi kaum yang miskin yang hidup di padang belantara yang kering. Mereka terpaksa berpergian ke sana sini dan berpindah randah mencari padang-padang ragut dan tempat-tempat yang ada air. Mereka tidak sabar menghadapi kesusahan itu lalu mereka berdo'a: **"Wahai Tuhan kami! Jauhkan jarak perjalanan-perjalanan kami"** yakni kurangkanlah perjalanan kami ke sana ke mari kerana kami telah penat. Mereka tidak sertakan di dalam do'a itu dengan permohonan taubat kepada Allah supaya do'a mereka diperkenankan Allah. Mereka telah bersikap takabur dengan kesenangan hidup dan tidak sabar menghadapi kesusahan, lalu Allah membinasakan mereka dan memecah-belahkan mereka (berselerakan di merata negeri) dan tiada sesuatu yang tinggal melainkan hanya kesan-kesan dan cerita-cerita mereka sahaja. Dengan ini ulasan:

إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّكُلِّ صَبَّارٍ شَكُورٍ ﴿١٩﴾

"Sesungguhnya kisah mereka itu menjadi pengajaran-pengajaran kepada setiap orang yang banyak bersabar dan bersyukur"(19)

amatlah sesuai dengan sikap kaum Saba' yang kurang bersyukur kepada ni'mat Allah dan kurang bersabar menghadapi kesusahan. Ini adalah satu fahaman yang saya fikir sesuai dengan ayat ini. Allah sahaja Yang Maha Mengetahui maksudnya yang sebenar.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 20 - 21)

Pada akhir kisah kaum Saba' ayat berikut membawa kita keluar dari ruang lingkup kisah yang tertentu kisah ruang lingkup pentadbiran Ilahi yang umum, perencanaan-Nya yang syumul dan undang-undang-Nya yang am dan mendedahkan intisari hikmat dari seluruh kisah itu, termasuk taqdir dan tadbir Ilahi yang tersembunyi di sebaliknya.

Hikmat Ruang Godaan Yang Diberikan Kepada Iblis

وَلَقَدْ صَدَّقَ عَلَيْهِمْ إِبْلِيسُ ظَنَّهُۥ فَٱتَّبَعُوهُ إِلَّا فَرِيقًا مِّنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٢٠﴾

وَمَا كَانَ لَهُۥ عَلَيْهِم مِّن سُلْطَٰنٍ إِلَّا لِنَعْلَمَ مَن يُؤْمِنُ بِٱلْءَاخِرَةِ مِمَّنْ هُوَ مِنْهَا فِى شَكٍّ ۗ وَرَبُّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ حَفِيظٌ ﴿٢١﴾

"Dan sesungguhnya tepatlah sangkaan Iblis terhadap mereka, lalu mereka menurutnya kecuali segolongan dari orang-orang yang beriman (20). Dan sebenarnya Iblis tidak mempunyai sebarang kuasa di atas mereka melainkan supaya Kami dapat mengetahui (di alam kenyataan) siapa orang yang beriman kepada hari Akhirat dan orang yang ragu-ragu terhadapnya, dan Tuhanmu sentiasa mengawasi segala sesuatu."(21)

Kaum Saba' telah mengikuti jalan ini dan akhirnya membawa mereka kepada kebinasaan, kerana sangkaan Iblis terhadap mereka memang tepat iaitu dia mampu menyesatkan mereka dan dia pun bertindak menyesatkan mereka:

فَٱتَّبَعُوهُ إِلَّا فَرِيقًا مِّنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٢٠﴾

"Lalu mereka menurutnya kecuali segolongan kecil dari orang-orang yang beriman."(20)

Sebagaimana yang biasa berlaku di dalam kumpulan-kumpulan manusia, iaitu di sana tidak sunyi adanya segelintir golongan orang-orang yang beriman yang tidak dapat digoda dan disesatkan syaitan dan golongan inilah yang membuktikan adanya kebenaran yang kukuh yang dapat dikenali oleh sesiapa sahaja yang mencarinya. Kebenaran itu dapat ditemui dan dipegang oleh sesiapa sahaja yang berkehendak kepadanya walaupun di dalam suasana-suasana yang paling gelap, sedangkan Iblis tidak mempunyai kuasa di atas mereka. Dia tidak boleh memaksa dan menguasai mereka. Tujuan Allah membenarkan syaitan menggoda mereka ialah supaya orang yang percaya kepada kebenaran itu benar-benar ternyata berpegang teguh dengan kebenaran dan orang yang tidak berkehendak kepada kebenaran itu benar-benar ternyata menyeleweng darinya dan supaya benar-benar, ternyata di alam kenyataan: **"Orang yang beriman kepada hari Akhirat"** (من يؤمن بالأخرة).

Allah telah melindungkan mereka dari segala penyelewengan agar mereka dapat dibezakan dari:

"Orang yang ragu-ragu terhadapnya"(ممن هو منها في شك), iaitu orang yang terumbang-ambing atau orang yang menyahut seruan kesesatan tanpa dilindungi pengawasan Allah dan tanpa bercita-cita hidup di alam Akhirat.

Allah sememangnya mengetahui segala apa yang berlaku itu sebelum ianya berlaku, tetapi Allah S.W.T. mengenakan sesuatu balasan setelah perbuatan itu betul-betul berlaku di dalam dunia manusia.

Di dalam ruang yang terbuka luas ini, iaitu ruang perencanaan dan pentadbiran Ilahi yang mengendalikan segala urusan dan peristiwa, juga ruang godaan Iblis terhadap manusia yang tidak

mempunyai sebarang kuasa terhadap mereka selain dari godaannya agar melalui godaan Iblis itu segala akibat dan natijah yang tersembunyi di dalam ilmu Allah itu terdedah ke alam nyata .... di dalam ruang lingkup yang amat luas inilah kisah kaum Saba' itu mempunyai hubungan dengan kisah setiap kaum yang lain di setiap masyarakat dan tempat. Jadi ruang lingkup ayat ini amatlah luas. Ia tidak lagi terbatas setakat kisah kaum Saba' sahaja, malah ia merupakan sebuah pernyataan yang mencakup keadaan seluruh manusia. Oleh itu kisah kaum Saba' merupakan kisah kesesatan dan hidayat manusia dengan segala punca dan akibatnya.

وَرَبُّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ حَفِيظٌ ﴿٢١﴾

"Tuhanmu sentiasa mengawasi segala sesuatu."(21)

Oleh itu tiada sesuatu pun yang terluput dari ilmu-Nya dan tiada sesuatu pun yang disia-sia dan diabaikan Allah.

* * * * * *

Demikianlah pusingan yang kedua dari surah ini diakhiri dengan memperkatakan tentang hari Akhirat dan tentang ilmu Allah dan pengawasan-Nya. Kedua-duanya merupakan pokok pembicaraan yang amat ditekankan di dalam surah ini.

(Kumpulan ayat-ayat 22 - 27)

قُلِ ادْعُوا الَّذِينَ زَعَمْتُم مِّن دُونِ اللَّهِ ۖ لَا يَمْلِكُونَ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ فِي السَّمَاوَاتِ وَلَا فِي الْأَرْضِ وَمَا لَهُمْ فِيهِمَا مِن شِرْكٍ وَمَا لَهُ مِنْهُم مِّن ظَهِيرٍ ﴿٢٢﴾

وَلَا تَنفَعُ الشَّفَاعَةُ عِندَهُ إِلَّا لِمَنْ أَذِنَ لَهُ ۚ حَتَّىٰ إِذَا فُزِّعَ عَن قُلُوبِهِمْ قَالُوا مَاذَا قَالَ رَبُّكُمْ ۖ قَالُوا الْحَقَّ ۖ وَهُوَ الْعَلِيُّ الْكَبِيرُ ﴿٢٣﴾

قُلْ مَن يَرْزُقُكُم مِّنَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ ۖ قُلِ اللَّهُ ۖ وَإِنَّا أَوْ إِيَّاكُمْ لَعَلَىٰ هُدًى أَوْ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿٢٤﴾

قُل لَّا تُسْأَلُونَ عَمَّا أَجْرَمْنَا وَلَا نُسْأَلُ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٢٥﴾

قُلْ يَجْمَعُ بَيْنَنَا رَبُّنَا ثُمَّ يَفْتَحُ بَيْنَنَا بِالْحَقِّ وَهُوَ الْفَتَّاحُ الْعَلِيمُ ﴿٢٦﴾

قُلْ أَرُونِيَ الَّذِينَ أَلْحَقْتُم بِهِ شُرَكَاءَ ۖ كَلَّا ۚ بَلْ هُوَ اللَّهُ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٢٧﴾

"Katakanlah (wahai Muhammad!): Serukanlah sembahan-sembahan yang kamu dakwa sebagai tuhan selain dari Allah. Mereka tidak memiliki seberat atom pun di langit dan tidak juga di bumi dan tidak mempunyai sebarang perkongsian (dengan Allah) dalam penciptaan langit dan bumi itu dan Allah tidak mendapat sebarang pertolongan dari mereka (22). Dan tidak berguna syafa'at di sisi Allah melainkan bagi orang yang telah diizinkan Allah. (Mereka semua menunggu dengan hati yang takut) sehingga apabila ketakutan itu telah dihilangkan dari hati mereka, barulah mereka bertanya: Apakah yang telah dititahkan Tuhan Kamu? Jawab mereka: Kebenaran. Dan Dia Maha Tinggi dan Maha Besar (23). Katakanlah: Siapakah yang memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi. Katakanlah: Allah. Dan sesungguhnya kami atau kamu (kaum Musyrikin) pasti berada di jalan hidayat atau berada di dalam kesesatan yang nyata (24). Katakanlah: Kamu tidak akan ditanya tentang dosa yang kami telah lakukan dan kami juga tidak akan ditanya tentang dosa yang kamu telah lakukan (25). Katakanlah: Tuhan kita akan mengumpulkan kita semua kemudian Dia, akan memberi keputusan di antara kita dengan keputusan yang benar. Dan Dialah Pemberi keputusan dan Yang Maha Mengetahui (26). Katakanlah: Tunjukkanlah kepada-Ku sembahan-sembahan yang kamu hubungkan dengan Allah sebagai sekutu-sekutu-Nya. Tidak sekali-kali begitu sebenarnya, Dialah Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(27)

Ini adalah satu pusingan yang pendek di sekitar persoalan syirik dan tauhid, tetapi pusingan ini membawa hati manusia menjelajah ke merata pelusuk alam al-wujud, iaitu alam nyata dan alam yang tersembunyi, alam yang tersergam di hadapan mata dan alam ghaib, alam bumi dan alam langit, alam dunia dan alam Akhirat. Ia membuat hati berdiri ketakutan dan seluruh urat sarafnya gementar. Ia membuat hati terpinga-pinga kerana terlalu hebat. Begitu juga penjelajahan ini membawa hati berdiri di hadapan persoalan-persoalan rezeki Allah dan di hadapan persoalan hisab dan balasan-Nya. Ia membawa hati ke dalam satu perhimpunan yang bercampuraduk dan ke dalam satu suasana menerima hukuman dan keputusan yang tegas yang memisah, membeza dan menyendiri.

Semuanya dijelaskan dengan nada-nada kenyataan yang kuat dan bertubi seolah-olah pukulan-pukulan tukul: "Katakanlah.... katakanlah.... katakanlah". Setiap perintah disertakan dengan hujah yang kuat, dengan dalil dan bukti yang jelas.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 22 – 23)

Cabaran Kepada Tuhan-tuhan Palsu

قُلِ ٱدۡعُواْ ٱلَّذِينَ زَعَمۡتُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ لَا يَمۡلِكُونَ مِثۡقَالَ ذَرَّةٖ فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَلَا فِي ٱلۡأَرۡضِ وَمَا لَهُمۡ فِيهِمَا مِن شِرۡكٖ وَمَا لَهُۥ مِنۡهُم مِّن ظَهِيرٖ ﴿٢٢﴾

"Katakanlah (wahai Muhammad!): Serukanlah sembahan-sembahan yang kamu dakwa sebagai tuhan selain dari Allah. Mereka tidak memiliki seberat atom pun di langit dan tidak juga di bumi dan tidak mempunyai sebarang perkongsian (dengan Allah) dalam penciptaan langit dan bumi itu dan Allah tidak mendapat sebarang pertolongan dari mereka."(22)

Itulah cabaran dalam ruang lingkup langit dan bumi secara menyeluruh.

قُلِ ٱدۡعُواْ ٱلَّذِينَ زَعَمۡتُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ

"Katakanlah (wahai Muhammad!): Serukanlah sembahan-sembahan yang kamu dakwa sebagai Tuhan selain dari Allah."(22)

Yakni serulah mereka. Biarlah mereka datang, biarlah mereka tampil ke muka, biarlah mereka berkata atau biarlah kamu sendiri berkata: Apakah sesuatu di langit dan di bumi sama ada kecil atau besar yang dimiliki oleh sembahan-sembahan kamu itu?

لَا يَمۡلِكُونَ مِثۡقَالَ ذَرَّةٖ فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَلَا فِي ٱلۡأَرۡضِ

"Mereka tidak memiliki seberat atom pun di langit dan tidak juga di bumi."(22)

Tidak ada alasan untuk mereka mendakwa memiliki sesuatu di langit atau di bumi, kerana pemilik sesuatu mempunyai kebebasan menggunakannya sesuka hatinya. Oleh itu apakah yang dimiliki oleh sembahan-sembahan yang didakwa mereka sebagai tuhan-tuhan selain dari Allah itu? Apakah sesuatu di alam yang lebar ini yang mereka dapat menggunakannya sebebas pemilik yang sebenar?

Mereka tidak memiliki sesuatu apa pun di langit dan di bumi walaupun seberat atom sama ada secara perseorangan atau secara perkongsian:

وَمَا لَهُمۡ فِيهِمَا مِن شِرۡكٖ

"Dan tidak mempunyai sebarang perkongsian (dengan Allah) dalam penciptaan langit dan bumi" (22)

Allah S.W.T. tidak pernah meminta pertolongan dari mereka di dalam apa urusan sekalipun kerana Allah tidak memerlukan sebarang pembantu dan penolong:

وَمَا لَهُۥ مِنۡهُم مِّن ظَهِيرٖ ﴿٢٢﴾

"Allah tidak mendapat sebarang pertolongan dari mereka."(22)

Yang nampak jelas, ayat yang berikut adalah memberi isyarat kepada sekutu-sekutu istimewa yang didakwa mereka sebagai Tuhan, iaitu para malaikat yang didakwa oleh orang-orang Arab selaku "puteri-puteri Allah". Mereka juga mendakwa bahawa malaikat-malaikat itu dapat memberi syafa'at kepada mereka di sisi Allah. Barangkali mereka inilah yang berkata:

مَا نَعۡبُدُهُمۡ إِلَّا لِيُقَرِّبُونَآ إِلَى ٱللَّهِ زُلۡفَىٰٓ

"Kami tidak menyembah mereka melainkan supaya mereka mendampingkan kami lebih dekat kepada Allah."

(Surah az-Zumar: 3)

Oleh sebab itu ayat yang berikut menafikan bahawa mereka dapat memberi syafa'at kepada mereka di dalam satu pemandangan yang amat mencemaskan di hadapan Allah Yang Maha Mulia:

Tiada Syafa'at Tanpa Keizinan Allah

وَلَا تَنفَعُ ٱلشَّفَٰعَةُ عِندَهُۥٓ إِلَّا لِمَنۡ أَذِنَ لَهُۥۚ

"Dan tidak berguna syafa'at disisi Allah melainkan bagi orang yang telah diizinkan Allah."(23)

Syafa'at itu bergantung kepada keizinan Allah, sedangkan Allah tidak mengizinkan syafa'at itu kepada yang lain dari orang-orang yang beriman yang wajar menerima rahmat Allah. Adapun orang-orang Musyrikin, mereka sama sekali tidak layak dikurniakan keizinan untuk mendapat syafa'at sama ada melalui para malaikat atau yang lain dari mereka, iaitu dari orang-orang yang diizinkan Allah dari awal lagi untuk memberi syafa'at.

Kemudian ayat berikut menggambarkan pemandangan pengurniaan keizinan syafa'at iaitu satu pemandangan yang amat mencemaskan:

حَتَّىٰٓ إِذَا فُزِّعَ عَن قُلُوبِهِمۡ قَالُواْ مَاذَا قَالَ رَبُّكُمۡۖ قَالُواْ ٱلۡحَقَّۖ وَهُوَ ٱلۡعَلِيُّ ٱلۡكَبِيرُ ﴿٢٣﴾

"(Mereka semua menunggu dengan hati yang takut) sehingga apabila ketakutan itu telah dihilangkan dari hati mereka, barulah mereka bertanya: Apakah yang telah dititahkan Tuhan Kamu? Jawab mereka: Kebenaran. Dan Dia Maha Tinggi dan Maha Besar."(23)

Itulah pemandangan pada hari yang amat mencemaskan iaitu hari manusia berdiri, di mana orang-orang yang hendak memberi syafa'at dan orang-orang yang hendak disyafa'atkan itu menunggu pengurniaan keizinan dari Allah Yang Maha Mulia kepada mereka yang layak menerima makam syafa'at itu. Mereka menunggu lama dengan hati penuh harapan. Muka-muka mereka khudhu' hina. Suara-suara mereka membongkam dan hati mereka khusyu' menanti sa'at keizinan dari Allah yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan.

Kemudian titah Ilahi yang memberi keizinan itu dikeluarkan dan seluruh mereka yang hendak

memberi syafa'at dan mereka yang hendak disyafa'atkan itu kembali merasa cemas dan fikiran mereka menjadi binggung tidak mengerti apa-apa lagi:

حَتَّىٰٓ إِذَا فُزِّعَ عَن قُلُوبِهِمۡ

"Sehingga apabila ketakutan itu telah dihilangkan dari hati mereka"(23)

yakni apabila rasa cemas dan takut yang melanggar mereka itu hilang dan mereka kembali siuman:

قَالُواْ مَاذَا قَالَ رَبُّكُمۡۖ

"Barulah mereka bertanya: Apakah yang telah dititahkan Tuhan kamu?"(23)

Yakni mereka bertanya satu sama lain dan mungkin ada di antara mereka orang-orang yang bersikap tenang dan memahami (apa yang sedang berlaku), lalu mereka pun menjawab Allah menitahkan "Kebenaran". Mungkin yang memberi jawapan dengan sepatah kata yang ringkas dan padat ini ialah Malaikat Muqarrabun. Mereka menjawab: "Kebenaran" yakni Tuhan kamu menitahkan kebenaran yang kulli, kebenaran yang azali, kebenaran yang ladunni. Seluruh firman-Nya adalah kebenaran:

"Dan Dia Maha Tinggi dan Maha Besar."(23)

Jawapan yang ringkas ini membayangkan suasana cemas, di mana tidak ada percakapan melainkan hanya sepatah kata sahaja. Itulah suasana masa syafa'at yang amat ditakuti. Lihatlah bagaimana para malaikat berdiri cemas di hadapan Allah. Oleh itu selepas melihat pemandangan ini, adakah sesiapa lagi yang sanggup mendakwa bahawa malaikat-malaikat itu adalah sekutu-sekutu Allah yang akan memberi syafa'at kepada mereka yang syirik kepada Allah?

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 24)

Itulah nada kenyataan pertama di dalam pemandangan yang khusyu', cemas, takut dan sulit itu, kemudian diiringi pula dengan nada kenyataan yang kedua tentang rezeki yang dini'mati mereka, sedangkan mereka lupa kepada sumbernya yang menunjukkan kepada ke Esaan Allah yang mencipta dan memberi rezeki, Dialah yang melapang dan menyempitkan pengurniaan rezeki itu dan Dia tidak mempunyai sebarang sekutu.

قُلۡ مَن يَرۡزُقُكُم مِّنَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۖ قُلِ ٱللَّهُۖ وَإِنَّآ أَوۡ إِيَّاكُمۡ لَعَلَىٰ هُدًى أَوۡ فِي ضَلَٰلٖ مُّبِينٖ ٢٤

"Katakanlah: Siapakah yang memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi. Katakanlah: Allah Dan sesungguhnya kami atau kamu (kaum Musyrikin) pasti berada di jalan hidayat atau berada di dalam kesesatan yang nyata."(24)

Sumber Rezeki

Persoalan rezeki merupakan satu persoalan yang berlaku di dalam kehidupan mereka. Rezeki dari langit terdiri dari air hujan, kepanasan, cuaca dan sinar matahari itulah rezeki-rezeki langit yang diketahui oleh manusia yang menerima ayat ini di zaman itu. Di sana terdapat berbagai-bagai jenis rezeki yang lain lagi dari langit yang diketahui dari satu masa ke satu masa. Rezeki dari bumi pula terdiri dari tumbuh-tumbuhan, haiwan, matair-matair, minyak-minyak, logam-logam, berbagai-bagai perbendaharaan di dalam bumi dan sebagainya dari rezeki yang diketahui oleh manusia di zaman dahulu, dan di samping itu ada lagi rezeki-rezeki lain yang ditemui di sepanjang zaman.

قُلۡ مَن يَرۡزُقُكُم مِّنَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۖ

"Katakanlah: Siapakah yang memberi kepada kamu dari langit dan bumi?"(24)

"Katakanlah: Allah."(24)

Mereka tidak terdaya mempertikaikan hakikat ini dan mendakwa Tuhan yang lain dari Allah.

Katakanlah: "Allah". Kemudian serahkan segala urusan mereka dan urusan engkau kepada Allah, kerana salah satu dari kamu berdua pasti mendapat hidayat dan yang satu lagi pasti sesat. Tidak mungkin kedua-dua kamu berada di satu jalan belaka. Sama ada jalan hidayat atau jalan sesat:

وَإِنَّآ أَوۡ إِيَّاكُمۡ لَعَلَىٰ هُدًى أَوۡ فِي ضَلَٰلٖ مُّبِينٖ ٢٤

"Sesungguhnya kami atau kamu (kaum Musyrikin) pasti berada di jalan hidayat atau berada di dalam kesesatan yang nyata."(24)

Cara Perdebatan Yang Sopan Dan Berkesan

Inilah kemuncak kesaksamaan, keadilan dan adab sopan yang halus di dalam perdebatan. Rasulullah s.a.w. disuruh menyatakan kepada kaum Musyrikin bahawa salah satu dari kita pasti berada di jalan hidayat dan yang satu lagi pasti sesat tanpa menentukan siapakah pihak yang mendapat hidayat dan siapakah pihak yang sesat dengan tujuan meransangkan mereka berfikir dengan tenang tanpa dipengaruhi perasaan angkuh kerana berbuat dosa dan keinginan berbahas dan berbantah, kerana beliau adalah seorang pemimpin dan guru yang mahu memimpin mereka bukannya untuk menghina dan menewaskan mereka semata-mata?

Perdebatan yang dilakukan dengan cara yang sopan dan meransangkan keinsafan seperti ini lebih

menyentuh hati orang-orang yang angkuh, degil dan orang-orang yang berbangga dengan pangkat kebesaran serta sombong untuk mengaku dan menyerah kalah. Cara ini lebih meransangkan mereka berfikir dengan tenang dan mendalam. Ini adalah satu contoh adab cara berdebat yang sayugia direnungkan oleh para penda'wah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 25)

Konsep Tanggungjawab Peribadi

Di antara cara perdebatan yang halus ini lagi ialah nada kenyataan yang ketiga berikut yang membawa setiap hati berdepan dengan persoalan amalan dan tanggungjawab masing-masing.

"Katakanlah: Kamu tidak akan ditanya tentang dosa yang kami telah lakukan dan kami juga tidak akan ditanya tentang dosa yang kamu telah lakukan."(25)

Kenyataan ini mungkin ditujukan untuk menjawab tuduhan kaum Musyrikin bahawa Rasulullah s.a.w. dan para pengikutnya adalah golongan yang salah dan berdosa. Mereka telah menggelarkan kaum Muslimin sebagai golongan yang keluar dari agama nenek moyang mereka. Ini samalah dengan golongan pengikut kebatilan yang menuduh golongan pengikut kebenaran sebagai golongan yang sesat dengan angkuh dan tanpa segan silu!

"Katakanlah: Kamu tidak akan ditanya tentang dosa yang kami telah lakukan dan kami juga tidak akan ditanya tentang dosa yang kamu telah lakukan."(25)

Yakni setiap orang dengan amalan, tanggungjawab dan balasan masing-masing. Setiap orang pastilah memikirkan tentang dirinya sama ada dia membawa dirinya ke jalan keberuntungan atau ke jalan kebinasaan.

Dengan sentuhan ini Al-Qur'an menggerakkan mereka supaya berfikir dengan penuh teliti dan insaf, Inilah langkah pertama untuk melihat kebenaran dan mendapat keyakinan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 26)

Kemudian dikemukakan nada kenyataan yang keempat:

"Katakanlah: Tuhan kita akan mengumpulkan kita semua kemudian Dia akan memberi keputusan di antara kita dengan keputusan yang benar. Dan Dialah Pemberi keputusan dan Yang Maha Mengetahui."(26)

Pertarungan Di Antara Kebenaran Dan Kebatilan

Mula-mula Allah mempertemukan pengikut kebenaran dengan pengikut kebatilan supaya kedua-duanya bersemuka dan supaya pengikut kebenaran menyeru kepada agama mereka yang benar dan menangani da'wah itu dengan sebaik-baiknya. Pada mulanya suasana pertarungan itu bercelaru, di mana kebenaran bergelut dengan kebatilan. Kadang-kadang kekeliruan-kekeliruan menghalangi dalil-dalil yang benar dan kadang-kadang kebatilan menewaskan kebenaran untuk beberapa waktu ... kemudian akhirnya Allah membuat keputusan yang benar, tegas dan mu'tamad di antara dua golongan itu.

"Dialah Pemberi keputusan dan Yang Maha Mengetahui."(26)

Dialah yang memutus dan menghukum dengan ilmu pengetahuan-Nya yang amat mendalam di antara pejuang-pejuang kebenaran dan pejuang-pejuang kebatilan itu.

Itulah keyakinan menunggu hukuman dan keputusan Allah, kerana Allah tetap memberi hukuman dan keputusan-Nya serta menerangkan kebenaran. Allah tidak akan membiarkan perkara ini bercampuraduk dan bercelaru melainkan untuk beberapa waktunya sahaja. Allah tidak akan mengumpulkan di antara pejuang-pejuang kebenaran dengan pejuang-pejuang kebatilan melainkan untuk beberapa waktu sahaja untuk memberi peluang kepada pejuang-pejuang kebenaran berda'wah dengan mengorbankan segala daya upaya dan mencuba segala jalan dan ikhtiar mereka, kemudian barulah Allah bertindak memberi keputusan-Nya yang mu'tamad.

Hanya Allah S.W.T. sahaja yang mengetahui dan menentukan bilakah keputusan yang mu'tamad itu akan diumumkan. Tiada siapa pun yang boleh menentukan waktunya dan boleh meminta supaya disegerakannya. Allah yang mengumpul dan Allahlah juga yang memberi keputusan:

"Dialah Pemberi keputusan dan Yang Maha Mengetahui."(26)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 27)

Kemudian akhirnya tibalah nada kenyataan akhir yang serupa dengan nada kenyataan yang pertama mengenai orang-orang Musyrikin yang telah membuat dakwaan-dakwaan yang bohong:

Cabaran Menampilkan Sekutu-sekutu

قُلْ أَرُونِيَ ٱلَّذِينَ أَلْحَقْتُم بِهِۦ شُرَكَآءَ ۖ كَلَّا ۚ بَلْ هُوَ ٱللَّهُ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٢٧﴾

"Katakanlah: Tunjukkanlah kepada-Ku sembahan-sembahan yang kamu hubungkan dengan Allah sebagai sekutu-sekutu-Nya. Tidak sekali-kali begitu, sebenarnya Dialah Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(27)

Pertanyaan di dalam ayat ini ialah pertanyaan untuk mengecam dan mengejek:

أَرُونِيَ ٱلَّذِينَ أَلْحَقْتُم بِهِۦ شُرَكَآءَ

"Tunjukkanlah kepada-Ku sembahan-sembahan yang kamu hubungkan dengan Allah sebagai sekutu-sekutunya."(27)

Yakni perlihatkanlah sembahan-sembahan kamu itu kepada-Ku, siapa mereka? Apakah mereka? Apakah nilai mereka dan bagaimana sifat-sifat mereka? Bagaimana kedudukan mereka? Dan dengan alasan apakah mereka berhak didakwa oleh kamu sebagai tuhan-tuhan? Semuanya membayangkan kecaman dan penghinaan.

Kemudian dakwaan mereka dinafikan dengan cara yang mencubit hati mereka:

كَلَّا ۚ

"Tidak sekali-kali begitu"(27)

mereka bukannya sekutu-sekutu Allah kerana Allah Maha Suci dari sebarang sekutu:

كَلَّا ۚ بَلْ هُوَ ٱللَّهُ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٢٧﴾

"Sebenarnya Dialah Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Mengetahui." (27)

Allah yang mempunyai sifat-sifat yang seperti ini tidak mungkin sekali-kali sembahan-sembahan itu menjadi sekutu-sekutu-Nya dan tidak mungkin ada sebarang sekutu.

* * * * * *

Dengan ini berakhirlah pusingan yang pendek itu dan berakhirlah nada kenyataan-kenyataan yang keras yang menjelajah alam buana yang amat luas, meninjau suasana waktu syafa'at yang amat mencemaskan, melihat pertarungan di antara kebenaran dan melihat kebatilan yang sengit dan lubuk-lubuk hati dan liku-likunya yang dalam.

(Kumpulan ayat-ayat 28 - 42)

وَمَآ أَرْسَلْنَٰكَ إِلَّا كَآفَّةً لِّلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٢٨﴾

وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَٰذَا ٱلْوَعْدُ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٢٩﴾

قُل لَّكُم مِّيعَادُ يَوْمٍ لَّا تَسْتَـْٔخِرُونَ عَنْهُ سَاعَةً وَلَا تَسْتَقْدِمُونَ ﴿٣٠﴾

وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَن نُّؤْمِنَ بِهَٰذَا ٱلْقُرْءَانِ وَلَا بِٱلَّذِى بَيْنَ يَدَيْهِ ۗ وَلَوْ تَرَىٰٓ إِذِ ٱلظَّٰلِمُونَ مَوْقُوفُونَ عِندَ رَبِّهِمْ يَرْجِعُ بَعْضُهُمْ إِلَىٰ بَعْضٍ ٱلْقَوْلَ يَقُولُ ٱلَّذِينَ ٱسْتُضْعِفُوا۟ لِلَّذِينَ ٱسْتَكْبَرُوا۟ لَوْلَآ أَنتُمْ لَكُنَّا مُؤْمِنِينَ ﴿٣١﴾

قَالَ ٱلَّذِينَ ٱسْتَكْبَرُوا۟ لِلَّذِينَ ٱسْتُضْعِفُوٓا۟ أَنَحْنُ صَدَدْنَٰكُمْ عَنِ ٱلْهُدَىٰ بَعْدَ إِذْ جَآءَكُم ۖ بَلْ كُنتُم مُّجْرِمِينَ ﴿٣٢﴾

وَقَالَ ٱلَّذِينَ ٱسْتُضْعِفُوا۟ لِلَّذِينَ ٱسْتَكْبَرُوا۟ بَلْ مَكْرُ ٱلَّيْلِ وَٱلنَّهَارِ إِذْ تَأْمُرُونَنَآ أَن نَّكْفُرَ بِٱللَّهِ وَنَجْعَلَ لَهُۥٓ أَندَادًا ۚ وَأَسَرُّوا۟ ٱلنَّدَامَةَ لَمَّا رَأَوُا۟ ٱلْعَذَابَ ۚ وَجَعَلْنَا ٱلْأَغْلَٰلَ فِىٓ أَعْنَاقِ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ ۚ هَلْ يُجْزَوْنَ إِلَّا مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٣٣﴾

وَمَآ أَرْسَلْنَا فِى قَرْيَةٍ مِّن نَّذِيرٍ إِلَّا قَالَ مُتْرَفُوهَآ إِنَّا بِمَآ أُرْسِلْتُم بِهِۦ كَٰفِرُونَ ﴿٣٤﴾

وَقَالُوا۟ نَحْنُ أَكْثَرُ أَمْوَٰلًا وَأَوْلَٰدًا وَمَا نَحْنُ بِمُعَذَّبِينَ ﴿٣٥﴾

قُلْ إِنَّ رَبِّى يَبْسُطُ ٱلرِّزْقَ لِمَن يَشَآءُ وَيَقْدِرُ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٦﴾

وَمَآ أَمْوَٰلُكُمْ وَلَآ أَوْلَٰدُكُم بِٱلَّتِى تُقَرِّبُكُمْ عِندَنَا زُلْفَىٰٓ إِلَّا مَنْ ءَامَنَ وَعَمِلَ صَٰلِحًا فَأُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمْ جَزَآءُ

ٱلضِّعْفِ بِمَا عَمِلُوا۟ وَهُمْ فِى ٱلْغُرُفَٰتِ ءَامِنُونَ ﴿٣٧﴾
وَٱلَّذِينَ يَسْعَوْنَ فِىٓ ءَايَٰتِنَا مُعَٰجِزِينَ أُو۟لَٰٓئِكَ فِى
ٱلْعَذَابِ مُحْضَرُونَ ﴿٣٨﴾
قُلْ إِنَّ رَبِّى يَبْسُطُ ٱلرِّزْقَ لِمَن يَشَآءُ مِنْ عِبَادِهِۦ
وَيَقْدِرُ لَهُۥ ۚ وَمَآ أَنفَقْتُم مِّن شَىْءٍ فَهُوَ يُخْلِفُهُۥ ۖ وَهُوَ
خَيْرُ ٱلرَّٰزِقِينَ ﴿٣٩﴾
وَيَوْمَ يَحْشُرُهُمْ جَمِيعًا ثُمَّ يَقُولُ لِلْمَلَٰٓئِكَةِ أَهَٰٓؤُلَآءِ
إِيَّاكُمْ كَانُوا۟ يَعْبُدُونَ ﴿٤٠﴾
قَالُوا۟ سُبْحَٰنَكَ أَنتَ وَلِيُّنَا مِن دُونِهِم ۖ بَلْ كَانُوا۟
يَعْبُدُونَ ٱلْجِنَّ ۖ أَكْثَرُهُم بِهِم مُّؤْمِنُونَ ﴿٤١﴾
فَٱلْيَوْمَ لَا يَمْلِكُ بَعْضُكُمْ لِبَعْضٍ نَّفْعًا وَلَا ضَرًّا وَنَقُولُ
لِلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ ذُوقُوا۟ عَذَابَ ٱلنَّارِ ٱلَّتِى كُنتُم بِهَا
تُكَذِّبُونَ ﴿٤٢﴾

"Dan Kami tidak mengutuskan engkau melainkan untuk umat manusia seluruhnya sebagai penyampai berita gembira dan penyampai amaran, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (28). Dan mereka berkata: Bilakah hari yang dijanjikan ini, jika kamu benar? (29) Katakanlah: Satu hari telah dijanjikan untuk kamu yang tidak dapat kamu meminta supaya diperlewatkannya barang sesa'at pun dan tidak pula dapat kamu meminta supaya disegerakannya (30). Dan orang-orang kafir berkata: Kami tidak akan beriman kepada Al-Qur'an ini dan tidak pula kepada kitab yang terdahulu darinya dan (alangkah dahsyatnya) sekiranya engkau melihat ketika orang-orang yang zalim itu dibawa berdiri di hadapan Tuhan mereka (untuk dihisab) lalu mereka memulangkan tuduhan terhadap satu sama lain. Pengikut-pengikut yang lemah berkata kepada ketua-ketua yang sombong: Kalaulah tidak kerana kamu, tentulah kami telah menjadi orang-orang yang beriman (31). Ketua-ketua yang sombong pula berkata kepada pengikut-pengikut yang lemah: Adakah kami yang menghalangkan kamu dari hidayat setelah ia datang kepada kamu? Bahkan sebenarnya kamulah sendiri yang menjadi orang-orang yang berdosa (32). Dan berkata pula pengikut-pengikut yang lemah kepada ketua-ketua yang sombong: Tidak, bahkan sebenarnya tipu daya (kamu) malam dan siang (inilah yang menghalangkan kami dari beriman) ketika itu kamu menyuruh supaya kami mengingkarkan Allah dan mengadakan sekutu-sekutu bagi-Nya, mereka (masing-masing) memendamkan perasaan menyesal apabila mereka melihat 'azab seksa dan Kami pasangkan belenggu-belenggu pada leher orang-orang yang kafir itu. Mereka tidak dibalas melainkan kerana dosa-dosa yang telah dilakukan mereka (33). Dan Kami tidak utuskan Rasul yang memberi amaran kepada sesebuah negeri melainkan golongan mewahnya yang berkata: Sesungguhnya kami tidak percaya kepada agama yang kamu diutuskan membawanya (34). Dan mereka berkata lagi: Kami mempunyai harta kekayaan dan anak-anak yang paling banyak dan kami tidak akan diseksakan (35). (Wahai Muhammad) katakanlah: Sesungguhnya Tuhankulah yang melapang dan menyempitkan rezeki kepada sesiapa yang dikehendakinya, tetapi kebanyakkan manusia tidak mengetahui (36). Dan tidaklah harta kekayaan kamu dan tidak juga anak pinak kamu yang dapat mendampingkan kamu lebih dekat kepada Kami kecuali mereka yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh, maka merekalah yang akan memperolehi balasan yang berganda-ganda dengan sebab amalan-amalan yang dilakukan mereka dan mereka kelak akan ditempatkan di dalam mahligai-mahligai yang tinggi (di Syurga) dengan aman sentosa. (37). Dan orang-orang yang berusaha menentang dan mencabar ayat-ayat Kami mereka akan dibawa ke dalam 'azab seksa (38). (Wahai Muhammad) katakanlah: Sesungguhnya Tuhankulah yang melapangkan rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dari para hamba-Nya dan Dialah juga yang menyempitkannya. Dan apa sahaja yang kamu dermakannya, maka Allah akan menggantikannya, dan Dialah sebaik-baik Pemberi rezeki (39). Dan (kenangilah) hari Qiamat, di mana Kami kumpulkan seluruh mereka kemudian Allah bertanya kepada malaikat-malaikat: Apakah orang-orang ini yang menyembah kamu dahulu?(40). Malaikat-malaikat menjawab: Maha Sucilah Engkau! Hanya engkaulah Pelindung Kami dan Kami berlepas diri dari mereka, malah sebenarnya mereka menyembah jin. Kebanyakan mereka adalah beriman kepada jin-jin itu (41). Pada hari ini kamu tidak berkuasa memberi apa-apa manfa'at dan mudarat terhadap satu sama lain dan Kami akan berkata kepada orang-orang yang zalim: Rasalah 'azab Neraka yang telah kamu dustakannya itu."(42)

Pusingan ini membicarakan sikap orang-orang kafir terhadap Al-Qur'an yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. dan sikap golongan mewah terhadap setiap risalah (yang dibawa oleh para rasul). Mereka tertipu dengan harta kekayaan, anak pinak dan segala keni'matan dunia yang ada di dalam tangan mereka. Mereka menganggapkan semuanya itu sebagai bukti bahawa Allah telah memilih dan mengutamakan mereka, juga menganggapkan bahawa harta kekayaan dan anak-anak pinak itu dapat mempertahankan mereka dari 'azab Allah di dunia dan di Akhirat. Oleh sebab itu Al-Qur'an menayangkan kepada mereka pemandangan mereka di negeri Akhirat seolah-olah benar-benar sedang berlaku supaya mereka dapat melihat sama ada harta benda dan anak pinak mereka itu berguna kepada mereka atau dapat menyelamatkan mereka pada hari itu. Di dalam pemandangan-pemandangan ini juga ternyata bahawa malaikat-malaikat dan jin-jin yang disembahkan mereka di dunia dan dipohon pertolongan itu tidak dapat berbuat apa-apa kepada mereka di negeri Akhirat. Di celah-celah perdebatan itu juga Al-Qur'an menerangkan hakikat nilai yang mempunyai timbangan yang berat di dalam neraca Allah dan dengan penerangan itu terbukalah tembelang nilai-nilai palsu yang dibangga-banggakan mereka dalam kehidupan dunia, dan jelaslah bahawa keluasan rezeki dan kesempitannya merupakan dua perkara yang berlaku mengikut kehendak iradat Allah bukannya dua perkara yang menjadi bukti keredhaan

atau kemurkaan, kehampiran atau kejauhan dari Allah, malah kedua-duanya merupakan ujian dan dugaan belaka.

(Pentafsiran ayat-ayat 28 - 30)

وَمَآ أَرۡسَلۡنَٰكَ إِلَّا كَآفَّةٗ لِّلنَّاسِ بَشِيرٗا وَنَذِيرٗا وَلَٰكِنَّ أَكۡثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعۡلَمُونَ ٢٨ وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَٰذَا ٱلۡوَعۡدُ إِن كُنتُمۡ صَٰدِقِينَ ٢٩ قُل لَّكُم مِّيعَادُ يَوۡمٖ لَّا تَسۡتَـٔۡخِرُونَ عَنۡهُ سَاعَةٗ وَلَا تَسۡتَقۡدِمُونَ ٣٠

"Dan Kami tidak mengutuskan engkau melainkan untuk umat manusia seluruhnya sebagai penyampai berita gembira dan penyampai amaran, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (28). Dan mereka berkata: Bilakah hari yang dijanjikan ini, jika kamu benar? (29) Katakanlah: Satu hari telah dijanjikan untuk kamu yang tidak dapat kamu meminta supaya diperlewatkannya barang sesa'at pun dan tidak pula dapat kamu meminta supaya disegerakannya."(30)

Penerangan ini dibuat selepas ayat-ayat yang silam, yang menerangkan tanggungjawab individu dan menyatakan bahawa tidak ada di antara pengikut-pengikut kebenaran dan pengikut-pengikut kebatilan itu melainkan hanya da'wah dan penerangan dan selepas itu urusan mereka adalah terserah kepada Allah.

Di sini Al-Qur'an menerangkan pula tugas Nabi s.a.w. dan kejahilan mereka terhadap hakikat tugas ini, juga menerangkan tentang permintaan mereka supaya disegerakan janji-janji dan balasan-balasan 'azab yang diancamkan Allah itu. Dalam hubungan ini Al-Qur'an menjelaskan bahawa janji dan balasan itu adalah terserah kepada waktunya yang telah ditetapkan di dalam ilmu Allah yang mengetahui segala yang ghaib:

وَمَآ أَرۡسَلۡنَٰكَ إِلَّا كَآفَّةٗ لِّلنَّاسِ بَشِيرٗا وَنَذِيرٗا وَلَٰكِنَّ أَكۡثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعۡلَمُونَ ٢٨

"Dan Kami tidak mengutuskan engkau melainkan untuk umat manusia seluruhnya sebagai penyampai berita gembira dan penyampai amaran, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui."(28)

Inilah batas-batas kerasulan yang mencakup umat manusia seluruhnya. Tugas Rasul ialah menyampaikan berita gembira dan memberi amaran. Hanya setakat inilah sahaja tugas seorang rasul. Adapun urusan melaksanakan penyampaian berita gembira dan amaran itu adalah terserah kepada Allah:

وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَٰذَا ٱلۡوَعۡدُ إِن كُنتُمۡ صَٰدِقِينَ ٢٩

"Tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (28). Dan mereka berkata: Bilakah hari yang dijanjikan ini, jika kamu benar?"(29)

Pertanyaan ini menunjukkan kejahilan mereka terhadap tugas seorang rasul dan terhadap batas-batas kerasulan. Al-Qur'an amat menekan berat terhadap kesucian 'aqidah tauhid. Muhammad itu hanya seorang rasul yang mempunyai tugas yang terbatas. Dia hanya berdiri digaris sempadan tugasnya sahaja dan tidak pernah melampauinya, kerana tuan punya urusan agama ini ialah Allah. Dialah yang telah mengutuskannya dan menetapkan garis-garis tugasnya. Oleh itu bukanlah menjadi sebahagian dari tugasnya mengendalikan pelaksanaan janji-janji itu, malah beliau sendiri tidak mengetahui (bilakah waktunya). Semuanya terpulang kepada Tuhannya. Beliau mengetahui sempadan-sempadan tugasnya. Oleh itu tidaklah wajar beliau ditanya tentang perkara-perkara yang tidak diberi tahu dan diserahkan kepadanya oleh Allah. Dalam perkara ini Allah telah menugaskan beliau supaya menyampaikan jawapan yang tertentu kepada mereka dan beliau telah pun melaksanakannya:

قُل لَّكُم مِّيعَادُ يَوۡمٖ لَّا تَسۡتَـٔۡخِرُونَ عَنۡهُ سَاعَةٗ وَلَا تَسۡتَقۡدِمُونَ ٣٠

"Katakanlah: Satu hari telah dijanjikan untuk kamu yang tidak dapat, kamu meminta supaya diperlewatkannya barang sesa'at pun dan tidak pula dapat kamu meminta supaya disegerakannya."(30)

Setiap masa yang dijanjikan itu akan datang pada waktunya yang telah ditetapkan Allah. Ia tidak akan terlewat kerana keinginan seseorang dan tidak akan tercepat kerana harapan seseorang. Janji itu bukannya ditentukan secara mainan dan kebetulan kerana segala sesuatu itu diciptakan Allah dengan perencanaan yang rapi dan segala urusan itu mempunyai hubungan dengan urusan yang lain. Perencanaan Allah telah mengaturkan segala peristiwa, masa dan ajal mengikut hikmat kebijaksanaan-Nya yang tersembunyi yang tidak dapat difahami oleh mana-mana hamba-Nya melainkan sekadar yang dibukakan Allah kepadanya.

Permintaan mereka supaya dipercepatkan janji-janji Allah menunjukkan mereka tidak memahami hakikat yang agung ini. Memanglah kebanyakan manusia itu tidak mengetahui. Inilah sebabnya yang mendorong mereka bertanya dan meminta supaya disegerakannya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 31 - 33)

وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَن نُّؤْمِنَ بِهَٰذَا ٱلْقُرْءَانِ
وَلَا بِٱلَّذِى بَيْنَ يَدَيْهِ ۗ

"Dan orang-orang kafir berkata: Kami tidak akan beriman kepada Al-Qur'an ini dan tidak pula kepada kitab yang terdahulu darinya."(31)

Itulah kedegilan dan keazaman mereka dari awal lagi untuk menolak hidayat dari segala sumbernya sama ada Al-Qur'an atau kitab-kitab suci yang terdahulu darinya yang membuktikan kebenaran Al-Qur'an. Mereka tidak bersedia untuk beriman dengan mana-mana sumber itu sama ada pada hari ini atau pada hari esok. Ini bererti mereka telah berazam teguh untuk tetap di atas kekafiran dan berazam terus untuk tidak memikirkan sebarang dalil-dalil hidayat biarpun apa sahaja. Itulah niat dan azam yang sengaja dipendamkan mereka:

Ketika inilah Al-Qur'an menayangkan pemandangan mereka pada hari Qiamat, di mana ditunjukkan balasan terhadap kedegilan mereka.

Dialog Sia-sia Di Antara Pemimpin Dan Pengikut

وَلَوْ تَرَىٰٓ إِذِ ٱلظَّٰلِمُونَ مَوْقُوفُونَ عِندَ رَبِّهِمْ
يَرْجِعُ بَعْضُهُمْ إِلَىٰ بَعْضٍ ٱلْقَوْلَ يَقُولُ ٱلَّذِينَ
ٱسْتُضْعِفُوا۟ لِلَّذِينَ ٱسْتَكْبَرُوا۟ لَوْلَآ أَنتُمْ لَكُنَّا
مُؤْمِنِينَ ﴿٣١﴾
قَالَ ٱلَّذِينَ ٱسْتَكْبَرُوا۟ لِلَّذِينَ ٱسْتُضْعِفُوٓا۟ أَنَحْنُ
صَدَدْنَٰكُمْ عَنِ ٱلْهُدَىٰ بَعْدَ إِذْ جَآءَكُم ۖ بَلْ كُنتُم
مُّجْرِمِينَ ﴿٣٢﴾
وَقَالَ ٱلَّذِينَ ٱسْتُضْعِفُوا۟ لِلَّذِينَ ٱسْتَكْبَرُوا۟ بَلْ
مَكْرُ ٱلَّيْلِ وَٱلنَّهَارِ إِذْ تَأْمُرُونَنَآ أَن نَّكْفُرَ بِٱللَّهِ
وَنَجْعَلَ لَهُۥٓ أَندَادًا ۚ وَأَسَرُّوا۟ ٱلنَّدَامَةَ لَمَّا رَأَوُا۟ ٱلْعَذَابَ
وَجَعَلْنَا ٱلْأَغْلَٰلَ فِىٓ أَعْنَاقِ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ ۚ هَلْ يُجْزَوْنَ
إِلَّا مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٣٣﴾

"Dan (alangkah dahsyatnya) sekiranya engkau melihat ketika orang-orang yang zalim itu dibawa berdiri di hadapan Tuhan mereka (untuk dihisab), lalu mereka memulangkan tuduhan terhadap satu sama lain. Pengikut-pengikut yang lemah berkata kepada ketua-ketua yang sombong: Kalaulah tidak kerana kamu, tentulah kami telah menjadi orang-orang yang beriman (31). Ketua-ketua yang sombong pula berkata kepada pengikut-pengikut yang lemah: Adakah kami yang menghalangkan kamu dari hidayat setelah ia datang kepada kamu? Bahkan sebenarnya kamulah sendiri yang menjadi orang-orang yang berdosa (32). Dan berkata pula pengikut-pengikut yang lemah kepada ketua-ketua yang sombong: Tidak, bahkan sebenarnya tipu daya (kamu) malam dan siang (inilah yang menghalangkan kami dari beriman) ketika itu kamu menyuruh supaya kami mengingkarkan Allah dan mengadakan sekutu-sekutu bagi-Nya, mereka (masing-masing) memendamkan perasaan menyesal apabila mereka melihat 'azab seksa dan lalu Kami pasangkan belenggu-belenggu pada leher orang-orang yang kafir itu. Mereka tidak dibalas melainkan kerana dosa-dosa yang telah dilakukan mereka."(33)

Di dunia mereka keluarkan perkataan:

لَن نُّؤْمِنَ بِهَٰذَا ٱلْقُرْءَانِ وَلَا بِٱلَّذِى بَيْنَ يَدَيْهِ ۗ

"Kami tidak akan beriman kepada Al-Qur'an ini dan tidak pula kepada kitab yang terdahulu darinya,"(31)

tetapi andainya engkau melihat mereka sedang dihadapkan Allah untuk menerima balasan, tentulah engkau akan melihat mereka berbantah-bantahan, mencela, menuduh dan melemparkan tanggungjawab terhadap satu sama lain:

يَرْجِعُ بَعْضُهُمْ إِلَىٰ بَعْضٍ ٱلْقَوْلَ

"Lalu mereka memulangkan tuduhan terhadap satu sama lain"(31)

apakah tuduhan yang saling dilontarkan mereka?

يَقُولُ ٱلَّذِينَ ٱسْتُضْعِفُوا۟ لِلَّذِينَ ٱسْتَكْبَرُوا۟ لَوْلَآ
أَنتُمْ لَكُنَّا مُؤْمِنِينَ ﴿٣١﴾

"Pengikut-pengikut yang lemah berkata kepada ketua-ketua yang sombong: Kalaulah tidak kerana, kamu, tentulah kami telah menjadi orang-orang yang beriman."(31)

Orang-orang yang lemah itu meletakkan tanggungjawab nasib mereka yang hina dina pada hari itu kepada ketua-ketua mereka yang sombong. Mereka melemparkan kata-kata ini dengan terus terang kepada mereka pada hari ini, sedangkan di dunia dahulu mereka tidak berani menghadapi mereka seperti ini, kerana dihalangi perasaan merasa hina, lemah dan menyerah kalah. Mereka telah menjual kemerdekaan dan mengorbankan maruah kehormatan, akal fikiran yang telah dikurniakan Allah kepada mereka, tetapi hari ini nilai-nilai palsu itu telah gugur dan mereka sedang menghadapi 'azab yang amat pedih dan kerana itu mereka dapat mengeluarkan kata-kata ini tanpa takut-takut lagi:

لَوْلَآ أَنتُمْ لَكُنَّا مُؤْمِنِينَ ﴿٣١﴾

"Kalaulah tidak kerana kamu, tentulah kami telah menjadi orang-orang yang beriman."(31)

Ketua-ketua yang sombong itu merasa bosan terhadap pengikut-pengikut mereka yang lemah itu, kerana mereka sama-sama berada di dalam

kesusahan, sedangkan pengikut-pengikut yang lemah itu mahu meletakkan ke atas mereka seluruh tanggungjawab hasutan yang membawa mereka kepada 'azab keseksaan ini, lalu mereka memberi jawapan yang kasar terhadap mereka:

قَالَ ٱلَّذِينَ ٱسْتَكْبَرُوا۟ لِلَّذِينَ ٱسْتُضْعِفُوٓا۟ أَنَحْنُ صَدَدْنَٰكُمْ عَنِ ٱلْهُدَىٰ بَعْدَ إِذْ جَآءَكُم ۖ بَلْ كُنتُم مُّجْرِمِينَ ﴿٣٢﴾

"Ketua-ketua yang sombong pula berkata kepada pengikut-pengikut yang lemah: Adakah kami yang menghalangkan kamu dari hidayat setelah ia datang kepada kamu? Bahkan sebenarnya kamulah sendiri yang menjadi orang-orang yang berdosa."(32)

Mereka melepaskan diri mereka dari tanggungjawab dan mengakui kebenaran hidayat, sedangkan di dunia dahulu mereka tidak pernah memberi apa-apa nilaian terhadap orang-orang yang lemah itu, tidak pernah mengambil buah fikiran mereka, tidak pernah mengakui kewujudan mereka dan tidak pernah menerima apa-apa bantahan dan, sangkalan dari mereka, tetapi hari ini ketika berdepan dengan 'azab, mereka menyoal mereka dengan penuh keingkaran:

أَنَحْنُ صَدَدْنَٰكُمْ عَنِ ٱلْهُدَىٰ بَعْدَ إِذْ جَآءَكُم ۖ بَلْ كُنتُم مُّجْرِمِينَ ﴿٣٢﴾

"Adakah kami yang menghalangkan kamu dari hidayat setelah ia datang kepada kamu? Bahkan sebenarnya kamulah sendiri yang menjadi orang-orang berdosa."(32)

Yakni kamu sendirilah yang bersalah kerana tidak menerima hidayat itu kerana kamu sebenarnya adalah orang-orang yang berdosa.

Semasa di dunia orang-orang yang lemah diam membongkam sahaja. Mereka tidak berani mengeluarkan sepatah kata pun, tetapi pada hari Akhirat ketika keagungan dan nilai-nilai palsu jatuh berguguran, ketika mata-mata yang tertutup terbuka dan hakikat-hakikat yang tersembunyi terdedah nyata, maka orang-orang yang lemah itu tidak lagi diam membongkam, malah mereka tampil berdepan dengan ketua-ketua yang sombong itu dan mendedahkan tipu daya mereka yang tidak pernah reda siang dan malam. Mereka menghalang mereka dari menerima hidayat, menegakkan kebatilan, mengelirukan kebenaran, menggalakkan kemungkaran dan menggunakan pengaruh dan kuasa mereka untuk menyesat dan menghasut:

وَقَالَ ٱلَّذِينَ ٱسْتُضْعِفُوا۟ لِلَّذِينَ ٱسْتَكْبَرُوا۟ بَلْ مَكْرُ ٱلَّيْلِ وَٱلنَّهَارِ إِذْ تَأْمُرُونَنَآ أَن نَّكْفُرَ بِٱللَّهِ وَنَجْعَلَ لَهُۥٓ أَندَادًا ۚ

"Dan berkata pula pengikut-pengikut yang lemah kepada ketua-ketua yang sombong: Tidak, bahkan sebenarnya tipu daya (kamu) malam dan siang (inilah yang menghalangkan kami dari beriman) ketika itu kamu menyuruh supaya kami kafir terhadap Allah dan mengadakan sekutu-sekutu bagi-Nya."(33)

Kemudian kedua-dua pihak itu sedar bahawa perdebatan yang malang itu tidak lagi berguna kepada mana-mana pihak. Ia tidak dapat menyelamatkan pihak yang sombong dan pihak yang lemah. Masing-masing mempunyai dosa dari kesalahannya yang tersendiri. Orang-orang yang sombong memikul dosa sendiri dan tanggungjawab kerana menyesatkan orang lain, sementara orang-orang yang lemah pula menanggung dosa sendiri dan bertanggungjawab kerana mengikut ketua-ketua mereka yang zalim itu. Mereka tidak dimaaf dengan alasan lemah, kerana Allah telah mengurniakan kepada mereka daya akal fikiran dan kemerdekaan, tetapi mereka tidak menggunakan daya akal fikiran itu dan mereka telah menjual kemerdekaan mereka. Mereka rela menjadi ekor-ekor orang lain dan mereka rela menjadi hina-dina. Oleh kerana itu mereka wajar menerima 'azab seksa. Kedua pihak itu dilanda perasaan hampa dan menyesal ketika melihat 'azab seksa yang sedang disediakan untuk mereka:

وَأَسَرُّوا۟ ٱلنَّدَامَةَ لَمَّا رَأَوُا۟ ٱلْعَذَابَ ۚ

"Mereka (masing-masing) memendamkan perasaan menyesal apabila mereka melihat 'azab seksa."(33)

Itulah keadaan duka nestapa yang membenamkan kata-kata di dalam dada mereka dan mengelukan lidah dan bibir mereka dari bercakap.

Kemudian mereka di'azab dengan 'azab seksa yang amat berat dan dahsyat:

وَجَعَلْنَا ٱلْأَغْلَٰلَ فِىٓ أَعْنَاقِ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ ۚ

"Dan Kami pasangkan belenggu-belenggu pada leher orang-orang yang kafir itu."(33)

Kemudian ayat berikut menceritakan perihal mereka ketika mereka diseret dengan belenggu-belenggu itu, di mana mereka diabaikan begitu sahaja sambil menghadapkan pernyataan ini kepada orang-orang yang menonton pemandangan ini:

هَلْ يُجْزَوْنَ إِلَّا مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٣٣﴾

"Mereka tidak dibalas melainkan kerana dosa-dosa yang telah dilakukan mereka."(33)

Kemudian tirai dilabuhkan menutup pemandangan orang-orang yang zalim yang terdiri dari orang-orang yang sombong dan orang-orang yang lemah itu. Kedua-dua golongan itu adalah golongan yang zalim belaka. Yang sombong dianggap zalim dengan sikap mereka yang pelampau dan perbuatan mereka menyesatkan orang lain, sedangkan yang lemah

dianggap zalim dengan sikap mereka yang mengorbankan kehormatan, akal fikiran dan kebebasan insan dan kesanggupan mereka tunduk kepada golongan yang pelampau. Kedua-dua golongan itu mendapat 'azab seksa belaka. Mereka tidak dibalas melainkan kerana dosa-dosa yang telah dilakukan mereka.

Tirai dilabuhkan menutup kisah orang-orang yang zalim yang sedang melihat nasib diri mereka dalam satu pemandangan Qiamat yang hidup. Mereka menyaksikan nasib diri mereka, sedangkan mereka masih hidup di bumi ini dan orang-orang lain juga turut menyaksikan nasib mereka seolah-olah mereka memandang dengan mata kepala mereka. Walau bagaimanapun peluang masih terbuka kepada sesiapa yang ingin menghindari nasib yang malang itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 34 - 39)

Nilai Kemewahan Dan Kesenangan Di Sisi Allah

Apa yang diucapkan oleh golongan mewah dari pembesar-pembesar Quraysy itu adalah sama dengan apa yang diucapkan oleh golongan mewah sebelum mereka kepada setiap Rasul yang diutuskan kepada mereka:

"Dan Kami tidak utuskan Rasul yang memberi amaran kepada sesebuah negeri melainkan golongan mewahnya yang berkata: Sesungguhnya kami tidak percaya kepada agama yang kamu diutuskan membawanya."(34)

Ia merupakan cerita yang berulang-ulang di sepanjang zaman. Itulah kisah kemewahan yang membuat hati manusia menjadi kasar dan hilang kepekaannya. Ia merosakkan fitrah manusia dan menjadikannya buta tidak dapat melihat tanda-tanda hidayat, malah ia membuat mereka bersikap sombong terhadap hidayat, berdegil di atas kebatilan dan enggan membuka mata mereka kepada nur petunjuk Ilahi.

Orang-orang yang mewah itu tertipu dengan nilai-nilai yang palsu dan dengan ni'mat-ni'mat yang fana. Mereka terpedaya dengan kekayaan dan kekuatan yang ada pada mereka. Mereka menyangka kekayaan dan kekuatan itu dapat melindungkan mereka dari 'azab Allah. Mereka fikir kesenangan hidup mereka itu merupakan bukti keredhaan Allah terhadap mereka atau merupakan tanda bahawa mereka akan ditempatkan di maqam yang tinggi, yang jauh dari hisab dan balasan:

وَقَالُواْ نَحۡنُ أَكۡثَرُ أَمۡوَٰلٗا وَأَوۡلَٰدٗا وَمَا نَحۡنُ بِمُعَذَّبِينَ ٣٥

"Dan mereka berkata lagi: Kami mempunyai harta kekayaan dan anak-anak yang paling banyak dan kami tidak akan diseksakan."(35)

Kemudian Al-Qur'an membentangkan kepada mereka neraca nilai-nilai yang dipakai di sisi Allah. Al-Qur'an menyatakan kepada mereka bahawa persoalan keluasan rezeki dan kesempitannya tidak mempunyai apa-apa hubungan dengan nilai-nilai yang tetap itu. Ia tidak menjadi tanda yang menunjukkan keredhaan dan kemurkaan Allah dan ia tidak dapat melindungkan seseorang dari 'azab Allah dan tidak pula menolakkan seseorang itu ke dalam 'azab Allah, malah persoalan itu merupakan satu persoalan yang berasingan dari persoalan hisab dan balasan, juga berasingan dari persoalan keredhaan dan kemurkaan Allah. Ia adalah diatur mengikut satu peraturan dari undang-undang Allah:

قُلۡ إِنَّ رَبِّي يَبۡسُطُ ٱلرِّزۡقَ لِمَن يَشَآءُ وَيَقۡدِرُ وَلَٰكِنَّ أَكۡثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعۡلَمُونَ ٣٦

"(Wahai Muhammad) katakanlah: Sesungguhnya Tuhankulah yang melapang dan menyempitkan rezeki kepada sesiapa yang dikehendakinya, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui."(36)

Persoalan keluasan dan kesempitan rezeki atau persoalan memiliki atau tidak memiliki punca-punca kesenangan dan kemewahan hidup itu merupakan satu persoalan yang menimbulkan kemusykilan di dalam hati kebanyakan orang. Kadang-kadang kesenangan dan kemewahan hidup dunia dibuka kepada orang-orang yang jahat, yang melakukan kebatilan dan kerosakan dan kadang-kadang punca-punca kesenangan dan kemewahan itu tidak diberikan kepada orang-orang yang baik, yang memperjuangkan kebenaran dah kebaikan. Lalu setengah-setengah orang berfikir bahawa Allah tidak akan melimpahkan ni'mat kepada seseorang melainkan tentulah ianya seorang yang mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi Allah atau mereka merasa ragu-ragu terhadap nilai-nilai kebaikan, kebenaran dan kesalihan kerana nilai-nilai ini kelihatan pada mereka dilingkungi oleh kehidupan yang susah dan sempit.

Di sini Al-Qur'an menjelaskan hubungan di antara kesenangan hidup dunia dengan nilai-nilai yang dipandang tinggi di sisi Allah. Ia menerangkan bahawa Allah melapang dan menyempitkan rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan persoalan kelapangan dan kesempitan rezeki ini merupakan satu persoalan dan persoalan keredhaan dan kemurkaan Allah merupakan satu persoalan yang lain pula. Di antara keduanya tidak mempunyai apa-apa hubungan. Kadang-kadang Allah melimpahkan rezeki kepada orang-orang yang dimurkai-Nya sama seperti ia melimpahkannya kepada orang-orang yang diredhai-Nya. Kadang-kadang Allah menyempitkan rezeki kepada orang-orang yang jahat sama seperti ia menyempitkannya kepada orang-orang yang baik, tetapi sebab-sebab dan matlamat-matlamat

pemberian dan penafian itu tidaklah sama dalam semua kes itu.

Kadang-kadang Allah melimpahkan rezeki kepada orang-orang yang jahat sebagai suatu tarikan yang mendorong mereka bertambah jahat, sombong dan rosak agar stok dosa-dosa dan kesalahan-kesalahan mereka bertambah berlipat ganda, kemudian Allah akan timpakan balasan ke atas mereka sama ada di dunia atau di Akhirat mengikut hikmat kebijaksanaan dan perencanaan-Nya. Kadang-kadang Allah haramkan rezeki kepada mereka menyebabkan mereka bertambah jahat, bertambah banyak menyeleweng dan melakukan dosa, bertambah gelisah, susah dan putus asa dari rahmat Allah dan akhirnya stok kejahatan dan kesesatan mereka bertambah berlipat ganda.

Kadang-kadang Allah melimpahkan rezeki ke atas orang-orang yang baik supaya membolehkan mereka melakukan berbagai-bagai amalan yang soleh yang tidak dapat dilaksanakan tanpa rezeki yang limpah, juga supaya mereka mensyukuri ni'mat Allah dengan hati, lidah dan amalan-amalan mereka yang baik agar mereka dapat mengumpulkan bekalan amalan yang banyak di sisi Allah dengan kesalihan dan kebaikan hati mereka. Kadang-kadang Allah mengharamkan rezeki kepada mereka untuk menguji kesabaran mereka menghadapi kesusahan hidup, untuk menguji sejauh mana mereka beriman dan menaruh harapan kepada Allah, sejauh mana keyakinan mereka kepada taqdir Allah dan sejauh mana keredhaan mereka terhadap Allah. Dengan ujian ini mereka dapat melipat gandakan lagi bekalan amalan kebaikan dan keredhaan Allah.

Walau bagaimanapun sebab-sebab keluasan dan kesempitan rezeki dari hasil usaha manusia dan dari hasil hikmat Allah itu, namun ia tetap merupakan satu persoalan yang berasingan. Ia bukannya menjadi bukti bahawa harta kekayaan, anak pinak dan kesenangan hidup itu merupakan nilai-nilai yang dapat meninggi dan merendahkan darjat seseorang di sisi Allah, tetapi kebaikan dan keburukannya adalah terhenti di atas cara pengendalian dan penanganan orang-orang yang dilimpah atau diharamkan punca-punca rezeki itu. Sesiapa yang dikurniakan harta kekayaan dan anak pinak lalu ia mengendali dan menguruskannya dengan baik, maka Allah akan menggandakan pahalanya sebagai balasan kepada pengendaliannya yang baik terhadap ni'mat-ni'mat Allah itu. Harta kekayaan dan anak pinak itu sendiri tidak dapat mendekatkan mereka kepada Allah, malah pengendalian mereka yang baik terhadap harta kekayaan dan anak pinak itulah yang dapat memberikan pahala balasan yang berganda-ganda kepada mereka.

وَمَآ أَمۡوَٰلُكُمۡ وَلَآ أَوۡلَٰدُكُم بِٱلَّتِي تُقَرِّبُكُمۡ عِندَنَا زُلۡفَىٰٓ إِلَّا مَنۡ ءَامَنَ وَعَمِلَ صَٰلِحٗا فَأُوْلَٰٓئِكَ لَهُمۡ جَزَآءُ ٱلضِّعۡفِ بِمَا عَمِلُواْ وَهُمۡ فِي ٱلۡغُرُفَٰتِ ءَامِنُونَ ﴿٣٧﴾ وَٱلَّذِينَ يَسۡعَوۡنَ فِيٓ ءَايَٰتِنَا مُعَٰجِزِينَ أُوْلَٰٓئِكَ فِي ٱلۡعَذَابِ مُحۡضَرُونَ ﴿٣٨﴾

"Dan tidaklah harta kekayaan kamu dan tidak juga anak pinak kamu yang dapat mendampingkan kamu lebih dekat kepada kami kecuali mereka yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh, maka merekalah yang akan memperolehi balasan yang berganda-ganda dengan sebab amalan-amalan yang dilakukan mereka dan mereka kelak akan ditempatkan di dalam mahligai-mahligai yang tinggi (di Syurga) dengan aman sentosa (37). Dan orang-orang yang berusaha menentang dan mencabar ayat-ayat Kami, mereka akan dibawa ke dalam 'azab seksa."(38)

Kemudian Al-Qur'an mengulangkan dasar bahawa ketuaan dan kesempitan rezeki merupakan satu persoalan yang berasingan. Ia diatur mengikut kehendak Allah untuk melaksanakan sesuatu hikmat yang berasingan dan segala apa yang didermakan untuk kepentingan Sabilullah, maka itulah yang akan menjadi harta simpanan yang kekal abadi yang memberi faedah kepada mereka. Ulangan ini dituju untuk menanamkan hikmat ini supaya jelas di dalam hati manusia:

قُلۡ إِنَّ رَبِّي يَبۡسُطُ ٱلرِّزۡقَ لِمَن يَشَآءُ مِنۡ عِبَادِهِۦ وَيَقۡدِرُ لَهُۥۚ وَمَآ أَنفَقۡتُم مِّن شَيۡءٖ فَهُوَ يُخۡلِفُهُۥۖ وَهُوَ خَيۡرُ ٱلرَّٰزِقِينَ ﴿٣٩﴾

"(Wahai Muhammad) katakanlah: Sesungguhnya Tuhankulah yang, melapangkan rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dari para hamba-Nya dan Dialah juga yang menyempitkannya. Dan apa sahaja yang kamu dermakannya, maka Allah akan menggantikannya dan Dialah sebaik-baik pemberi rezeki."(39)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 40 - 42)

Kemudian pusingan ini ditamatkan dengan satu pemandangan yang menunjukkan mereka sedang dikumpulkan pada hari Qiamat. Di sana Allah semukakan mereka dengan para malaikat yang disembahkan mereka di dunia selain dari Allah, kemudian Allah rasakan mereka 'azab Neraka yang dipinta mereka supaya disegerakannya itu iaitu 'azab yang pernah ditanya mereka: "Bilakah janji 'azab itu?" Sebagaimana diceritakan di dalam pusingan yang pertama:

Penyembah-penyembah Malaikat Disemukakan Dengan Para Malaikat

وَيَوۡمَ يَحۡشُرُهُمۡ جَمِيعٗا ثُمَّ يَقُولُ لِلۡمَلَٰٓئِكَةِ أَهَٰٓؤُلَآءِ إِيَّاكُمۡ كَانُواْ يَعۡبُدُونَ ﴿٤٠﴾

قَالُوا سُبْحَانَكَ أَنتَ وَلِيُّنَا مِن دُونِهِم ۖ بَلْ كَانُوا يَعْبُدُونَ الْجِنَّ ۖ أَكْثَرُهُم بِهِم مُّؤْمِنُونَ ﴿٤١﴾ فَالْيَوْمَ لَا يَمْلِكُ بَعْضُكُمْ لِبَعْضٍ نَّفْعًا وَلَا ضَرًّا وَنَقُولُ لِلَّذِينَ ظَلَمُوا ذُوقُوا عَذَابَ النَّارِ الَّتِي كُنتُم بِهَا تُكَذِّبُونَ ﴿٤٢﴾

"Dan (kenangilah) hari Qiamat yang Kami kumpul seluruh mereka kemudian Allah bertanya kepada malaikat-malaikat: Apakah orang-orang ini yang menyembah kamu dahulu? (40) Malaikat-malaikat menjawab: Maha Sucilah Engkau! Hanya Engkaulah Pelindung kami dan kami berlepas diri dari mereka, malah sebenarnya mereka menyembah jin. Kebanyakan mereka adalah beriman kepada jin-jin itu (41). Pada hari ini kamu tidak berkuasa memberi apa-apa manfa'at dan mudarat terhadap satu sama lain dan Kami akan berkata kepada orang-orang yang zalim: Rasalah 'azab Neraka yang telah kamu dustakannya itu."(42)

Itulah para malaikat yang disembah mereka selain dari Allah atau yang dijadikan mereka sebagai pemberi-pemberi syafa'at di sisi Allah. Mereka disemukakan Allah dengan kaum Musyrikin lalu mereka membersihkan Allah dari dakwaan-dakwaan itu dan berlepas tangan dari perbuatan kaum Musyrikin yang menyembah mereka seolah-olah ibadat mereka sama sekali tidak berasas, tidak berlaku dan tidak mempunyai hakikat, malah sebenarnya mereka telah menurut syaitan sama ada dengan menyembah dan bertawajjuh kepada syaitan atau menta'ati syaitan supaya mereka menyembah sekutu-sekutu yang lain dari Allah. Sebenarnya mereka menyembah syaitan ketika mereka menyembah malaikat-malaikat itu kerana adat menyembah jin itu memang terkenal di dalam masyarakat Arab. Sebahagian dari mereka memang menyembah jin dan meminta pertolongan dari mereka:

بَلْ كَانُوا يَعْبُدُونَ الْجِنَّ ۖ أَكْثَرُهُم بِهِم مُّؤْمِنُونَ ﴿٤١﴾

"Malah sebenarnya mereka menyembah jin. Kebanyakan mereka adalah beriman kepada jin-jin itu."(41)

Dan di sinilah terbitnya hubungan kisah Sulaiman dan jin dengan persoalan-persoalan dan maudhu'-maudhu' yang dibicarakan oleh surah ini mengikut cara penceritaan kisah-kisah di dalam Al-Qur'an.

Ketika pemandangan itu masih sedang ditayang, penerangan ayat berikut telah diubah dari cara penceritaan dan pemberian kepada cara menghadapkan percakapan kecaman dan celaan kepada mereka:

فَالْيَوْمَ لَا يَمْلِكُ بَعْضُكُمْ لِبَعْضٍ نَّفْعًا وَلَا ضَرًّا

"Pada hari ini kamu tidak berkuasa memberi apa-apa manfa'at dan mudarat terhadap satu sama lain."(42)

Para malaikat tidak berkuasa memberi sesuatu apa kepada manusia dan orang-orang kafir juga tidak berkuasa memberi sesuatu apa terhadap satu sama lain, sedangkan api Neraka yang didusta dan diragu-ragukan mereka berada di hadapan penglihatan mereka sebagai satu realiti yang tidak dapat disyakkan lagi:

وَنَقُولُ لِلَّذِينَ ظَلَمُوا ذُوقُوا عَذَابَ النَّارِ الَّتِي كُنتُم بِهَا تُكَذِّبُونَ ﴿٤٢﴾

"Dan Kami akan berkata kepada orang-orang yang zalim: Rasalah 'azab Neraka yang telah kamu dustakannya itu."(42)

Dengan ayat ini tamatlah pusingan ini yang menekankan persoalan kebangkitan selepas mati, persoalan hisab dan balasan sama seperti pusingan-pusingan yang lain dari surah ini.

(Kumpulan ayat-ayat 43 - 54)

وَإِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ آيَاتُنَا بَيِّنَاتٍ قَالُوا مَا هَٰذَا إِلَّا رَجُلٌ يُرِيدُ أَن يَصُدَّكُمْ عَمَّا كَانَ يَعْبُدُ آبَاؤُكُمْ وَقَالُوا مَا هَٰذَا إِلَّا إِفْكٌ مُّفْتَرًى ۚ وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لِلْحَقِّ لَمَّا جَاءَهُمْ إِنْ هَٰذَا إِلَّا سِحْرٌ مُّبِينٌ ﴿٤٣﴾

وَمَا آتَيْنَاهُم مِّن كُتُبٍ يَدْرُسُونَهَا ۖ وَمَا أَرْسَلْنَا إِلَيْهِمْ قَبْلَكَ مِن نَّذِيرٍ ﴿٤٤﴾

وَكَذَّبَ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ وَمَا بَلَغُوا مِعْشَارَ مَا آتَيْنَاهُمْ فَكَذَّبُوا رُسُلِي ۖ فَكَيْفَ كَانَ نَكِيرِ ﴿٤٥﴾

قُلْ إِنَّمَا أَعِظُكُم بِوَاحِدَةٍ ۖ أَن تَقُومُوا لِلَّهِ مَثْنَىٰ وَفُرَادَىٰ ثُمَّ تَتَفَكَّرُوا ۚ مَا بِصَاحِبِكُم مِّن جِنَّةٍ ۚ إِنْ هُوَ إِلَّا نَذِيرٌ لَّكُم بَيْنَ يَدَيْ عَذَابٍ شَدِيدٍ ﴿٤٦﴾

قُلْ مَا سَأَلْتُكُم مِّنْ أَجْرٍ فَهُوَ لَكُمْ ۖ إِنْ أَجْرِيَ إِلَّا عَلَى اللَّهِ ۖ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ ﴿٤٧﴾

قُلْ إِنَّ رَبِّي يَقْذِفُ بِالْحَقِّ عَلَّامُ الْغُيُوبِ ﴿٤٨﴾

قُلْ جَاءَ الْحَقُّ وَمَا يُبْدِئُ الْبَاطِلُ وَمَا يُعِيدُ ﴿٤٩﴾

قُلْ إِن ضَلَلْتُ فَإِنَّمَا أَضِلُّ عَلَىٰ نَفْسِي ۖ وَإِنِ اهْتَدَيْتُ

فَبِمَا يُوحِيٓ إِلَيَّ رَبِّيٓۚ إِنَّهُۥ سَمِيعٞ قَرِيبٞ ٥٠

وَلَوۡ تَرَىٰٓ إِذۡ فَزِعُواْ فَلَا فَوۡتَ وَأُخِذُواْ مِن مَّكَانٖ قَرِيبٖ ٥١

وَقَالُوٓاْ ءَامَنَّا بِهِۦ وَأَنَّىٰ لَهُمُ ٱلتَّنَاوُشُ مِن مَّكَانِۭ بَعِيدٖ ٥٢

وَقَدۡ كَفَرُواْ بِهِۦ مِن قَبۡلُۖ وَيَقۡذِفُونَ بِٱلۡغَيۡبِ مِن مَّكَانِۭ بَعِيدٖ ٥٣

وَحِيلَ بَيۡنَهُمۡ وَبَيۡنَ مَا يَشۡتَهُونَ كَمَا فُعِلَ بِأَشۡيَاعِهِم مِّن قَبۡلُۚ إِنَّهُمۡ كَانُواْ فِي شَكّٖ مُّرِيبِۭ ٥٤

"Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Kami yang amat nyata, mereka berkata: Orang ini (Muhammad) tidak lain melainkan hanya seorang lelaki yang mahu menghalangkan kamu dari tuhan-tuhan yang disembahkan datuk nenek kamu, dan mereka berkata lagi: (Al-Qur'an) ini tidak lain melainkan hanya kata-kata dusia yang direka-rekakan sahaja. Dan berkatalah orang-orang kafir terhadap kebenaran yang datang kepada mereka: Al-Qur'an ini tidak lain melainkan hanya satu sihir yang terang (43). Dan sebenarnya Kami tidak pernah memberikan kepada mereka kitab-kitab yang dapat dipelajari mereka, dan Kami juga tidak pernah mengutuskan sebelummu (Muhammad) seorang rasul yang menyampaikan amaran (44). Umat-umat yang terdahulu dari mereka juga telah mendustakan (rasul-rasul), sedangkan mereka (kaummu) tidak sampai sepersepuluh dari apa yang Kami kurniakan kepada umat-umat yang terdahulu itu. Mereka telah mendustakan para rasul-Ku. Oleh itu (lihatlah) bagaimana dahsyatnya malapetaka kemurkaan-Ku (terhadap mereka) (45). (Wahai Muhammad) katakanlah: Sesungguhnya aku hanya mahu memberi satu nasihat sahaja kepada kamu, iaitu hendaklah kamu bersungguh-sungguh mencari kebenaran semata-mata kerana Allah dengan berdua-duaan dan dengan sendiri, kemudian hendaklah kamu berfikir (dengan teliti supaya kamu tahu) bahawa sahabat kamu (Muhammad) itu tidak mempunyai sebarang penyakit gila. Dia itu tidak lain melainkan hanya seorang rasul yang memberi amaran kepada kamu menjelang kedatangan 'azab yang amat berat (46). Katakanlah: Apa sahaja upah yang aku telah pinta dari kamu maka semuanya adalah untuk kamu. Tiada upahku melainkan hanya terpulang kepada Allah. Dan Dialah yang menyaksikan segala sesuatu (47). Katakanlah: Sesungguhnya Tuhanku telah mencampakkan kebenaran dan Dia Maha Mengetahui segala perkara yang ghaib (48). Katakanlah: Kebenaran itu telah datang dan kebatilan tidak akan mula bertapak dan tidak akan berulang (49). Katakanlah: Sekiranya aku sesat maka akibat kesesatan akan menimpa diriku sendiri, dan sekiranya aku mendapat hidayat, maka itu adalah dengan bimbingan yang diwahyukan Tuhanku kepadaku. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Dekat (50). Dan (alangkah dahsyatnya) jika engkau melihat ketika mereka (orang-orang kafir) berada dalam ketakutan (kerana melihat 'azab) dan mereka tidak ada jalan untuk melepaskan diri dan mereka ditangkap dari tempat yang dekat (51). Dan lalu mereka berkata: Kami beriman dengan (Muhammad), (tetapi) masakan mereka dapat mencapai keimanan itu dari tempat yang jauh (di Akhirat) (52). Sedangkan mereka telah mengingkarinya sebelum ini, dan mencampakkan urusan ghaib dari tempat yang jauh (53). Dan halangan telah diadakan di antara mereka dan keimanan yang diingini mereka sebagaimana telah dilakukan kepada orang-orang yang serupa dengan mereka sebelum ini. Sesungguhnya mereka dahulu berada di dalam keraguan yang amat mendalam."(54)

Pusingan akhir surah ini memulakan pembicaraannya mengenai kaum Musyrikin dan tuduhan-tuduhan mereka terhadap Nabi s.a.w. dan terhadap Al-Qur'an yang dibawa beliau. Ia mengingatkan kaum Musyrikin dengan akibat-akibat yang telah menimpa orang-orang yang serupa dengan mereka dan memperlihatkan kepada mereka kebinasaan umat-umat yang dahulu yang telah menerima akibat di dunia sedangkan umat-umat itu lebih kuat, lebih pandai dan lebih kaya dari mereka.

Kemudian Al-Qur'an iringi dengan berbagai-bagai pernyataan yang keras seolah ketukan tukul yang bertalu-talu. Dalam pernyataan yang pertama ia menyeru mereka supaya berusaha mencari kebenaran semata-mata ikhlas kerana Allah, kemudian ia menganjurkan mereka supaya berfikir (dengan tenang) tanpa dipengaruhi oleh penghalang-penghalang yang menyekat mereka dari menerima hidayat dan dari berfikir dengan lurus. Di dalam pernyataan yang kedua ia menyeru mereka supaya memikirkan tentang tujuan-tujuan yang mendorongkan Rasulullah s.a.w. menyampaikan da'wah kepada mereka. Beliau bukannya mengejar sesuatu faedah atau menuntut sebarang upah dari usaha da'wah itu. Oleh itu mengapakah mereka ragu-ragu dan enggan menerima da'wah beliau? Kemudian nada-nada pernyataan itu bertalu-talu: Katakanlah, katakanlah, katakanlah, dan setiap pernyataan itu menggoncangkan hati. Ia membuat hati yang hidup dan peka itu tidak sanggup menghadapinya.

Kemudian pusingan ini dan surah ini diakhiri dengan suatu pemandangan dari pemandangan-pemandangan Qiamat yang penuh dengan pergerakan yang keras dan lincah sesuai dengan tiada-nada pernyataan yang pantas dan keras itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 43 - 45)

وَإِذَا تُتۡلَىٰ عَلَيۡهِمۡ ءَايَٰتُنَا بَيِّنَٰتٖ قَالُواْ مَا هَٰذَآ إِلَّا رَجُلٞ يُرِيدُ أَن يَصُدَّكُمۡ عَمَّا كَانَ يَعۡبُدُ ءَابَآؤُكُمۡ وَقَالُواْ مَا هَٰذَآ إِلَّآ إِفۡكٞ مُّفۡتَرٗىۚ وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ لِلۡحَقِّ لَمَّا

جَآءَهُمۡ إِنۡ هَٰذَآ إِلَّا سِحۡرٞ مُّبِينٞ ﴿٤٣﴾ وَمَآ ءَاتَيۡنَٰهُم مِّن كُتُبٖ يَدۡرُسُونَهَاۖ وَمَآ أَرۡسَلۡنَآ إِلَيۡهِمۡ قَبۡلَكَ مِن نَّذِيرٖ ﴿٤٤﴾ وَكَذَّبَ ٱلَّذِينَ مِن قَبۡلِهِمۡ وَمَا بَلَغُواْ مِعۡشَارَ مَآ ءَاتَيۡنَٰهُمۡ فَكَذَّبُواْ رُسُلِيۖ فَكَيۡفَ كَانَ نَكِيرِ ﴿٤٥﴾

"Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Kami yang amat nyata, mereka berkata: Orang ini (Muhammad) tidak lain melainkan hanya seorang lelaki yang mahu menghalangkan kamu dari tuhan-tuhan yang disembahkan datuk nenek kamu, dan mereka berkata lagi: (Al-Qur'an) ini tidak lain melainkan hanya kata-kata dusia yang direka-rekakan sahaja. Dan berkatalah orang-orang kafir terhadap kebenaran yang datang kepada mereka: Al-Qur'an ini tidak lain melainkan hanya satu sihir yang terang (43). Dan sebenarnya Kami tidak pernah memberikan kepada mereka kitab-kitab yang dapat dipelajari mereka, dan Kami juga tidak pernah mengutuskan sebelummu (Muhammad) seorang rasul yang menyampaikan amaran (44). Umat-umat yang terdahulu dari mereka juga telah mendustakan (rasul-rasul), sedangkan mereka (kaummu) tidak sampai sepersepuluh dari apa yang Kami kurniakan kepada umat-umat yang terdahulu itu. Mereka telah mendustakan para rasul-Ku. Oleh itu (lihatlah) bagaimana dahsyatnya malapetaka kemurkaan-Ku (terhadap mereka)."(45)

Cara Mereka Menghadapi Al-Qur'an

Mereka telah menghadapi Al-Qur'an yang benar dan amat jelas yang dibacakan Rasulullah s.a.w. kepada mereka itu dengan keladak-keladak yang kabur dari peninggalan-peninggalan zaman silam dan dari adat resam yang tidak ditegakkan di atas asas yang jelas dan kukuh. Mereka telah menyedari bahaya cabaran Al-Qur'an yang mengemukakan agama yang benar, mudah, lurus dan kukuh. Mereka telah menginsafi bahayanya yang sedang mengancam 'aqidah dan adat resam mereka yang bercampuraduk dan karut yang dipegang datuk nenek mereka itu, lalu mereka bertindak membuat tuduhan-tuduhan:

وَإِذَا تُتۡلَىٰ عَلَيۡهِمۡ ءَايَٰتُنَا بَيِّنَٰتٖ قَالُواْ مَا هَٰذَآ إِلَّا رَجُلٞ يُرِيدُ أَن يَصُدَّكُمۡ عَمَّا كَانَ يَعۡبُدُ ءَابَآؤُكُمۡ

"Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Kami yang amat nyata, mereka berkata: Orang ini (Muhammad) tidak lain melainkan hanya seorang lelaki yang mahu menghalangkan kamu dari tuhan-tuhan yang disembahkan datuk nenek kamu."(43)

Tetapi oleh sebab alasan ini sahaja tidak cukup kerana sesuatu 'aqidah yang semata-mata bertentangan dengan 'aqidah yang dipegang datuk nenek itu tidak boleh dijadikan alasan-alasan yang dapat meyakinkan semua minda dan semua hati, maka mereka iringi pula dengan satu tuduhan lain yang menyentuh sifat amanah Rasul yang menyampaikan da'wah itu sendiri dan menolak perkataan beliau yang mengatakan bahawa Al-Qur'an itu adalah datang dari Allah:

وَقَالُواْ مَا هَٰذَآ إِلَّآ إِفۡكٞ مُّفۡتَرٗىۚ

"Dan mereka berkata lagi: (Al-Qur'an) ini tidak lain melainkan hanya kata-kata dusta yang direka-rekakan sahaja."(43)

Tujuan mereka berkata begitu ialah untuk menimbulkan keraguan terhadap nilai Al-Qur'an dari awal-awal lagi, iaitu menimbulkan keraguan tentang sumber Al-Qur'an itu sendiri. Kemudian mereka terus memerikan sifat Al-Qur'an.

وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ لِلۡحَقِّ لَمَّا جَآءَهُمۡ إِنۡ هَٰذَآ إِلَّا سِحۡرٞ مُّبِينٞ ﴿٤٣﴾

"Dan berkatalah orang-orang kafir terhadap kebenaran yang datang kepada mereka: Al-Qur'an ini tidak lain melainkan hanya satu sihir yang terang."(43)

Oleh kerana Al-Qur'an itu mengandungi pengungkapan yang amat menarik dan menggoncangkan hati, maka mereka merasa tidak cukup untuk menyifatkannya sebagai kata-kata dusta yang direka-reka sahaja, oleh itu mereka cuba pula mengemukakan satu alasan yang boleh meninggalkan kesan yang kuat di dalam hati orang ramai lalu mereka berkata:

إِنۡ هَٰذَآ إِلَّا سِحۡرٞ مُّبِينٞ ﴿٤٣﴾

"Al-Qur'an ini adalah satu sihir yang terang".

Itulah tuduhan-tuduhan yang dilemparkan mereka satu demi satu terhadap ayat-ayat Al-Qur'an yang amat jelas untuk menghalangkan hati orang ramai dari menerimanya. Tuduhan-tuduhan mereka adalah tidak beralasan, malah tuduhan-tuduhan itu merupakan pembohongan-pembohongan untuk mengeliru dan menyesatkan orang ramai. Orang-orang yang mengeluarkan tuduhan-tuduhan itu ialah para pembesar dan pemimpin Quraysy. Mereka sebenarnya yakin bahawa Al-Qur'anul-Karim itu di luar kemampuan manusia yang pintar bercakap untuk menciptakannya. Sebelum ini telah pun diterangkan dalam tafsir Fi Zilal ini kisah perbualan yang berlangsung di antara pembesar-pembesar itu tentang Muhammad s.a.w. dan tentang kitab suci Al-Qur'anul-Karim, juga tentang usaha-usaha tipu daya mereka untuk menghalangkan orang ramai dari Al-Qur'an yang amat memikatkan hati mereka.[2]

Kemudian Al-Qur'an mendedahkan hakikat mereka dengan menjelaskan bahawa mereka sebenarnya adalah satu kaum yang Ummi (yang tidak mengerti membaca dan menulis) dan sebelum ini mereka tidak pernah dikurniakan kitab suci yang dapat dikaji

---

[2] *Seperti perbualan al-Walid ibn al-Mughirah, Abu Sufyan ibn Harb dan al-Akhnas bin Syurayq.*

mereka dan dijadikan asas perbandingan dengan kitab-kitab suci yang lain agar mereka dapat mengenal wahyu Allah, dan dapat mengeluarkan fatwa bahawa apa yang dibawa oleh Muhammad kepada mereka bukannya kitab suci dan bukannya wahyu dari Allah. Begitu juga sebelum ini tiada seorang rasul pun yang pernah dikirimkan kepada mereka. Jadi kini jelaslah bahawa mereka mengeluarkan fatwa-fatwa yang mereka sendiri tidak tahu:

وَمَآ ءَاتَيْنَٰهُم مِّن كُتُبٍ يَدْرُسُونَهَا ۖ وَمَآ أَرْسَلْنَآ إِلَيْهِمْ قَبْلَكَ مِن نَّذِيرٍ ﴿٤٤﴾

"Dan sebenarnya Kami tidak pernah memberikan kepada mereka kitab-kitab yang dapat dipelajari mereka dan Kami juga tidak pernah mengutuskan sebelummu (Muhammad) seorang rasul yang, menyampaikan amaran."(44)

Kemudian Al-Qur'an menyentuhkan hati mereka dengan menyebut akibat kebinasaan yang telah menimpa umat-umat yang mendustakan rasul-rasul sebelum mereka, sedangkan mereka tidak dikurniakan sepersepuluh dari ilmu pengetahuan, kekayaan, kekuatan dan pembangunan yang dikurniakan kepada umat-umat yang dahulu itu. Apabila umat-umat itu mendustakan para rasul, maka mereka terus ditimpa malapetaka yang amat dahsyat:

وَكَذَّبَ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ وَمَا بَلَغُوا۟ مِعْشَارَ مَآ ءَاتَيْنَٰهُمْ فَكَذَّبُوا۟ رُسُلِى ۖ فَكَيْفَ كَانَ نَكِيرِ ﴿٤٥﴾

"Umat-umat yang terdahulu dari mereka juga telah mendustakan (rasul-rasul), sedangkan mereka (kaummu) tidak sampai sepersepuluh dari apa yang Kami kurniakan kepada umat-umat yang terdahulu itu. Mereka telah mendustakan para rasul-Ku. Oleh itu (lihatlah) bagaimana dahsyatnya malapetaka kemurkaan-Ku (terhadap mereka)."(45)

Malapetaka itu telah membinasakan mereka dan kaum Quraysy memang tahu kebinasaan dan malapetaka yang telah menimpa setengah-setengah umat di Semenanjung Tanah Arab. Peringatan seperti ini cukup untuk mereka. Pertanyaan mengejek:

"Bagaimana dahsyatnya malapetaka kemurkaan-Ku?"(45)

merupakan satu pertanyaan yang dapat menginsafkan hati mereka yang menerima firman ini kerana mereka benar-benar tahu bagaimana serangan malapetaka itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 46 - 50)

Di sini Al-Qur'an mengemukakan kepada mereka satu seruan yang tulus untuk menunjukkan kepada mereka cara mencari kebenaran dan cara mengenalkan pembohongan dari kebenaran dan menilaikan realiti yang dihadapi mereka tanpa campuraduk yang bukan-bukan:

Methodologi Mencari Kebenaran

"(Wahai Muhammad) katakanlah: Sesungguhnya aku hanya mahu memberi satu nasihat sahaja kepada kamu, iaitu hendaklah kamu bersungguh-sungguh mencari kebenaran semata-mata kerana Allah dengan berdua-duaan dan dengan sendiri, kemudian hendaklah kamu berfikir (dengan teliti supaya kamu tahu) bahawa sahabat kamu (Muhammad) itu tidak mempunyai sebarang penyakit gila. Dia itu tidak lain melainkan hanya seorang rasul yang memberi amaran kepada kamu menjelang kedatangan aab yang amat berat."(46)

Itulah seruan mencari kebenaran kerana Allah iaitu jauh dari hawa nafsu, jauh dari kepentingan, jauh dari perhitungan-perhitungan hidup dunia, jauh dari bisikan-bisikan dan dorongan-dorongan keinginan yang berkecamuk di dalam hati dan jauh dari arus-arus dan pengaruh-pengaruh yang dominan di dalam masyarakat.

Itulah seruan untuk berinteraksi dengan realiti yang mudah, bukannya berinteraksi dengan persoalan-persoalan dan dakwaan-dakwaan yang tidak menentu dan bukannya berinteraksi dengan ungkapan-ungkapan yang kenyal yang menjauhkan hati dan akal dari menemui hakikat yang mudah.

Itulah seruan menggunakan logik fitrah yang tenang dan jernih, iaitu jauh dari segala keadaan hiruk-pikuk, campuraduk, kekeliruan dan pandangan yang tidak menentu dan kekaburan yang melindungkan hakikat yang bersih.

Seruan itu, dalam waktu yang sama, merupakan methodologi untuk mencari kebenaran itu iaitu satu methodologi yang mudah yang berasaskan pembersihan diri dari segala keladak-keladak, pengeliruan-pengeliruan dan pengaruh-pengaruh di samping berasaskan muraqabah dan taqwa kepada Allah.

Seruan itu hanya "satu" sahaja. Jika terlaksana nescaya methodologi dan jalan mencari kebenaran itu menjadi betul, iaitu mencari kebenaran kerana Allah bukan kerana nafsu, bukan kerana kepentingan dan faedah. Seruan itu berasaskan pembersihan dan ketulusan dari segala kepentingan kemudian berfikir dengan teliti tanpa dipengaruhi oleh unsur yang luar dari realiti yang dihadapi mereka yang mencari kebenaran semata-mata kerana Allah itu: **أن تقوموا لله مثنى وفردى** – (..*Iaitu hendaklah kamu bersungguh-sungguh mencari kebenaran semata-mata kerana*

Allah dengan berdua-duaan dan dengan bersendirian..) ... tujuan mencari kebenaran dengan berdua-duaan itu ialah supaya kedua-duanya dapat menyemak dan menegur satu sama lain, dapat mengambil dan memberi tanpa dipengaruhi pemikiran orang ramai yang terikut-ikut kepada kehendak emosi yang mendadak dan tanpa teragak-agak mencari hujah dengan tenang. Tujuan mencari kebenaran dengan seorang diri ialah supaya sanggup berdepan dengan diri sendiri mencari kebenaran dengan tenang dan mendalam.

ثُمَّ تَتَفَكَّرُوا۟ مَا بِصَاحِبِكُم مِّن جِنَّةٍ

"Kemudian hendaklah kamu berfikir (dengan teliti supaya kamu tahu) bahawa sahabat kamu (Muhammad) itu tidak mempunyai sebarang penyakit gila."(46)

Yakni selama ini kamu mengenal Muhammad sebagai seorang yang berakal, berfikiran yang waras dan tenang. Beliau tidak pernah mengeluarkan sesuatu perkataan yang menimbulkan syak wasangka terhadap kesiuman akalnya. Segala apa yang dikatakan beliau merupakan perkataan yang kukuh, terang dan nyata.

إِنْ هُوَ إِلَّا نَذِيرٌ لَّكُم بَيْنَ يَدَىْ عَذَابٍ شَدِيدٍ ﴿٤٦﴾

"Dia itu tidak lain melainkan hanya seorang rasul yang memberi amaran kepada kamu menjelang kedatangan zab yang amat berat."(46)

Ayat ini merupakan sentuhan yang menggambarkan 'azab yang amat dahsyat yang tidak lama lagi akan berlaku. Ia hanya didahului setapak sahaja oleh Rasul yang menyampaikan amaran supaya mereka yang mendengar amaran itu terselamat. Rasul itu sama dengan seorang yang berteriak mengingatkan satu kebakaran yang sedang berlaku di sebuah rumah yang hampir-hampir menjilat orang-orang yang belum lari dari kebakaran itu. Ini adalah satu gambaran yang tepat, indah, menarik dan menginsafkan.

Ujar Imam Ahmad: Kami telah diceritakan oleh Abu Nu'aym Basyir ibn al-Muhajir, aku telah diceritakan oleh Abdullah ibn Burayrah dari bapanya r.a. katanya: Pada suatu hari Rasulullah s.a.w. keluar menemui kami lalu beliau berseru tiga kali.

أيها الناس أتدرون ما مثلي ومثلكم؟ قالوا : الله ورسوله أعلم. قال – صلى الله عليه وعلى آله وسلم : إنما مثلي ومثلكم مثل قوم خافوا عدواً يأتيهم. فبعثوا رجلاً يتراءى لهم، فبينما هو كذلك أبصر العدو، فأقبل لينذرهم، وخشي أن يدركه العدو قبل أن ينذر قومه، فأهوى بثوبه. أيها الناس! أتيتم. أيها الناس! أتيتم. أيها الناس! أتيتم.

"Wahai sekalian kamu! Adakah kamu mengetahui perbandingan hubunganku dengan kamu? Jawab, mereka: Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui. Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: Perbandingan hubunganku dengan kamu sama dengan satu kaum yang takut diserang musuh. Lalu merea menghantar seorang lelaki untuk menjadi pengintip mereka. Ketika lelaki itu sedang berkawal tiba-tiba ia nampak musuh, lalu dia pun (segera) kembali untuk mengingatkan kaumnya, tetapi oleh kerana dia takut ditangkap musuh sebelum sempat mengingatkan kaumnya, maka dia pun memberi isyarat dengan bajunya: Wahai sekalian kamu! Kamu telah didatangi musuh, Wahai sekalian kamu! kamu telah didatangi musuh, Wahai sekalian kamu! kamu telah didatangi musuh!"

Imam Ahmad juga telah meriwayatkan dengan sanad yang sama. Katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

بعثت أنا والساعة جميعاً، إن كادت لتسبقني

"Aku dibangkit serentak dengan Qiamat dan sesungguhnya ia hampir-hampir mendahuluiku."

Itulah nada pernyataan pertama yang menginsafkan kemudian diiringi pula dengan nada pernyataan yang kedua:

قُلْ مَا سَأَلْتُكُم مِّنْ أَجْرٍ فَهُوَ لَكُمْ ۖ إِنْ أَجْرِىَ إِلَّا عَلَى ٱللَّهِ ۖ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ شَهِيدٌ ﴿٤٧﴾

"Katakanlah: Apa sahaja upah yang aku telah pinta dari kamu, maka semuanya adalah untuk kamu. Tiada upahku melainkan hanya terpulang kepada Allah. Dan Dialah yang menyasikan segala sesuatu."(47)

Mula-mula Al-Qur'an menyeru mereka supaya berfikir dengan tenang dan bersih bahawa Muhammad itu bukannya seorang gila, kemudian di sini pula ia menyeru mereka supaya berfikir dan menanyakan diri mereka sendiri tentang tujuan beliau mengingatkan mereka menjelang kedatangan 'azab yang amat dahsyat itu. Apakah muslihatnya? Apakah motifnya dan apakah faedah yang diperolehinya?

Kemudian Allah menyuruh beliau menyedarkan mereka kepada hakikat ini dengan satu ungkapan yang menginsafkan.

قُلْ مَا سَأَلْتُكُم مِّنْ أَجْرٍ فَهُوَ لَكُمْ ۖ

"Apa sahaja upah yang aku telah pinta dari kamu, maka semanya adalah untuk kamu."(47)

Yakni ambillah segala upah yang aku minta dari kamu! Ini adalah satu ungkapan yang dituju untuk mengecam, membimbing dan mengingat.

إِنْ أَجْرِىَ إِلَّا عَلَى ٱللَّهِ ۖ

"Tiada upahku melainkan hanya terpulang kepada Allah."(47)

Yakni oleh kerana Allah yang telah memberi tugas (kerasulan) kepadaku, maka Dialah yang wajar memberi upah kepada aku, dan hanya upah dari Allah sahaja yang aku harapkan. Setiap mereka yang mengharapkan upah dari Allah, maka segala upah yang ada pada manusia adalah dianggapnya kecil belaka dan tidak wajar difikirkannya.

وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ ﴿٤٧﴾

"Dan Dialah yang menyaksikan segala sesuatu."(47)

Yakni Allah sentiasa mengetahui dan melihat. Tiada sesuatu pun yang tersembunyi dari-Nya. Dia juga sentiasa menyaksi gerak-geriku, iaitu menyaksi apa yang dibuat olehku, apa yang diniatkanku dan apa yang dikatakanku.

Kemudian nada pernyataan yang ketiga bertambah lantang dan bertambah pantas:

قُلْ إِنَّ رَبِّي يَقْذِفُ بِالْحَقِّ عَلَّامُ الْغُيُوبِ ﴿٤٨﴾

"Katakanlah: Sesungguhnya Tuhanku telah mencampakkan kebenaran dan Dia Maha Mengetahui segala perkara yang ghaib."(48)

Kebenaran Merupakan Peluru Yang Dilancarkan Allah

Wahyu yang dibawaku ini adalah kebenaran, iaitu kebenaran yang kuat yang dicampakkan Allah. Siapakah yang dapat menentang kebenaran yang dicampakkan Allah? Ini adalah ungkapan yang memberi satu gambaran yang hidup dalam bentuk jisim yang bergerak seolah-olah kebenaran itu merupakan peluru yang meledak, membakar dan menembus dan tiada siapa pun yang dapat berdiri menentangnya. Ia adalah peluru yang dilancarkan Allah:

"Yang Maha Mengetahui segala perkara yang ghaib."(48)

Yakni ia dilancar dan dihalakan dengan ilmu Allah yang tidak tersembunyi kepada-Nya suatu sasaran pun dan tidak terluput darinya satu tujuan pun. Tiada seorang pun yang dapat menentu kebenaran yang dilancarkan Allah dan tiada tembok yang dapat menghalanginya jalan di hadapannya terbuka terang, tiada suatu pun yang terlindung.

Kemudian diiringi pula dengan nada pernyataan yang keempat, yang sama kuat dan pantas dengan nada pernyataan yang ketiga:

"Katakanlah: Kebenaran itu telah datang dan kebatilan tidak akan mula bertapak dan tidak akan berulang."(49)

Yakni kebenaran ini telah datang dalam salah satu bentuknya, iaitu dalam bentuk risalah dan dalam bentuk Al-Qur'an dan dalam bentuk satu sistem hidup yang lurus.

قُلْ جَاءَ الْحَقُّ

"Katakanlah: Kebenaran telah datang"(49)

yakni isytiharkanlah pernyataan ini dan sebarkan berita ini. Kebenaran telah datang. Ia datang dengan kekuatan dan kuatkuasanya:

"Dan kebatilan tidak akan bertapak dan tidak akan berulang."(49)

Yakni kebatilan telah berakhir. Ia tidak akan kembali hidup kerana tiada ruang lagi untuknya. Nasib kesudahannya telah ditentukan iaitu ia tetap menuju kehapusan.

Itulah nada pernyataan yang amat menggemparkan dan setiap pendengarnya merasa bahawa kebatilan telah dihukum mati dan tiada lagi sebarang ruang untuknya.

Memang benar begitu, kerana sejak datangnya Al-Qur'an jalan kebenaran menjadi begitu kukuh dan jelas. Kebatilan tidak berdaya lagi selain dari membuat cabaran-cabaran yang degil di hadapan kebenaran yang jelas, tegas dan penuh azam. Walaupun dalam setengah-setengah keadaan kebatilan mendapat kemenangan dari segi kebendaan, namun ia bukanlah kemenangan yang menewaskan kebenaran, malah ia hanya kemenangan yang mengalahkan pejuang-pejuang kebenaran sahaja, iaitu kekalahan manusia bukannya kekalahan dasar, satu kekalahan sementara kemudian ia akan hilang, tetapi kebenaran akan tetap jelas sejelas-jelasnya.

Nada pernyataan yang akhir ialah:

قُلْ إِن ضَلَلْتُ فَإِنَّمَا أَضِلُّ عَلَىٰ نَفْسِي ۖ وَإِنِ اهْتَدَيْتُ فَبِمَا يُوحِي إِلَيَّ رَبِّي ۚ إِنَّهُ سَمِيعٌ قَرِيبٌ ﴿٥٠﴾

"Katakanlah: Sekiranya aku sesat, maka akibat kesesatan akan menimpa diriku sendiri, dan sekiranya aku mendapat hidayat, maka itu adalah dengan bimbingan yang diwahyukan Tuhanku kepadaku. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Dekat."(50)

Yakni kamu tidak akan menanggung apa-apa akibat sekiranya aku sesat, malah akulah yang akan menanggungkan akibatnya dan sekiranya aku mendapat hidayat, maka itu adalah kerana Allah telah memberi hidayat kepadaku dengan perantaraan wahyu-Nya. Aku tidak mempunyai apa-apa kuasa mengenainya melainkan dengan izin Allah kerana aku di bawah kehendak masyi'ah-Nya dan di bawah limpah kurnia-Nya.

"Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha dekat."(50)

Demikianlah sifat Allah yang didapati,orang-orang Mu'min tertanam di dalam hati mereka. Mereka dapati sifat-sifat itu benar-benar hidup segar dalam realiti. Mereka merasa Allah sentiasa mendengar mereka, sentiasa dekat dengan mereka, dan sentiasa mengambil berat secara langsung terhadap keadaan mereka. Mereka merasa rayuan dan pengaduan

mereka sampai terus kepada Allah tanpa sebarang wasitah. Mereka merasa Allah tidak mengabai, membiar dan menyerahkan mereka kepada yang lain dari-Nya. Oleh kerana itu mereka hidup begitu mesra dengan Allah, iaitu hidup di bawah jagaan, pemeliharaan, kawalan dan pengawasan-Nya. Mereka rasakan semuanya ini benar-benar hidup di dalam jiwa mereka bukannya didapati mereka dalam bentuk pengertian atau gagasan sahaja atau dalam bentuk perbandingan dan pendekatkan kepada kefahaman sahaja.

إِنَّهُۥ سَمِيعٌ قَرِيبٌ ﴿٥٠﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Dekat."(50)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 51 - 54)

Pada akhirnya ditayangkan satu pemandangan dari pemandangan-pemandangan Qiamat yang penuh dengan pergerakan-pergerakan yang lincah yang berulang alik di antara dunia dan Akhirat seolah-olah mereka berada di dalam satu kawasan sahaja. Mereka seolah-olah sebiji bola yang dicampakkan ke sana ke mari dalam satu pemandangan yang pantas.

وَلَوْ تَرَىٰٓ إِذْ فَزِعُوا۟ فَلَا فَوْتَ وَأُخِذُوا۟ مِن مَّكَانٍ قَرِيبٍ ﴿٥١﴾

وَقَالُوٓا۟ ءَامَنَّا بِهِۦ وَأَنَّىٰ لَهُمُ ٱلتَّنَاوُشُ مِن مَّكَانٍۭ بَعِيدٍ ﴿٥٢﴾

وَقَدْ كَفَرُوا۟ بِهِۦ مِن قَبْلُ ۖ وَيَقْذِفُونَ بِٱلْغَيْبِ مِن مَّكَانٍۭ بَعِيدٍ ﴿٥٣﴾

وَحِيلَ بَيْنَهُمْ وَبَيْنَ مَا يَشْتَهُونَ كَمَا فُعِلَ بِأَشْيَاعِهِم مِّن قَبْلُ ۚ إِنَّهُمْ كَانُوا۟ فِى شَكٍّ مُّرِيبٍۭ ﴿٥٤﴾

"Dan (alangkah dahsyatnya) jika engkau melihat ketika mereka (orang-orang kafir) berada dalam ketakutan (kerana melihat 'azab) dan mereka tidak ada jalan untuk melepaskan diri dan mereka ditangkap dari tempat yang dekat (51). Dan lalu mereka berkata: Kami beriman dengan (Muhammad), (tetapi) masakan mereka dapat mencapai keimanan itu dari tempat yang jauh (di Akhirat) (52). Sedangkan mereka telah mengingkarinya sebelum ini dan mencampakkan urusan ghaib dari tempat yang jauh (53). Dan halangan telah diadakan di antara mereka dan keimanan yang diingini mereka sebagaimana telah dilakukan kepada orang-orang yang serupa dengan mereka sebelum ini. Sesungguhnya mereka dahulu berada di dalam keraguan yang amat mendalam (54).

وَلَوْ تَرَىٰٓ

"Dan (alangkah dahsyatnya) jika engkau melihat"(51)

satu pemandangan yang terbuka, di mana orang-orang yang kafir itu berada di dalam ketakutan terhadap 'azab seksa yang memeranjatkan mereka. Mereka mahu melarikan diri, tetapi:

فَلَا فَوْتَ وَأُخِذُوا۟ مِن مَّكَانٍ قَرِيبٍ ﴿٥١﴾

"Tidak ada jalan untuk melepaskan diri dan mereka ditangkap dari tempat yang dekat."(51)

Yakni mereka tidak dapat berlari jauh dari percubaan mereka yang berhempas pulas itu.

Dan lalu mereka berkata:

ءَامَنَّا بِهِۦ

"Kami beriman dengan Muhammad,"(52)

yakni mereka sekarang baru mengaku beriman sesudah luput waktunya:

وَأَنَّىٰ لَهُمُ ٱلتَّنَاوُشُ مِن مَّكَانٍۭ بَعِيدٍ ﴿٥٢﴾

"(Tetapi) masakan mereka dapat mencapai keimanan itu dari tempat yang jauh."(52)

Yakni bagaimana mereka mahu beriman di tempat mereka sekarang ini, sedangkan tempat beriman itu amat jauh dari mereka kerana tempat beriman itu ialah di dunia, tetapi mereka telah mensia-siakannya.

وَقَدْ كَفَرُوا۟ بِهِۦ مِن قَبْلُ ۖ وَيَقْذِفُونَ بِٱلْغَيْبِ مِن مَّكَانٍۭ بَعِيدٍ ﴿٥٣﴾

"Sedangkan mereka telah mengingkarinya sebelum ini dan mencampakkan urusan ghaib dari tempat yang jauh."(53)

Yakni perkara mereka telah pun selesai di dunia lagi dan pada hari ini (di Akhirat) mereka tidak lagi mempunyai peluang untuk beriman. Mereka tidak percaya kepada perkara-perkara yang ghaib tanpa sesuatu dalil. Mereka mencampak perkara ghaib dari tempat yang jauh dan hari ini pula mereka cuba beriman dari tempat yang jauh juga.

وَحِيلَ بَيْنَهُمْ وَبَيْنَ مَا يَشْتَهُونَ كَمَا فُعِلَ بِأَشْيَاعِهِم مِّن قَبْلُ ۚ إِنَّهُمْ كَانُوا۟ فِى شَكٍّ مُّرِيبٍۭ ﴿٥٤﴾

"Dan halangan telah diadakan di antara mereka dan keimanan yang diingini mereka sebagaimana telah dilakukan kepada orang-orang yang serupa dengan mereka sebelum ini. Sesungguhnya mereka dahulu berada di dalam keraguan yang amat mendalam."(54)

Yakni mereka telah dihalangkan dari beriman pada bukan waktunya dan dihalangkan dari terlepas dari 'azab seksa yang dilihat mereka, juga dihalangkan dari mendapat keselamatan dari bahaya yang dihadapi mereka:

كَمَا فُعِلَ بِأَشْيَاعِهِم مِّن قَبْلُ ۚ

"Sebagaimana telah dilakukan kepada orang-orang yang serupa dengan mereka sebelum ini."(54)

Mereka telah di'azabkan oleh Allah, lalu mereka meminta diselamatkan setelah dilaksanakan hukuman itu dan setelah tidak ada lagi tempat untuk melarikan diri.

إِنَّهُمْ كَانُوا۟ فِى شَكٍّۭ مُّرِيبٍۭ ﴿٥٤﴾

"Sesungguhnya mereka dahulu berada di dalam keraguan yang amat mendalam."(54)

Dan inilah keyakinan mereka setelah mereka dilamun keraguan yang amat mendalam itu.

* * * * * *

Demikianlah surah ini ditamatkan dengan nada-nada pernyataan yang cepat dan keras. Ia ditamatkan dengan satu pemandangan dari pemandangan-pemandangan Qiamat yang mengukuhkan persoalan kebangkitan selepas mati dan persoalan balasan yang ditekankan di dalam surah ini sebagaimana telah dilakukannya pada akhir setiap pusingan dan di celah-celah surah ini. Ia dimulakan dengan membicarakan persoalan ini dan diakhiri dengan membicarakan persoalan yang sama dengan ungkapan-ungkapan yang keras dan lincah.

* * * * * *